



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 02 DISEMBER 2013 [ISNIN]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B.Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff
Pelapor Perbahasan

[Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi]

[Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat]

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang kesepuluh 2 Disember 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. BACAAN DOA.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER: Selamat pagi Ahli Yang Berhormat semua. Kita mulakan dengan pertanyaan pertama. Soalan 158 telah dijawab bersekali dengan Soalan 66. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 159.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN GAN PEI NEI (RAWANG)

TAJUK : YAYASAN BASMI KEMISKINAN

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah aset baik dalam bentuk tanah ataupun kewangan yang disumbangkan kepada Yayasan basmi Kemiskinan tetapi kini dibekukan dan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memantau dan memastikan bahawa sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada mana-mana badan kebajikan adalah digunakan secara sebaiknya?

Y.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Puan Speaker. Yang Berhormat Rawang membangkitkan isu Yayasan Basmi Kemiskinan. Untuk ini saya perlu jelaskan ada tiga Yayasan yang ditubuhkan dan digunakan sebelum 2008 sebagai alat pembangunan dan pelaksanaan program-program Kerajaan Negeri Selangor. Satu ialah Yayasan Basmi Kemiskinan. Dua ialah Yayasan Selangor. Ketiga ialah Yayasan FAS, (*Football Association of Selangor.*)

Modus operandinya ialah Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan tanah kepada Yayasan-yayasan ini dan dengan menggunakan hartanah ini Yayasan akan membina dana untuk meneruskan aktiviti-aktiviti dan objektif Yayasan tersebut. Apabila Kerajaan Pakatan Rakyat meneliti fungsi-fungsi Yayasan tersebut termasuk Yayasan Basmi Kemiskinan, Yayasan Selangor mendapati harta-harta yang diberikan oleh negeri kepada Yayasan ini tidak diurus dengan secara profesional. Harta-harta ini ada kalanya diserahkan pula oleh Yayasan kepada kumpulan-kumpulan lain untuk diuruskan dan kajian kita menunjukkan pendapatan dari apa yang dikatakan usaha sama (*joint venture*) tersebut sangat kecil hasilnya kepada Yayasan.

Untuk jawapan yang kedua. Kita dan kedua pengurusannya pun tidak begitu cekap sehinggakan tanah-tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Yayasan ini dibiarkan sahaja dan cukainya pun tidak dibayar. Oleh itu, kita telah membekukan tanah-tanah, antara tanah-tanah yang dibekukan ialah di Kuala Selangor, di Hulu Selangor, Petaling dan Gombak. Tanah-tanah nama Yayasan Basmi Kemiskinan dan tidak diuruskan hartanah tersebut. Jadi langkah kita ialah meninjau kembali keberkesanan Kerajaan Negeri memberikan tanah-tanah kepada Yayasan-yayasan ini dan hasilnya kepada negeri dan juga kepada aktiviti-aktiviti Yayasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan Tambahan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya untuk Yayasan Basmi Kemiskinan ini khasnya sama ada Kerajaan Negeri Selangor *have a says* dengan izin dalam pengurusan dan pentadbiran untuk bersama-sama kita manfaatkan Yayasan ini untuk bantu dalam segala program atau pun polisi berkenaan dengan pembasmian kemiskinan di Negeri Selangor ini.

Y.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker. Sebenarnya penubuhan Yayasan ini dianggap sebagai penubuhan NGO (*Non Government Organization*). Biasanya

Menteri Besar dan beberapa Ahli EXCO mungkin dijemput untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah Yayasan tersebut supaya dapat hubungan antara Negeri dan juga Yayasan. Walau bagaimanapun, selepas 2008 nampaknya hubungan itu tidak termesra sebelum 2008. Serupa juga macam dewan orang ramai walaupun tanah kerajaan tapi pembinaan dikuasai oleh kumpulan-kumpulan tertentu jadi mereka tidak lagi mahukan bersama dengan Kerajaan Negeri terutama Yayasan Basmi Kemiskinan tapi apa yang kita lakukan ialah memantau harta-harta yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada mereka supaya hasilnya adalah untuk menjalankan tugas pembasmian kemiskinan bukan mengayakan setengah daripada mereka-mereka yang diberikan tanah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, adakah Kerajaan bersetuju bahawa ini satu penghinaan kepada Rakyat Selangor di mana YBK ini yang asalnya ditubuhkan di Tingkat 21 dengan harapan untuk sebagai satu alat untuk membantu Kerajaan tetapi menjadi YBK Sendirian Berhad dan telah menjadi seolah milik peribadi. Apa pandangan Kerajaan.

Y.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker. Saya simpati tentang kenyataan Kota Anggerik tapi kalau nasi sudah menjadi bubur sudah tak payah diceritakan lagi sebab tujuannya ialah kita, Kerajaan Negeri memberikan tanah itu supaya diurus dengan tumpuan kepada perkara tersebut. Jadi ini satu pengajaran yang sangat besar bagi kita iaitu apabila Kerajaan Negeri memberikan tanah-tanah kepada institusi atau pun kepada individu, Kerajaan Negeri janganlah bersifat tidak profesional dalam pemberian tersebut kerana tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri adalah tanah rakyat jadi kalau kita bagi kepada rakyat-rakyat tertentu dengan harga yang *nominal* bererti kita menyerahkan hak rakyat kepada orang lain. Oleh sebab itu, saya telah cadangkan sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri mengukur pemberian tanah-tanah tersebut dengan berasaskan konsep *net development value* supaya ada rekod. Inilah harta-harta yang diberikan. Sebagai contoh, saya agak rasa terkilan kerana Kerajaan Negeri memberikan tanah 3,000 ekar untuk ditanamkan kelapa sawit atas nama Yayasan Selangor lepas tu tak sampai 3 tahun tanah tu bukan sahaja tidak dimiliki oleh Yayasan Selangor dimiliki oleh Yayasan YS Berhad bukan Yayasan Selangor. YS Berhad yang pemiliknya, pemilik sahamnya bukan lagi Yayasan Selangor dan perkara itu menunjukkan bagaimana tidak profesionalnya kita menjaga amanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Batang Kali Soalan 160 telah dijawab bersekali dengan Soalan 22. Kampung Tunku 162 telah dijawab bersekali dengan Soalan 67. Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 163.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: KESELAMATAN DI BANDAR

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana kerajaan dengan peranan yang terhad dan agensi-agensi yang di bawah Kerajaan Negeri, menangi isu keselamatan khususnya di bandar-bandar?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, kerajaan dengan peranan yang terhad dan agensi-agensi yang di bawah Kerajaan Negeri telah merangka dan merancang program bersepadu ke arah mengurangkan kes-kes ini iaitu kes-kes jenayah di setiap PBT di Selangor. Kerajaan Negeri melalui PBT juga dalam usaha menyatukan agensi Kerajaan Pusat, agensi Kerajaan Negeri dan Swasta bagi membantu penyelarasan operasi penguatkuasaan. Selain daripada itu, aktiviti masyarakat serta kempen juga perlu diperkukuhkan di semua peringkat umur rakyat Selangor supaya ia menjadi gaya hidup rakyat Selangor.

Antara strategi yang dirancang untuk keselamatan bandar adalah seperti berikut:-

Satu, memperkasakan jawatankuasa program bandar selamat. Dua, memperkukuhkan hubungan kerjasama antara Pihak Polis, PBT dan masyarakat setempat. Tiga, mengurangkan peluang berlakunya jenayah melalui reka bentuk fizikal dan memperbaiki kemudahan melalui lima langkah segera program bandar selamat. Empat, memberi pendidikan awal di kalangan pelajar mengenai keselamatan dan nilai-nilai murni. Enam, mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang berterusan bagi menanam sikap positif di kalangan penduduk. Enam, menyediakan kemudahan awam yang mencukupi dan mesra OKU dan Tujuh, memperkasakan penguatkuasaan pencegahan jenayah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani jika sekiranya jenayah ni dilaksanakan ataupun dilakukan oleh warga asing di Negeri Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, itu adalah soal penguatkuasaan selepas berlakunya jenayah. Yang itu adalah di bawah bidang kuasa pihak polis. Bagi pihak PBT apa yang boleh dilakukan adalah dalam proses pencegahan. Oleh itu, untuk soalan apakah tindakan ianya hanya dapat dijawab oleh pihak polis dalam perkara ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati keperluan *gated and guarded* komuniti ada kaitannya dengan soal keselamatan dalam bandar. Apakah pihak Kerajaan cuba memberi jalan kepada penduduk-penduduk di bandar supaya boleh membuat *gated and guarded*.

memberi jalan kepada penduduk di bandar supaya boleh buat *guarded gated*.

Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, buat masa ini Kerajaan telah pun menyediakan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta Lembaga Perumahan telah pun menyediakan satu garis panduan yang membenarkan dalam keadaan terhad apa itu pemasangan *boom gate* dan sebagainya untuk sebagai kawasan *gated and guarded*. Ini untuk adalah untuk kawasan-kawasan yang pada mulanya bukan dirancang supaya kawasan *gated and guarded*. Bagi kawasan yang telah pun dipohon dari awal lagi daripada peringkat perancangan pembangunannya memang dibenarkan dengan syarat-syarat ditetapkan oleh Akta-akta berkenaan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Sg. Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Speaker soalan no. 164.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: PROJEK PERTANIAN MODEN

164. Projek pertanian merupakan sumber pendapatan rakyat di Selangor dan membantu peningkatan ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam pemodenan pertanian di Negeri Selangor?
- b) Nyatakan lokasi industri pertanian yang dibangunkan di bawah sokongan kerajaan negeri dari 2008 – 2012.
- c) Berapakah jumlah peruntukan dan keuntungan yang diperoleh untuk projek ini dari 2008 – 2012?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih Tuan Speaker, Sg Tawar. Sg Tawar bertanya berkaitan dengan projek pertanian yang merupakan sumber pendapatan rakyat di negeri Selangor. Jadi persoalannya ialah apa usaha kerajaan negeri dalam pemodenan pertanian di negeri Selangor.

- a) Antara usaha kerajaan negeri dalam pemodenan pertanian di Negeri Selangor adalah:
 - i) Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program *Natural Farming* kawasan padi. Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 16.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009 – 2013). Keutamaan kepada pengamalan teknologi '*Rice Check*' di mana tumpuan diberi kepada :
 - ii) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Di mana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM7,560,000 di bawah RMK10 (Tahun 2011-2015).
 - iii) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan

Kelapa), dan Program Pembangunan Tanaman Industri(Nanas dan Umbisi) di mana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut di bawah RMK10 bagi (Tahun 2011-2015). Program pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran menumpukan kepada penggunaan teknologi fertigasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

- iv) Menggalakkan dan membimbing petani ke arah Pertanian Lestari dengan objektif:
- Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani.
 - Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna . Meningkatkan hasil dan pendapatan petani melalui pengurangan penggunaan bahan agro kimia.
 - Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam.
- v) Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM), melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam, mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan.
- MyGAP dalam penjenamaan semula Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM), yang merupakan skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor pertanian. Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia.
 - SOM pula ialah sebuah program pensijilan yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut kriteria dan keperluan yang telah ditetapkan dalam Standard (SOM) atau pun Skim Organik Malaysia. Hasil yang dikeluarkan dari ladang telah diberi pensijilan SOM pula boleh dilabelkan sebagai produk organik dan berhak menggunakan Organik Malaysia di atas produk organik dan berhak menggunakan Organik Malaysia di atas produk mereka. Dengan label ini, produk tersebut boleh dipasarkan sebagai produk organik dengan harga yang setimpal.
- vi) Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian

melalui seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil daripada aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan ke arah Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Pensijilan Halal.

- vii) Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia di mana aktiviti-aktiviti latihan, seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem Pengembangan Teknologi Pertanian.

TUAN SPEAKER: Y.B. Sabak saya minta berikan data secara bertulis kerana masa telah mencukupi. Dan seterusnya Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 165.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PEJABAT MENTERI BESAR

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah kakitangan Pejabat Menteri Besar?
- b) Bagaimanakah cara pelantikan Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Setiausaha Politik dan Akhbar serta Pegawai-pegawai Khas (Lantikan Kontrak)?

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, Lembah Jaya bertanyakan tentang jumlah kakitangan Pejabat Menteri Besar dan bagaimana cara pelantikan pegawai penerangan Kerajaan Negeri Selangor, Setiausaha Politik dan Pegawai Khas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terdapat 31 warga kerja di bawah Pejabat Menteri Besar, sebahagian besar daripada mereka ialah pembantu-pembantu seumpamanya dari segi pemandu kenderaan. Kita ada lebih daripada 8 orang. Jadi maknanya dan unit pentadbiran 1 Pegawai Tadbir dan Diplomatik, seorang, Pembantu Tadbir Kesetiausahaan seorang, Pembantu Tadbir juga ada satu orang dan ini semuanya di bawah kelolaan Jabatan Guna Tenaga iaitu dan Unit Media kita ada Setiausaha Akhbar, Pereka Set Jurufoto dan Pembantu Tadbir tiga orang. Unit kewangan kita ada

seorang Pembantu Tadbir Kewangan Gred W17 jadi tak ada ... saya tidak menjalankan program seperti sebelum ini Menteri Besar melantik banyak pegawai-pegawai sampingan yang tidak termasuk dalam rekod Menteri Besar iaitu ada Pegawai Pendidikan dimasukkan dalam Pejabat Menteri Besar. Pegawai dari Kementerian ada juga tapi kita katakan ini tidak memberikan kesan kepada cara pentadbiran yang telus dan *flat* maknanya purata yang jelas. Konsep saya untuk pentadbiran yang pernah saya lakukan semasa di sektor swasta ialah konsep *Lean and Mean* maknanya kecil dan *mean* itu tidaklah terlalu marah tetapi dia bertenaga.

Kedua pelantikan Setiausaha Politik adalah berdasarkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor yang mana Menteri Besar boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan sesuai untuk menjadi Setiausaha Politik.

- I. Setiausaha Politik itu boleh meletakkan jawatannya bila-bila masa.
- II. Tertakluk kepada hendaklah memegang jawatan sehingga pelantikannya ditamatkan oleh Menteri Besar itu dia punya kuasa Menteri Besar dan kaedah-kaedah ini juga tak ada peruntukan untuk Setiausaha Akhbar dan pelantikan khas itu tak ada peruntukan dalam apa yang dikatakan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya berkenaan dengan Pegawai-pegawai di pejabat Menteri Besar ini. Saya nak minta penjelasan daripada Y.A.B. tentang bilangan kakitangan di pejabat Menteri Besar sekarang, sekarang Menteri Besar sekarang Pelabuhan Kelang dan dulu perbezaan berapa, berapa perbezaan itu dan kedua kosnya, kos dulu dan kos sekarang dan keberkesanan, keberkesanan dulu dengan sekarang yang mana sila berikan penjelasan yang teliti. Terima kasih yang dulu dan yang sekarang, dulu aku ditendang sekarang di sayang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak ada data untuk ini walau bagaimana pun pada penelitian saya semasa, sebelum 2008 terdapat lebih daripada 60 yang bekerja, ada kalanya yang bekerja di pejabat, ada kalanya bekerja di luar pejabat tapi dibayar melalui pejabat termasuk di rumah Menteri Besar. Jadi ini tidak berlaku dan saya pun tak nak membuat kajian perbezaan kerana apa pun yang berlaku tidak akan menguntungkan kalau kita tahu jawapan pun apa-apa yang penting ialah pengurusan mesti cekap, teratur supaya dapat menjalankan tugas.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 166

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: KEMUDAHAN NURSERI DAN TADIKA

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan bagi memenuhi janji manifesto bahawa semua bangunan negeri akan disediakan dengan kemudahan nurseri dan tadika dalam tempoh 5 tahun?
- b) Berapakah bangunan negeri yang sudah disediakan dengan kemudahan tersebut setakat ini? Berapakah peratusan secara keseluruhannya?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: *Bismillahir rahmannir rahim* Tuan Speaker dan Damansara Utama. Damansara Utama bertanya tentang apakah rancangan bagi memenuhi janji manifesto bahawa semua bangunan negeri akan disediakan dengan kemudahan nurseri dan tadika dalam tempoh 5 tahun..

Jawapannya Damansara Utama ialah Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sedar dan ambil peduli tentang kesukaran dan isu yang dilalui oleh Modal Insan penting yang menyumbang kepada produktiviti dan pencapaian Kerajaan Negeri khususnya golongan Modal Insan Wanita mengenai pengasuhan dan pendidikan awal anak yang berkualiti justeru Kerajaan Negeri sedang melakukan kajian dan penyelidikan untuk melaksanakan hasrat tersebut dengan cara yang terbaik *Insyah-Allah*. Setakat ini dianggarkan 10 daripada 42 bangunan Kerajaan menyediakan kemudahan nurseri dan saya kurang pasti tentang tadika tetapi nurseri, tadika ini saya kena lihat dulu dia punya apa, dia punya piawaian itu. Oleh itu peratus keseluruhan adalah sebanyak 24% setakat ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Soalan 167.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: KEGAGALAN MENDAPAT PINJAMAN PERUMAHAN

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kegagalan penduduk setinggan mendapat pinjaman dari syarikat pembiaya kewangan atas alasan lebih umur, tiada slip gaji, tiada pendapatan tetap. Contoh : penduduk *Flat Dadimur*, Batu Caves yang sudah dapat kelulusan dari LPHS namun gagal mendapat pinjaman?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDULSAMAD: *Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera* terima kasih kepada Batu Caves. Untuk maklumat Batu Caves bahawa seperti mana yang telah dinyatakan dalam Manifesto Pakatan Rakyat bahawa akan melaksanakan atau pun menawarkan skim pinjaman Kerajaan Negeri di mana ia nya akan melibatkan jumlah sebanyak RM50 juta setahun, jadi bermakna untuk 5 tahun sebanyak RM250 juta. Dalam kes yang dimaksudkan oleh Y.B. bahawa ianya akan dimasukkan di dalam skim tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa skim ini merupakan satu usaha Kerajaan Negeri yang telah dimulakan apabila kita hendak membeli pangsapuri kos rendah di Sungai Sireh dan juga di Rimba Jaya di mana kita telah mengadakan satu perbincangan atau rundingan dengan beberapa bank dan akhirnya kita dalam peringkat terakhir untuk memuktamadkan program ini di mana kita melihat bahawa bukan sahaja kita nak hadkan program pinjaman skim pinjaman Kerajaan Negeri ke Sungai Sireh dan juga kepada Rimba Jaya tetapi akan dilebarkan kepada kesemua pembeli-pembeli rumah kos rendah yang tidak mendapat pinjaman. Jadi benda ini kita dalam peringkat terakhir kita meletakkan *dateline* nya adalah pun had perbincangan adalah akhir tahun ini selepas itu ia akan dilaksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan168 telah dijawab bersekali dengan soalan 46. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 169.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BINI HASSAN
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: PENURAPAN & BAIK PULIH JALAN-JALAN KAMPUNG BUKAN
DIGAZETKAN SEBAGAI RIZAB JALAN**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membaik pulih dan menurap jalan-jalan kampung yang diwartakan, bagaimana pula kaedah untuk jalan-jalan rizab yang bukan diwartakan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, Tuan Speaker. Dusun Tuan bertanya berkaitan dengan penurapan dan baik pulih jalan-jalan kampung yang bukan digazetkan sebagai rizab jalan. Bagi tahun 2013, sehingga Oktober, kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM1,719,157.70, dengan melaksanakan 55 projek penyelenggaraan dan baik pulih jalan melalui projek Pembangunan Kecil setiap daerah. Kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih ini adalah berdasarkan kepada permohonan yang telah dikemukakan oleh unit, kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung ataupun JKKK, aduan awam ataupun penduduk serta pemantauan yang dilakukan sendiri oleh Pejabat Tanah dan Daerah. Kerja penyelenggaraan dan penurapan semula ini adalah melibatkan jalan-jalan kampung yang berstatus tanah kerajaan. Bagi tanah-tanah hak milik persendirian yang dijadikan laluan awam, ianya perlulah melalui proses serah semula kepada kerajaan negeri bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Teratai, tidak hadir. Kajang.

Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH: Soalan 171.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

**TAJUK: KEKURANGAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DALAM
KAWASAN DUN KAJANG**

171. Banyak rumah ibadat bukan Islam dalam kawasan Kajang adalah bertapak di atas tanah kediaman, perniagaan dan perindustrian

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan tapak-tapak yang khusus untuk menempatkan rumah ibadat bukan Islam dalam kawasan Kajang secara khususnya dan dalam Negeri Selangor secara amnya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri daripada masa ke semasa meluluskan pewartaan tapak khusus bagi menempatkan rumah ibadat selain Islam di kawasan DUN Kajang dan seluruh Selangor. Melalui permohonan yang dimajukan melalui Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Selain Islam. Rancangan yang teliti dari pelbagai aspek perlu diambil kira dalam meluluskan sesuatu tapak yang diwartakan sebagai tapak rumah ibadat selain Islam. Di dalam masa yang sama pemaju telah disyaratkan untuk menyediakan tapak rumah ibadat selain Islam yang mencukupi bagi menampung keperluan rumah ibadat pada masa akan datang di dalam rancangan pemajuan pembangunan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIIN MOHD ZOHD: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya, 172.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIIN MOHD ZOHD
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS

172. Peruntukan sebanyak RM29,000,000.00 untuk membina Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) di Alam Impian.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sumber kewangan bagi membina MITS?
- b) Apa status pembinaan dan berapa orang pelajar yang mampu ditampung apabila sudah siap nanti dan kriteria pemilihan pelajar tersebut?

- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pelajar yang telah tamat pengajian tidak terabai.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Tuan Speaker dan terima kasih pada Sungai Panjang. Sungai Panjang bertanya berkaitan dengan peruntukan yang dibelanjakan sebanyak RM29,000,000.00 untuk membina Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) di Alam Impian. Soalannya ialah nyatakan sumber kewangan bagi membina Maahad Tahfiz tersebut. Pembinaan Maahad Integrasi Tahfiz Sains, Alam Impian adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.

Soalan seterusnya ialah tanya tentang status pembinaan dan berapa orang pelajar yang mampu ditampung apabila sudah siap dan kriteria pemilihan pelajar. Status pembinaan sekarang ini ialah 79% siap dan boleh menampung seramai 300 orang pelajar. Kriteria pemilihan pelajar adalah seperti berikut :

- i) Warganegara Malaysia, keutamaan kepada rakyat ke bawah Duli Sultan Selangor.
- ii) Pelajar tersebut perlu mendapat Mumtaz yakni paling kurang 90% dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA). Dan dipilih yang tertinggi untuk panggilan temu duga.
- iii) Memperoleh sekurang-kurangnya 4A 1B, dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).
- iv) Lulus PAFA, Program Agama Fardu Ain, Jabatan Agama Islam Selangor.
- v) Mendapat markah terbaik dalam temu duga khas tingkatan 1.

Soalan ketiga, bertanya perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pelajar yang telah tamat pengajian, tidak terabai. Dan Alhamdulillah, bahawa pelajar yang telah tamat pengajian di MITS akan layak melanjutkan pelajaran di IPTA ataupun di IPTS dalam dan luar negara. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia, tidak hadir, Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 174.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan lokasi WIFI Selangorku yang telah dipasang dan beroperasi dengan baik di Hulu Selangor;
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat bertambah lokasi WIFI Selangorku di Hulu Selangor selaras dengan semangat "*go rural*".

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Kuala Kubu Baharu. Tuan Speaker, Kuala Kubu Baharu bertanyakan tentang WIFI Selangorku. Melalui peruntukan geran Selangorku, Kerajaan negeri Selangor telah menyediakan 112 lokasi perkhidmatan WIFI di seluruh Negeri Selangor, untuk rakyat Negeri Selangor meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Setiap DUN diperuntukkan sebanyak dua lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan terpilih, setiap DUN diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi, bagi memastikan semua mendapat kemudahan tersebut. Lokasi WIFI Selangorku yang telah dipasang dan beroperasi dengan baik di daerah Hulu Selangor, dan di bawah pemantauan Majlis daerah Hulu Selangor adalah seperti berikut :

- i) Dewan Orang Ramai Sungai Selisik, Kampung Sekolah, Sungai Selisik, Kuala Kubu Baharu, N05 Hulu Bernam.
- ii) Balai raya Kampung Hulu Bernam, Jalan Besar Hulu Bernam, N05 Hulu Bernam.
- iii) Pejabat Majlis Daerah Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan, N06 Kuala Kubu Baharu.
- iv) Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kuala Kubu Baharu, Tingkat 1, Jalan Kamaruddin, Kuala Kubu Baharu, N06, Kuala Kubu Baharu. Yang ini akan di *relocate* kan ke Pejabat YB Kuala Kubu Baharu.
- v) Apartmen Kenangan, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, N07 Batang Kali.

vi) Dewan Komuniti, Bukit Sentosa, N07, Batang Kali.

Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk menambah lokasi WIFI Selangorku di seluruh kawasan DUN, termasuk DUN Hulu Selangor mulai tahun 2014. kaedah yang sama akan dilakukan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih iaitu berdasarkan cadangan kawasan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan tersebut, apabila perancangan penambahan WIFI Selangorku dilaksanakan kelak.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Saya nak minta penjelasan sama ada penambahan lokasi WIFI itu akan berlaku pada tahun ini ataupun tahun depan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Kita, pihak Kerajaan Negeri akan menambahkan lokasi WIFI Selangorku ini, pada 2014 mengikut, berperingkat-peringkat, mengikut fasa dan juga kelulusan pihak Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Soalan 175 telah dijawab bersekali dengan soalan 67. Jeram, tidak hadir, Taman Templer, tidak hadir, Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan 178.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: PEMINDAHAN SJKT CASTLEFIELD

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini dengan pemindahan SJKT *Castlefield* Puchong?
- b) Sila nyatakan tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu pemindahan SJKT *Castlefield*.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Kinrara, Puan Speaker. Status terkini pemindahan SJKT *Castlefield* Puchong, adalah pihak syarikat Prasarana

Negara Berhad, akan membina SJKT *Castlefield*, di atas Lot 133, Persiaran Wawasan Puchong dengan kos tidak melebihi RM20,000,000.00. Walau bagaimana pun satu mesyuarat akan diatitkan bagi membincangkan pelan reka bentuk sekolah dengan 24 bilik darjah yang mematuhi garis panduan Kementerian Pelajaran.

Yang kedua, SJKT *Castlefield* yang terletak bersebelahan dengan Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP) telah dibina di atas tanah milik Pendaftar Pentadbir Tanah Persekutuan, dengan menggunakan peruntukan Pembinaan Lebuhraya LDP seperti yang disyaratkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Permasalahan bermula apabila pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) telah meminta tapak gantian untuk dibina sekolah baru sebagai ganti sebahagian kecil padang iaitu sepanjang 180 meter ataupun 0.4 ekar yang terlibat dengan jajaran projek sambungan LRT yang dijangka siap pada akhir 2014. Setelah beberapa siri perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia, persetujuan telah dicapai supaya pihak KPM atau Kementerian Pelajaran memajukan tanah Lot 133 kepada LPS, bagi tujuan pembinaan sekolah baru SJKT *Castlefield* Puchong. Sehubungan dengan itu, pihak prasarana juga telah bersetuju bagi membina sekolah baru di tapak tanah tersebut dengan mematuhi spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Pentadbir Tanah Petaling akan membantu dalam menyelaras isu tanah tapak sekolah dan pembinaan sekolah bersama KPM dan prasarana agar kerja-kerja pembinaan projek LRT yang tergendala di tapak sekolah sedia ada dapat disambung semula. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Kinrara ingin nak tanya, bilakah pembinaan sekolah yang baru tu, ditapak baru tu akan dimulakan. Kerana saya difahamkan, satu syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran adalah pembinaan ini seharusnya dapat 100% persetujuan daripada ibu bapa. Dan ini memang sukar dicapai. Jadi saya ingin tanya macam mana Kerajaan Negeri Selangor boleh selesaikan masalah ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih, Kinrara, dan tahniah kerana begitu prihatin. Perbincangan sedang dijalankan dengan semua pihak sekolah dan sebagainya. Dan kita akan umumkan tarikhnya nanti. Jadi, kita daripada pihak Kerajaan, kita telah menyediakan, memudah cara perbincangan di antara semua pihak yang bertelagah itu. *Insyaa-Allah*.

TUAN SPEAKER: Batu Caves

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Speaker, soalan 179.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : STATUS RUMAH PANJANG SUNGAI KERTAS

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini penempatan transit rumah panjang Sungai Kertas di tanah milik MAIS?
- b) Berapa ramai di kalangan mereka yang telah menerima rumah-rumah?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada batu Caves. Batu Caves ingin kepastian berhubung kait dengan status penempatan transit rumah panjang Sungai Kertas di tanah milik MAIS. Setakat ini pihak MAIS tiada sebarang perancangan berhubung isu penempatan transit rumah panjang ini disebabkan pihak MAIS tidak mempunyai peruntukan untuk menempatkan setinggan tersebut. Transit rumah panjang tersebut telah pun diduduki sebelum pihak MAIS memperoleh hak milik tanah tersebut. Pihak Majlis Perbandaran Selangor dan Jabatan Pengairan Selangor juga tidak dapat membantu disebabkan ketiadaan rumah untuk memindahkan setinggan yang terdapat di atas tanah tersebut.

Soalan b, berapa ramai di kalangan mereka yang telah menerima rumah-rumah? Seramai 12 orang yang telah menerima rumah-rumah tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 180 telah dijawab bersekali dengan soalan 65, 181 juga telah dijawab bersekali dengan soalan 32, 182 telah dijawab bersekali dengan soalan 85. Kajang.

Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH: Puan Speaker, soalan 183.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK: AKTIVITI EKONOMI UTAMA SELANGOR

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Butir-butir aktiviti ekonomi dalam Negeri Selangor mengikut jenis, iaitu perindustrian, perkhidmatan, pertanian dan sebagainya dan sumbangan mereka kepada keseluruhan ekonomi Negeri Selangor dalam tahun 2012?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan negeri Selangor dalam meningkatkan aktiviti perindustrian yang tidak "*labour intensive*".

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Kajang, menanyakan aktiviti utama tentang aktiviti ekonomi utama negeri Selangor. Mengenai butir-butir aktiviti ekonomi dalam negeri Selangor mengikut jenis dan bentuk dan apakah langkah-langkah Kerajaan negeri dalam usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada buruh kasar ataupun tidak "*labour intensive*". Maklumat-maklumat yang kajian kita menunjukkan, sektor utama tumbuh sangat perlahan dan sektor perindustrian memberikan sumbangan mereka kepada ekonomi negeri Selangor ialah 39.9%. Bererti 39.9% daripada keluaran negeri dalam negeri Selangor, adalah daripada sektor perindustrian. Dan pergerakan dia agak sederhana, sebab keadaan ekonomi dunia. Sejak dua tahun ini, agak lembap, terutama di Eropah dan juga di Amerika. Sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 58.3%. Dan apakah pecahan sektor perkhidmatan. Pecahan-pecahannya, satu ialah utiliti, pengangkutan dan itu satu sektor. Perdagangan borong dan runcit, sektor yang kita. Dan kewangan dan insurans, hartanah lagi sektor. Sektor-sektor ini kita ambil kira, umpamanya kewangan dan industri, industri hartanah, kewangan insurans, industri hartanah ialah hampir 20%. Dan perdagangan borong dan runcit, *this is the commercial sector*, 18%, dan utiliti dan pengangkutan 11.3%.

Perkhidmatan Kerajaan termasuk dalam kiraan Sektor Perkhidmatan ialah 5.2%. Jadi kalau kita kaji dan tengok perkembangan ekonomi negeri Selangor sejak 20 tahun yang lepas ia bergerak daripada penggantungan dari Sektor Perindustrian. Dulunya sektor perindustrian melebihi 50% sumbangannya kepada keluaran dalam negeri kasar negeri Selangor tetapi sudah berkurangan kepada 39.9%. Angka ini bukan dianggap sebagai dipanggil pengurangan, maknanya, tetapi peratusnya yang berkurangan sebab ekonomi Selangor berkembang besar dan peratus perkembangan oleh sektor perindustrian itu, oleh sebab ia sudah mula dalam keadaan mendadak. Menyebabkan ia sampai ke peringkat 39.9% malahan sektor perkhidmatan telah melonjak dan akhirnya menguasai 58.3% daripada ekonomi di negeri Selangor. Itulah sebabnya, saya mula menggalakkan pertumbuhan-pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan ini saya ingin gunakan masa sedikit sahaja. Sektor ini akan memberikan jawapan kepada

masalah *labour Intensive*. Jadi, umpamanya sektor perkhidmatan dalam bahagian apa yang dipanggil *Medical Tourism*. *Medical Tourism* itu boleh dianggap sektor perkhidmatan. Perkhidmatan untuk memberi perkhidmatan untuk menjaga kesihatan ataupun mengawal penyakit. Dan mereka-mereka yang bekerja dalam sektor itu, terdiri daripada mereka secara kebesarannya ialah pekerja-pekerja mahir. Termasuk doktor, *specialist*, *nursing* dan juga penggunaan alat-alat teknologi yang menolong mereka membuat kerja dan membuat keputusan. Jadi sebab itu, tumpuan kita terhadap sektor-sektor perkhidmatan ini akan mula membawa ekonomi negeri Selangor kepada ekonomi yang menghasilkan kenaikan pendapatan ber *capital* kepada rakyatnya di samping pengurangan tanggungan kepada buruh-buruh kasar atau pun buruh-buruh yang dilabelkan *labour Intensive*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Kampung Tunku ingin bertanya dalam bidang pelaburan kita mempunyai satu terma yang sangat masyhur iaitu kita tidak harus meletakkan semua telur dalam satu *basket*. Dalam kes ini, saya ingin bertanya mengapa kerajaan tidak memikirkan peluang untuk mengembangkan sektor perindustrian dan pembuatan yang berasaskan teknologi tinggi untuk mengimbangi aktiviti-aktiviti yang menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi ke negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Kampung Tunku membangkitkan isu strategik pelaburan dan juga strategi mengelakkan risiko dalam pelaburan. Saya boleh bagi ceramah dalam hal ini sebab saya sangat berminat dalam subjek ini sebab subjek *reward is* itu sebab, itu sebab tapi bila saya bincangkan perkara ini, saya mengambil kira semua kerja ini tapi *the concept putting* hanya jadi maknanya dalam *one basket* apa itu yang dikatakan perkhidmatan sahaja sudah berpuluh-puluh dan *basket* dalam perindustrian juga banyak. Tapi dalam perindustrian kalau pun kita boleh mendapat *capital intensive* tapi ada juga sektor-sektor yang kita tidak ingin. Di antaranya sektor yang tidak ingin ialah *petroleum refinery* dan juga pernah ia meminta untuk dimasukkan dan beroperasi di negeri Selangor tapi kita rasa risiko kepada alam sekitar agak tinggi sebab itu kita tidak galakkan. Walaupun, walau bagaimana pun saya dalam perindustrian saya menggalakkan apa yang dipanggil konsep *cluster*, *cluster* maknanya apabila satu syarikat itu *angle* itu berjaya, ia dapat menubuhkan syarikat-syarikat sampingan. Sebagai contoh kita menerima konsep apa yang dipanggil *solar cell industry*. Konsep untuk mendapatkan tenaga melalui solar apa yang dipanggil *solar chip* yang kita promosikan di Sains Park 2 tapi malangnya, tapi ini dalam *business* pula,

ada baiknya ada juga buruknya. Malangnya walaupun industri itu kita jangkakan berkembang tetapi apa yang berlaku terdapat pergolakan dalam industri tersebut sehinggakan *solar cell* yang *industry* yang kita buat itu, terpaksa membuat keputusan yang lain kerana apabila industri-industri ini telah dikuasai oleh pelabur-pelabur dari negeri China yang membuat pelaburan *solar cell* dengan harga yang lebih-lebih rendah menyebabkan industri ini tidak boleh bersaing. Jadi ada risikonya. Jadi baru-baru ini, syarikat ini terpaksa, syarikat Jerman ini terpaksa menjualkan syarikatnya untuk dibeli oleh syarikat daripada Korea dan membantutkan usaha perkembangan *cluster* tersebut. Jadi jawapan saya, risiko itu ada, bukan pembangunan sahaja, keadaan pasaran dan juga teknologi-teknologi terpaksa dipertandingkan dalam hal ini.

TUAN SPEAKER: Soalan 184 telah dijawab bersekali dengan 110. 185 dijawab bersekali dengan 182. 186 dijawab bersekali dengan 68. Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI: Soalan 187.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: PERUNTUKKAN UNTUK PENGHULU-PENGHULU MUKIM

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat untuk merancang memberi peruntukan khas kepada penghulu-penghulu mukim bagi merancakkan lagi program kampung-kampung?

Y.B. TUAN SALEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada Batu Caves. Batu Caves ingin bertanya berkaitan Peruntukan Penghulu Mukim, adakah pihak kerajaan negeri berhasrat untuk merancang atau merancang untuk memberi peruntukan khas kepada penghulu-penghulu mukim bagi merancakkan lagi program kampung-kampung? Kerajaan Negeri akan sedia maklum tentang kepentingan peranan Penghulu-penghulu Mukim dalam merancang dalam menyelaraskan program kemasyarakatan di kampung-kampung. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri masih belum merancang untuk mengadakan peruntukan khas kepada penghulu-penghulu kerana Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan khas kepada Ketua Komuniti India berjumlah RM10,000.00 kepada 491 buah kampung tradisi, kampung baru, kampung baru bagan dan serta komuniti Kampung India dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM4.9Juta. Peruntukan tahunan ini adalah bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang

melibatkan penganjuran aktiviti-aktiviti kemasyarakatan kampung dan program mesra rakyat sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.1/2011 berkenaan Garis Panduan Peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Selangor.

TUAN SPEAKER: Kuang. Ya, Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Peraturan Tetap 142, saya ingin mengambil soalan 188 sebagai soalan saya.

TUAN SPEAKER: Sila. Soalan 188.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK: EXCO DAN ADUN

188. Badan Pemantauan Pentadbiran Negeri (SELCAT) telah melakukan penyiasatan bagi memastikan EXCO dan ADUN sentiasa bersih daripada penyelewengan sepanjang perkhidmatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan EXCO dan ADUN yang terlibat dalam penyiasatan ini?
- b) Apakah hasil siasatan dan adakah ia diuar-uarkan kepada umum?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Puan Speaker, berhubung dengan pemberian, sumbangan derma ataupun hadiah atau apa-apa bentuk kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, Agensi Badan Berkanun, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri kepada Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (BALKIS) pada tahun 23 hingga 27 Mac, dan 30 Mac hingga 1 April, yang dijalankan pendengaran SELCAT. Di mana Yang Berbahagia Dr. Mohd Khir bin Toyo (Mantan Menteri Besar) telah dipanggil bagaimanapun beliau tidak menghadiri pendengaran tersebut. Keputusan Jawatankuasa rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil.18/2009.

Pendengaran SELCAT berhubung kes Ahli Dewan Undangan Negeri 2008/2009 pada 26 hingga 28 Januari dan 1 hingga 2 Februari 2010 saksi yang dipanggil ialah Y.B. Ronnie Lau Teng Yu (Mantan Ahli EXCO), kedua, Yang Berhormat Shuhaime bin Shafie (ADUN Sri Muda), c, Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADUN

Seri Setia) keputusannya Jawatankuasa mendapati tiada penyelewengan dan salah laku / salah guna kuasa berlaku.

Ketiga, berhubung pembangunan tapak kubur bukan Islam tanpa kebenaran di Seksyen U14, mukim Bukit Raja, daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan pada 1 September 2010, tiada EXCO atau ADUN dipanggil sebagai saksi. Keputusan Jawatankuasa rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Bil.8/2011 yang telah pun dibentangkan di dewan ini.

Keempat, berhubung perolehan penggunaan dan pulangan pinjaman RM90.3 juta oleh P.E.I.S.B., PKPS Agro Sdn. Bhd. daripada Kementerian Kewangan pendengaran pada 7 Mac 2012, tiada EXCO atau ADUN dipanggil sebagai saksi, keputusan Jawatankuasa sila rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil.4/2012 yang telah pun dibentangkan di dewan ini.

Empat, berhubung kejadian banjir yang berlaku di Hulu Kelang dan Klang Selatan pada 6 April 2011, saksi-saksi yang dipanggil adalah Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail (EXCO), Yang Berhormat Tuan Lim Kim Sin (Mantan kawasan Kajang), Yang Berhormat Tuan Kasim bin Abdul Aziz (ADUN kawasan Lembah Jaya), Yang Berbahagia Tuan Manoharan a/l Malayalam (Mantan ADUN Kota Alam Shah), keputusan Jawatankuasa sila merujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil.25/2012 yang telah pun dibentangkan di dewan ini. Berhubung dengan pendengaran awam mengenai Laporan Audit Dalam Tahun 2010 berhubung pengurusan kewangan Yayasan Selangor pada 16 Februari 2012, tiada EXCO atau ADUN dipanggil sebagai saksi, keputusan jawatankuasa, sila merujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil.26/2012 yang telah pun dibentangkan di dewan ini.

Berhubung perolehan penggunaan dan pulangan pinjaman RM 90.3 juta oleh PAISB. PKPS Agro Sdn. Bhd, daripada Kementerian Kewangan pendengaran pada 7 Mac 2013. Tiada EXCO atau ADUN dipanggil sebagai saksi.

Keputusan Jawatankuasa; sila rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 24/2012 yang telah pun dibentangkan di dalam Dewan ini.

Berhubung kejadian banjir di Hulu Kelang dan Kelang Selatan pada 16 April 2012. Saksi-saksi yang dipanggil adalah Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail, EXCO, Yang Berhormat Tuan Lee Kim Sim, mantan ADUN kawasan Kajang, Yang Berhormat Tuan Khasim bin Abdul Aziz, ADUN kawasan Lembah Jaya, Yang Berbahagian Tuan Manoharan a/l Malayalam, mantan ADUN kawasan Kota Alam Shah.

Keputusan Jawatankuasa; sila rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Bil. 25/2012 yang telah pun dibentangkan di dalam Dewan ini.

Berhubung dengan Pendengaran Awam mengenai Laporan Audit Dalam Tahun 2010 berhubung pengurusan kewangan Yayasan Selangor pada 16 Februari 2012; tiada EXCO atau ADUN dipanggil sebagai saksi.

Keputusan Jawatankuasa; sila rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 26/2012 yang telah pun dibentangkan di dalam Dewan ini.

Berhubung Permohonan Tanah Padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya (RTPJ II) pada 27 hingga 28 Jun dan 5 Julai 2012, saksi yang dipanggil adalah Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, ADUN kawasan Seri Setia.

Keputusan Jawatankuasa; sila rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 27/2012 yang juga telah pun dibentangkan di dalam Dewan ini.

Berhubung dengan siasatan ke atas urus niaga perlombongan pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) pada 2 hingga 6 Jun 2010 dan 5 Mac 2012. Saksi yang dipanggil adalah Yang Berhormat Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei, ADUN kawasan Sri Muda, Yang Berhormat Tuan Amirudin bin Shari ADUN kawasan Batu Caves dan Yang Berbahagia Tuan Manikavasagam mantan Ahli Parlimen kawasan Kapar.

Keputusan Jawatankuasa; sila rujuk kepada Penyata Jawatankuasa Kertas Mesyuarat Bil. 27/2012 yang juga telah pun dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Hasil siasatan diperincikan dalam Penyata dan dibentangkan di dalam Dewan. Ianya dapat di *access* melalui rekod yang boleh didapati di Perpustakaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atau melalui permohonan bertulis ke Pejabat Dewan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, soalan nombor 189.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: SEKOLAH MENENGAH AGAMA/MAAHAD TAHFIZ

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- (a) Setakat manakah perkembangan pembinaan sekolah tersebut khususnya di Ampang dan Pandan memandangkan tapaknya sudah tersedia ada dari tahun 2009 lagi, kelulusan di dapati melalui STANCO Agama?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Tuan Speaker, Lembah Jaya ingin mendapatkan kepastian mengenai perkembangan pembinaan sekolah Maahad Tahfiz yang di tapak yang sudah tersedia dari tahun 2009. Apakah kelulusan didapati melalui STANCO Agama. Setakat ini Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk mendirikan sekolah menengah agama atau Maahad Tahfiz Sains di kawasan tersebut kerana tapak sedia ada tidak sesuai keluasannya kerana keperluan terhadap mendirikan Maahad Tahfiz Sains ini paling minimum kita memerlukan seluas lebih kurang 15 ekar tanah.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya yang ke 190.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- (a) Adakah PBT-PBT di Selangor sudah bersedia sepenuhnya untuk mengembangkan pasukan pembersihan sisa-sisa pepejal dalaman (*in-house solid waste team*) untuk menguruskan masalah sisa-sisa pepejal daripada terus bergantung pada kontraktor-kontraktor luar?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, setelah Kerajaan Negeri mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan pembersihan awam dan kutipan sampah daripada Alam Flora, semua PBT bersedia dan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan pasukan *in-house* yang berfungsi sebagai pasukan *back-up* sekiranya berlaku kecemasan. Contohnya lori kompaktor rosak atau pembuangan sampah haram. Dengan adanya pasukan ini secara tidak langsung ia telah meningkatkan kemahiran PBT dalam pengurusan sisa pepejal. Buat masa ini pasukan ini akan berkembang secara berperingkat-peringkat dan akan mengurangkan kebergantungan kepada kontraktor-kontraktor luar. Antara contoh perkembangan daripada PBT ialah :-

- (i) Majlis Perbandaran Klang; menyediakan 5 buah lori kompaktor, 7 buah lori terbuka (8 tan), 9 buah lori 1 tan dan menyediakan pemandu dan pekerja seramai 150 orang untuk kawasan *in-house* dan *back-up*. Selain daripada itu penyelenggaraan kawasan secara *in-house team*.
- (ii) Majlis Perbandaran Subang Jaya; MPSJ telah mewujudkan pasukan tindakan khas bagi menangani masalah sampah. Pada masa ini, kerja yang dibuat secara *in-house* adalah kutipan sampah longgok dan 3 lokasi kutipan sampah. Pihak MPSJ akan mengambil alih kawasan secara berperingkat selepas tamat tempoh kontrak kontraktor-kontraktor sedia ada.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya, adakah Kerajaan pada masa yang sama menubuhkan pasukan *in-house* untuk menjalankan kerja-kerja kutipan sampah ini kerajaan juga menilai prestasi dan juga implikasi kewangan antara pasukan *in-house* dan kontraktor. Dan saya rasa sekiranya ada satu perbandingan dalam dua aspek ini ianya akan membantu kita memahami mana satu yang lebih sesuai untuk Negeri Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, perbandingan seperti ni kajian untuk membandingkan perbelanjaan ini sudah tentu akan dijalankan tetapi itu bukan bererti bahawa sekiranya kita menambahkan *in-house* dan dengan itu kosnya meningkat, maka kita tidak akan menggunakan *in-house* kerana yang paling penting adalah mutu perkhidmatan yang akan diberikan kepada rakyat bukan setakat pada kosnya. Jadi kita harus melihat kepada keberkesanan, *efficiency* dan juga mutu perkhidmatan yang akan diberikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 191 telah dijawab bersekali dengan soalan 21, 192 bersekali dengan soalan 65. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Soalan saya nombor 193.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK: PENCEROBOHAN TANAH-TANAH NEGERI

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan pendirian kerajaan negeri terhadap tanah-tanah negeri yang telah diceroboh sama ada oleh pihak perseorangan ataupun kumpulan-kumpulan tertentu.
- b) Sila nyatakan apakah pendirian kerajaan negeri untuk memberikan hak milik tanah kerajaan kepada pihak perseorangan atau pertubuhan-pertubuhan yang lain. Jika ada apakah mekanismenya untuk mereka memiliki tanah-tanah tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Yang Berhormat Dusun Tua bertanyakan tentang pencerobohan tanah-tanah negeri dan soalnya ialah tentang polisi, kedua bentuk-bentuk pelaksanaan untuk mengatasi perkara ini, Kerajaan Negeri sudah mula membuat *database* tentang semua tanah-tanah milikan Kerajaan Negeri sama ada tanah-tanah yang dikatakan diberikan Milikan Sementara ataupun tanah-tanah kerajaan yang sudah tidak diberikan Milikan kepada sesiapa pun dan juga tanah-tanah yang digazetkan sebagai tanah-tanah hutan. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri mula memberhentikan pencerobohan-pencerobohan oleh mereka-mereka yang mengambil tanah-tanah kerajaan ini. Polisi kerajaan ialah tertumpu pada mereka-mereka yang tidak mempunyai tapak rumah. Maknanya kalau mereka dikatakan duduk di satu-satu tanah, kawasan tanah yang dimiliki oleh Kerajaan lebih daripada 10 - 15 tahun dan itu Kerajaan mengambil sikap bahawa adalah perlu Kerajaan memberikan mereka hak pemilikan tanah tetapi tidak melanggar peraturan-peraturan ataupun peruntukan-peruntukan seperti mereka mendirikan tanah di atas rizab sungai, rizab-rizab jalan dan rizab-rizab yang perlu digunakan oleh Kerajaan pada masa depan demi pembangunan keseluruhan pembangunan tersebut. Jadi polisi Kerajaan tertumpu kepada perkara tersebut dan Kerajaan tidak menggalakkan mereka-mereka yang menceroboh tanah atas dasar untuk mendapatkan tanah sebab dalam kajian Kerajaan kita dapati penceroboh tanah dilakukan oleh bukan orang yang tidak memiliki tanah tetapi dilakukan orang-orang yang biasanya kerjanya ialah menceroboh tanah. Maknanya ialah orang-orang profesional yang melakukan pencerobohannya dan menjualkan tapak-tapak tersebut kepada pembeli-pembeli dengan atas dasar mereka mungkin besok dapat tanah apabila mereka cukup dan sempat melobi daripada Kerajaan untuk memberikan tanah-tanah tersebut dan oleh sebab itulah ada kalanya caranya membuka tanah kemudian melobi untuk tanah tersebut dan sebagai contoh selepas 2008 terdapat sekumpulan peneroka membuka tanah dan menjualkan sebahagian daripada tapak-tapak tersebut dan untuk melobi tanah tersebut mereka menamakan kawasan tersebut Kampung Tan Sri Abdul Khalid. Jadi itu dia dan malangnya dia salah Menteri Besar, jadi oleh sebab itu tidak diluluskan dan tidak dibenarkan. Jadi tak ada atas nama saja boleh dapat tanah, tak boleh. Jadi oleh sebab

itu lah kita mula mengkaji bagaimana kita mengurangkan pencerobohan yang menyebabkan penggunaan tanah dan pemberian tanah tidak mempunyai asas keperluan. Itu sebabnya. Dan Kerajaan tidak akan memberikan milikan tanah kepada individu melainkan jika dia membeli tanah itu daripada Kerajaan berasaskan dengan *net development value*. Jadi pemberian tanah untuk kebajikan berasaskan kepada nominal, maknanya tapi kalau untuk perniagaan dia berasaskan kepada harga pasaran.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 194.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: PELABURAN

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- (a) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan asing?
- (b) Apakah kelebihan strategi ini berbanding dengan negeri-negeri lain?
- (c) Senaraikan sektor/industri di mana Negeri Selangor mempunyai kelebihan daya saing (*competitive advantage*) di peringkat negara ataupun antarabangsa.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Damansara Utama. Puan Speaker, bagi menarik pelabur asing, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan seperti berikut :-

- (i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- (ii) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
- (iii) Bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan.
- (iv) Menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat multinasional yang ada di Negeri Selangor bagi membantu mempromosikan Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di negara masing-masing.

- (v) Mewujudkan hubungan baik dengan pihak kedutaan-kedutaan asing di Malaysia bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Negeri Selangor.
- (vi) Promosi dan pengiklanan peluang-peluang pelaburan dalam majalah-majalah perniagaan dalam dan luar negara.
- (vii) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- (viii) Penubuhan Jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
- (ix) Penubuhan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memantau isu-isu yang berbangkit.
- (x) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
- (xi) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
- (xii) Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- (xiii) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
- (xiv) Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudahkan cara dan membantu para pelabur dalam proses pelaburan di Negeri Selangor.

Kelebihan strategi ini menunjukkan bahawa pelabur terus dibantu bukan sahaja di peringkat Negeri tetapi juga di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu kerjasama di antara pelabur dan Kerajaan menerusi penubuhan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) juga dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Ini terbukti menerusi statistik jumlah pelaburan yang direkodkan bagi tempoh 2008 hingga Ogos 2013 yang mana secara keseluruhannya Selangor terus mendahului negeri-negeri lain dengan pelaburan berjumlah RM 53.24 bilion daripada 1,560 projek perkilangan yang diluluskan.

Berdasarkan faktor-faktor kekuatan dan peluang pelaburan yang ada, Negeri Selangor berpotensi sebagai destinasi pelaburan dalam sektor atau pun industri seperti dengan izin :-

- i) *Food Industries*
- ii) *Biotechnology*
- iii) *Business Services*
- iv) *Outsourcing (BPOs)*
- v) *Green and Clean Technology (Biomass, Solar, Wind, Recycling and Waste Management, Water Treatment etc.)*
- vi) *Education*
- vii) *Healthcare* dan sebagainya, sekian.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan 195.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: TEKanan KEWANGAN

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi tangani masalah berkaitan tekanan kewangan rakyat selain skim yang telah diwujudkan penggal lepas?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Taman Medan Yang Berhormat Taman Medan mempunyai soalan yang bukan sukar menjawabnya tetapi soalan yang perlu beberapa penjelasan polisi. Sebab soalannya ialah tekanan kewangan. Apakah usaha kerajaan bagi tangani masalah berkaitan tekanan kewangan rakyat selain daripada skim yang dijalankan diwujudkan di Negeri Selangor. Kajian saya lebih daripada 80% daripada masyarakat Negeri Selangor daripada masa ke semasa mendapat tekanan kewangan. Bukan satu perkara yang tidak munasabah, umpamanya

Dewan sendiri Ahli Dewan sendiri juga menghadapi tekanan kewangan. Oleh kerana hasil pendapatannya tidak setimpal dengan tanggungan-tanggungan yang dibuat. Jawapan kita ialah jawapan yang terbaik ialah memberikan pampasan yang sesuai supaya mereka dapat menumpukan kerjaya mereka dan dapat menjalankan tugas dengan baik dan tidak memerlukan cara-cara lain untuk menampung keperluan-keperluan tersebut. Jadi itu sebab strategi kerajaan masa depan ialah telus dan telus dan juga memberikan pendapatan yang setimpal dengan *value*. Itu yang dipanggil *value for money*. Maknanya seorang Ahli Dewan mestilah dibayar pendapatan *value for money*. Kalau dia dibayar dengan harga yang rendah maknanya polisi kita atau pun dan kita punya strategi kita tidak betul. Kita katakan kita perlu Belanjawan Negara, Belanjawan Negeri mestilah berasaskan *value for money*. Jadi kita sendiri tidak melaksanakan *value for money*, ertinya kita tidak menjalankan apa yang kita katakan.

Walau bagaimana pun, rakyat-rakyat yang termiskin perlu diberikan keutamaan. Jadi untuk keutamaan ini saya ingat strategi yang terbaik yang boleh kita kembangkan ialah strategi yang kita lakukan dalam program Qardhul Hasan iaitu Yayasan Qardhul Hasan yang mana kita telah menggunakan duit *MBI* melebihi RM50 juta sekarang yang mana kita telah gunakan untuk SKIMSEL dan juga *MiMBAR* dan juga program pekerja-pekerja ladang. Untuk SKIMSEL hampir RM30 juta telah kita gunakan dan hasilnya kita telah dapat membangunkan lebih daripada hampir 10 ribu keluarga yang mendapat pertolongan daripada skim tersebut dan walau pun kita berikan pertolongan, dia dapat pendapatan daripada hasil daripada pertolongan tersebut. Duit kita yang RM30 juta itu masih kekal dalam pemilikan kita dan bertambah. Maknanya dengan *capital allocation* kita membangunkan lebih daripada RM10,000.00 dan *MiMBAR* ialah satu program untuk masyarakat miskin di bandar. Lebih daripada RM5 ribu juga yang termasuk dalam kumpulan ini walau pun saya dapati di bandar mereka lebih, mereka lebih apa yang dikatakan lebih *adventures* lah. Dia lebih banyak yang tak bayar daripada Skim Sel bukan banyak tapi 85% membayar, 15% yang tidak membayar. Jadi maknanya ada lebih banyak risiko di pembayaran di bandar dari luar bandar.

Jadi jawapan saya jika kita dapat kembangkan ini kita dapat menyelesaikan peringkat awal kemiskinan dengan memberi mereka peluang untuk berniaga menjalankan kerja-kerja di samping akhirnya, kemudian mereka berdikari. Tapi projek ini tidak boleh diselesaikan di peringkat ini. Kita juga mesti membuat program yang dipanggil SMI (*Small dan Medium Enterprisers*) yang mana kita mula meningkat penglibatan kepada modal-modal sehingga RM200,000.00. Dengan itu peningkatan pendapatan mereka akan jadi lebih besar dan akhirnya membayar gaji pada semua rakyat Negeri Selangor dengan bayaran yang sesuai dan berpatutan.

TUAN SPEAKER: Semenyih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih Puan Speaker, soalan 196.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK: CUKAI PINTU PBT

196. Terdapat dakwaan kenaikan bayaran kenaikan bayaran cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT walau pun manifesto Pakatan menjanjikan untuk menurunkan cukai pintu kediaman 20 peratus dan perniagaan 10 peratus.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT Selangor dari 2008 hingga 2013?
- b) Adakah nilai hartanah bagi kawasan kediaman dan perniagaan di 12 PBT Selangor sudah meningkat?
- c) Untuk meringankan bebanan rakyat, adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar cukai, jika nilai hartanah melambung tinggi?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker tiada perubahan kadar cukai pintu kediaman dan perniagaan bagi PBT Negeri Selangor bagi tahun 2008 hingga 2013 telah pun dilaksanakan. Malahan kerajaan negeri juga telah melaksanakan pengurangan cukai taksiran. Berikut adalah kadar cukai pintu kediaman dan perniagaan PBT Negeri Selangor di Majlis Bandar raya Shah Alam kediaman kadar cukai tahunan adalah semua bergantung pada tahun 2013, kediaman 4%, perniagaan 7%. Majlis Bandar raya Petaling Jaya, kediaman 7%, perniagaan 8.8%. Majlis Perbandaran Klang, kediaman 6.5%, perniagaan 7.5%. Majlis Perbandaran Subang Jaya, kediaman 5%, perniagaan 8%. Majlis Perbandaran Selayang, kediaman 8.65, perniagaan 10.8%. Majlis Perbandaran Kajang, kediaman 7.7%, perniagaan 8.8%. Majlis Perbandaran Ampang Jaya, kediaman 5.5%, perniagaan 6.6%. Majlis Perbandaran Sepang, kediaman 7.3%, perniagaan 8.45%. Majlis Daerah Hulu Selangor, kediaman 9%, perniagaan 11%. Majlis Daerah Kuala Selangor, kediaman 7%, perniagaan 8%. Majlis Daerah Kuala Langat, kediaman 5.5%, perniagaan 11%. Majlis Daerah Sabak Bernam, kediaman 11.8%, perniagaan 12%.

Nilai hartanah bagi kawasan kediaman dan perniagaan di 12 PBT telah meningkat mengikut nilai pasaran semasa namun senarai nilai dan kadar cukai taksiran yang diguna pakai oleh PBT tidak dinaikkan sejak lebih 20 tahun yang lepas seperti berikut Majlis Bandar raya Shah Alam tahun senarai nilai yang digunakan adalah 2006. Majlis Perbandaran Petaling Jaya, 1992. Majlis Perbandaran Klang 1993. Majlis Perbandaran Subang Jaya 1992 dan 1996. Majlis Perbandaran Selayang 1985. Majlis Perbandaran Kajang 1985. Majlis Perbandaran Ampang Jaya 1997. Majlis Perbandaran Sepang 1996. Majlis Daerah Hulu Selangor 1996. Majlis Daerah Kuala Selangor 1997. Majlis Daerah Kuala Langat 1987. Majlis Daerah Sabak Bernam 1986.

Kerajaan negeri telah melaksanakan dasar terhadap pengurangan cukai taksiran dengan pelaksanaan pengurangan 25% cukai taksiran bagi pemilik pangsapuri kos rendah di seluruh Negeri Selangor. Pemberian ini telah bermula pada penggal kedua cukai taksiran tahun 2012 dan ianya adalah bertujuan meringankan beban rakyat dengan keadaan pasaran hartanah yang melambung tinggi. Kerajaan negeri juga telah memberikan pengurangan cukai taksiran kepada pemilik kediaman yang terdiri daripada orang kelainan upaya (OKU), terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih. Saya nak bertanya penilaian semula cukai taksiran ini atau pun penilaian semula hartanah ini secara tak langsungnya memberi kesan kepada kenaikan cukai, secara tak langsungnyalah. *In directly* dia hanya melibatkan kenaikan cukai, jadi saya nak tanya berapa kerap pihak PBT atau pihak kerajaan membuat penilaian semula hartanah, berapa tahun sekali dan sebagainya. Dan yang kedua agensi yang dilantik untuk membuat penilaian ini untuk menentukan kadar semasa.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker dalam peruntukan Akta Kerajaan Tempatan tidak ditetapkan berapa tahun harus dijalankan. Tapi di negara-negara luar negara sebenarnya setiap tempoh daripada 3 hingga 5 tahun ia akan dijalankan. Tapi di negara ini belum ada lagi peruntukan undang-undang dan juga belum ada amalan, tapi memandangkan sudah lama tidak dinaikkan ia tidak menggambarkan nilai sebenar. Dan sebenarnya tidak adil bukan saja untuk kerajaan, tidak adil juga untuk pemilik hartanah. Oleh itu kemungkinan sekiranya perlu kita menjalankannya dan agensi yang boleh dijalankan sekiranya PBT sendiri tidak dapat menjalankannya kita boleh melantik *consultant* untuk menjalankan kerja ini. Tapi ia akan menelan belanja yang besar khususnya memandangkan pegangan kediaman dan perniagaan yang begitu banyak

sekali di dalam Negeri Selangor ini. Dan ini juga apabila kita membuat penilaian tidak semestinya juga kita akan naikkan kadar cukai pendapatan. Kita boleh turunkannya atau pun boleh kita kekalkan pembayaran yang lama. Itu adalah soal dasar yang belum kita putuskan lagi sebelum kita membuat kajian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 197 telah dijawab bersekali dengan soalan 17. 198 dijawab bersekali dengan 73. Soalan 199 saya telah tolak mengikut Peraturan Tetap 23(H), Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Puan Speaker, soalan 200.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: TANAH RIZAB MELAYU

200. Salah satu strategi untuk membangunkan tanah rizab Melayu ialah dengan menggalakkan pemilik tanah membangunkan tanah-tanah tersebut bagi tujuan perumahan atau perniagaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah tanah rizab Melayu yang telah dibangunkan mengikut daerah?
- b) Berapakah keluasan tanah-tanah rizab Melayu yang telah diambil balik oleh kerajaan negeri untuk tujuan kegunaan awam dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggantikan tanah-tanah tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Sungai Burong bertanyakan tentang tanah rizab Melayu dan ialah nyatakan jumlah tanah yang dibangunkan mengikut daerah. Sebenarnya polisi kerajaan tidak membebaskan pembangunan-pembangunan tanah-tanah rizab Melayu tersebut. Jadi oleh sebab itu sekarang kita mula membenarkan pengkajian bagaimana tanah-tanah rizab Melayu ini boleh dibangunkan. Oleh sebab itulah jumlah tanah-tanah rizab Melayu ini terpaksa dikaji semula tentang untuk di mana ia diletakkan. Saya mendapati ada juga tanah-tanah rizab Melayu yang digunakan hanya untuk pertanian dan ini merugikan orang-orang yang memiliki tanah-tanah tersebut.

Walau pun pada dasarnya maknanya mengekalkan dia dalam rizab Melayu. Jadi saya berharap perkara ini kita ubah anjakan minda kita ialah supaya kalau benar kawasan itu memang sesuai untuk komersial atau pun bangunan-bangunan, apa itu perumahan kita perlu benarkan supaya atas dasar takut tanah rizab Melayu terlepas tangan. Oleh kerana dijual atau tidak, tidak menjadi alasan daripada kita menentukan tanah-tanah ini dibangunkan dengan arah mengikut arus ekonomi negeri. Saya percaya ekonomi Negeri Selangor akan bergerak ke arus urbanisasi maknanya tidak lagi tidak banyak tanah-tanah Negeri Selangor yang boleh dikatakan tanah pertanian.

Berapakah tanah rizab Melayu yang diambil balik oleh kerajaan untuk tujuan kegunaan awam apa tak ada, tak ada sebab kita tak nak ambil itu kalau pun, kalau kita ambil pun kita akan gantikan. Umpamanya satu kes Bagan Nakhoda Omar ialah kes di mana bukan kerana apa, kerana peruntukan itu tanah rizab Melayu tetapi yang sebenarnya sudah diduduki oleh peneroka-peneroka bukan 10 tahun tapi hampir lebih 50 tahun. Jadi oleh sebab itu, tapi dalam peruntukan itu bukan rizab Melayu untuk pertanian tetapi rizab Melayu untuk perniagaan. Jadi kita terpaksa mencari tanah yang sesuai untuk perniagaan untuk digantikan dan selepas kita memberikan hak milik tanah itu kepada peneroka-peneroka yang duduk di tanah itu sekarang.

TUAN SPEAKER: Masa menjawab soalan telah tamat jadi saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul-usul. Usul No. 17 Tahun 2013 Usul Di Bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Bangi.

TUAN SPEAKER: Baiklah usul ini telah ditarik balik oleh Yang Berhormat Bangi melalui surat beliau bertarikh 18 November 2013.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 18 Tahun 2013 Usul Di Bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Yang Berhormat Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya Dewan yang mulia ini membuat ketetapan untuk menyediakan peruntukan DUN mengikut jumlah daftar pemilih bagi memastikan semua rakyat Selangor mendapat manfaat yang menyeluruh. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* yang saya hormati Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan dan seluruh yang ada dalam Dewan yang berbahagia ini. *Alhamdulillah*, syukur kita ke hadrat *Ilahi* dapat berjumpa semula dalam sidang DUN kali ini. Berdirinya Seri Serdang di sini adalah untuk menyatakan

dan menyuarakan usul yang akan dibincangkan dengan harapan diterima berkenaan permohonan menambah peruntukan di setiap DUN mengikut jumlah daftar pemilih dan tidak mengurangkan peruntukan yang sedia ada.

Wang bukanlah segala-galanya tetapi segala-segala-galanya memerlukan wang (dewan ketawa). Sidang Dewan yang dihormati sekalian (dewan menepuk meja) kenapa dan mengapa Seri Serdang membawa usul ini adalah untuk memaklumkan kepada Dewan betapa perlunya penambahan peruntukan ini dilaksanakan untuk menjaga kemenangan Pakatan Rakyat terutamanya di DUN Seri Serdang khususnya dan seterusnya di Selangor amnya. Pada PRU yang ke-13 yang lalu, N29 Seri Serdang telah memenangi dengan majoriti 16,251 undi (dewan menepuk meja) yang berbanding kekalahan 45 undi dalam PRU yang ke-12 yang lalu. Dengan kenyataan inilah sewajarnya kita menjaga kebajikan rakyat di bawah N29 Seri Serdang. Bersama ini juga Seri Serdang ingin menyatakan bahawa bilangan pengundi berdaftar adalah seramai 72,845 pengundi. Pecahan kaum ingin juga saya nyatakan bahawa kaum India 16%, kaum Melayu 47% dan kaum Cina 37%. Oleh yang demikian untuk menjaga dari segi kebajikan pendidikan dan sosial rakyat ini, semua bergantung pada dana yang diperlukan dan diperuntukkan. Saya percaya bahawa keyakinan rakyat terhadap pentadbiran Pakatan Rakyat yang mantap dan berintegriti tidak mengira apa ideologi mereka. Pihak DUN juga memainkan peranan untuk memberi bantuan dalam mendidik mereka. Untuk makluman para Dewan sekalian, pagi ini saya sendiri menghadirkan diri dalam menyaksikan satu program amat mendidik masyarakat. Oleh demikian wajarlah supaya kita kekalkan program zon bersih di bawah PBT untuk *educated* kan rakyat, melaksanakan misi, visi Negeri Selangor.

Sidang Dewan yang dirahmati oleh Allah, memandangkan kerajaan pusat mengurangkan peruntukan di sekolah-sekolah, maka ramailah wakil-wakil daripada sekolah-sekolah memohon peruntukan daripada peruntukan DUN untuk mereka menjalani aktiviti-aktiviti sama ada ko-kurikulum dan pembangunan prasarana seperti memohon sumbangan membaiki pagar dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Dewan, di DUN Seri Serdang hampir 150 buah sekolah yang di dalamnya terdiri daripada Sekolah Cina, Sekolah India, Sekolah KAFA, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Kebangsaan juga Sekolah Kebangsaan Sekolah Menengah Swasta dan juga Maahad-Maahad Tahfiz.

Seri Serdang juga ingin memaklumkan bahawa terdapat 56 buah masjid dan 79 buah surau dan di dalam DUN Seri Serdang juga ada kuil-kuil Hindu yang lebih kurang 50 buah. Kadang-kadang memerlukan sedikit dana untuk program-program tertentu. Dalam hal inilah Seri Serdang ingin menyatakan bahawa peruntukan kebajikan juga perlu adil mengikut keperluan DUN-DUN tertentu. Contoh yang ingin saya bawakan

ialah sumbangan untuk Hari Raya Puasa sebanyak 500 orang sedangkan ramai warga miskin yang perlu dibantu. Peruntukan Deepavali dan juga Tahun Cina juga di atas kekurangan peruntukan inilah kita menggunakan peruntukan DUN untuk menampung keperluan rakyat yang memerlukan. Sebagai Adun yang harus peka dengan kebajikan dan merealisasikan objektif kerajaan negeri merakyatkan ekonomi Selangor dalam melaksanakan misi dan visi kita sebagai wakil rakyat yang diberi mandat dan amanah untuk melaksanakan tuntutan ini. Satu kenyataan yang tak dapat dinafikan peranan pusat khidmat ialah dari sudut pendidikan, kesihatan, kebajikan dan hak asasi manusia, perundangan dan banyak lagi yang menjadi jaringan yang begitu afektif hingga dapat melahirkan kesan mengangkat martabat di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat ke tahap yang cemerlang.

Sesungguhnya menjadi kewajipan seluruh rakyat Negeri Selangor dengan berpegangkan matlamat dan perjuangan untuk menjaga kemenangan Pakatan Rakyat khususnya di Selangor. Seri Serdang ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi izin untuk mengusulkan tajuk ini di dalam Dewan yang berbahagia ini. Dan berharap dapat di perhalusi cara terperinci dan menjalankan pelbagai program untuk membawa Pakatan Rakyat ke persada kegemilangan. Maka hari ini sama-sama kita berganding bahu, bermuhasabah dan melakukan koreksi ke arah memperkasakan lagi perjuangan menghadapi cabaran dan politik dan dakwah. Dalam memastikan misi ini yang pastinya Pakatan Rakyat memerlukan kepimpinan yang mantap, bagi menyokong perjuangan ini Pakatan Rakyat haruslah menggembelngkan tenaga semaksimum mungkin untuk meraih sokongan rakyat terhadap perjuangan Pakatan Rakyat.

Sepanjang perjalanan kita, marilah kita bersama-sama bermuhasabah bergerak dengan berpandukan Al-Quran dan Sunah merancang kembali melakukan menambah kebaikan, kerja dengan penuh keikhlasan dan istiqamah. Bersemangat semoga amal baik kita diterima oleh-Nya. Mudah-mudahan pertemuan kita pada kali ini membawa satu medan untuk kita berbincang dan menerokai tindakan suasana yang harmoni dan penuh kasih sayang semata-mata *Allah Subhana Waataalla* yang diamanahkan kepada kita. Sekian, *Wabilahhitaufik Wahidaya, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, sekian terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Tuan Speaker, saya menyokong.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat sejahtera Yang Amat

Berhormat Dato' Menteri Besar dan para EXCO serta rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Bangi bangun untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Seri Serdang ini bagi menyatakan bahawa keprihatinan kita kepada keperluan rakyat sama ada yang menjadi pengundi dalam Negeri Selangor ini atau pun mereka yang tinggal di Negeri Selangor ini tanpa menjadi pengundi dalam negeri ini. Tuan Speaker saya ingin menyokong dengan membawa empat asas utama yang boleh membawa kerajaan, bersetuju dengan cadangan ini. Saya tengok Dato' Menteri Besar itu tengok dan bersedia untuk memberikannya *Insyah-Allah*.

Asas saya yang pertama adalah tentang jumlah pengundi, asas saya yang kedua adalah jumlah penduduk, asas yang ketiga adalah keluhan ramai yang tak mendapat manfaat, asas yang keempat adalah kedudukan kewangan negeri yang sangat stabil. Yang pertama ialah mengenai jumlah pengundi, yang saya nyatakan di sini adalah bermaksud ke tidak keseimbangan jumlah pengundi yang sedang berada di dalam DUN-DUN Negeri Selangor. Ada jumlah yang sedikit antara 16 ribu, 17 ribu dan ada pula yang sangat ramai sehingga hampir 73 ribu di Seri Serdang. Di Subang Jaya hampir 62 ribu orang, ini menunjukkan bahawa pengundi yang sedang menunggu dan memerhati semua Yang Berhormat ini melihat kepada peruntukan yang diberikan kepada mereka, sama ada mereka itu termasuk mereka yang layak atau pun tak layak. Dan jumlah ini sangat ramai jika dibandingkan dengan beberapa tempat yang lain yang begitu sedikit, saya ambil contoh Sungai Air Tawar 15 ribu orang pengundi. Dan Bukit Melawati 16 ribu orang pengundi, julatnya begitu jauh yang menunjukkan yang betapa jurang itu antara sangat tinggi dengan sangat rendah.

Yang kedua tentang jumlah penduduk, jika sekiranya kita nyatakan jumlah penduduk sebegitu ramai itu tak termasuk jumlah penduduk yang lebih ramai daripada itu. Saya mengambil contoh di Bangi, Bangi mempunyai jumlah pengundi seramai 54 ribu orang, jumlah penduduk banciaan dalam Bandar Baru Bangi sahaja mencecah 100 ribu orang. Dan DUN Bangi tidak hanya tertumpu pada Bandar Baru Bangi juga melibatkan kawasan-kawasan sekitar yang 50% nya mengundi dalam Bangi. Ini menunjukkan bahawa jumlah penduduk yang sedang tinggal di dalam kawasan itu jumlahnya hampir sekali ganda atau lebih berbanding jumlah pengundi yang sedang mengundi di DUN itu. Peruntukan yang ada itu bukan sekadar untuk kita berikan kepada pengundi yang sedia ada, kita juga harus berikan kepada semua penduduk yang tinggal di kawasan itu. Kerana itu kita percaya bahawa asas ini harus dipertimbangkan bagi menyokong Usul tersebut.

Asas yang ketiga mengenai keluhan ramai yang menyatakan tak mendapat habuan daripada kenikmatan yang dilimpahkan oleh kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat. Disebut oleh Seri Serdang tadi betapa ramainya mereka yang memerlukan sekolah-

sekolah, NGO-NGO, Persatuan-persatuan Penduduk, pengurusan masjid dan surau, Rumah-rumah Ibadat Bukan Islam, projek-projek kecil baik pulih, bantuan fakir miskin, Ibu Tunggal, OKU yang tak dapat dibantu oleh pihak-pihak yang lain, juga tidak kita lupakan bantuan ketika Hari Raya, kenduri kendara, berkhatan, kematian dan sebagainya juga memerlukan peruntukan yang banyak bagi memastikan lebih ramai mereka yang menikmati limpahan nikmat yang Allah berikan kepada kerajaan Negeri Selangor yang menguruskan kewangan negeri dengan baik sekali.

Asas yang keempat adalah kedudukan kewangan negeri yang sangat stabil. Hari ini pula Dato' Menteri Besar menerangkan tentang limpahan dalam Qardhul Hasan satu demi satu. Lagi banyak kita tanya Dato' Menteri Besar, lagi banyak rahsia-rahsia kebagusan Negeri Selangor didedahkan di dalam Dewan ini, satu demi satu. Ini menunjukkan bahawa cara urus tadbir negeri yang sangat baik menjadikan kita negeri yang dilimpahi dengan kurnia yang banyak dan syukur Alhamdulillah.

Saya ingin menarik sekali lagi apa yang saya sebut dahulu tentang bagaimana Saiyidina Umar Al-Khatab ditanya tentang pengurusan kewangan negara atau urus tadbir negara. Kata sahabat, 'Wahai Umar', ketika itu menjadi khalifah negara. 'Bagaimana kamu menguruskan harta kerajaan'. Umar mengatakan 'saya menguruskan harta kerajaan sebagaimana saya menguruskan harta anak yatim, yakni, jika mereka memerlukan, aku beri mereka. Jika mereka tak memerlukan, aku simpan untuk mereka, jika mereka sudah cukup keperluan aku santuni mereka'. Ini bermaksud bahawa jika masih ada rakyat ataupun mereka yang berkeperluan, memerlukan kewangan atau bantuan maka tidak boleh tidak, kerajaan yang baik, prihatin, harus memberikan peruntukan untuk mereka sesuai dengan kehendak dan ajaran yang diajar oleh Saiyidina Umar Al-Khatab a.h itu. Dan saya percaya kerajaan negeri Selangor yang begitu prihatin, berkebakikan tidak ada masalah untuk mendengar nasihat atau mengikut tunjuk ajar yang dibawa oleh Saiyidina Umar Al-Khatab itu, *Insyallah*.

Tuan Yang Dipertua, apa yang berlaku sekarang, seperti berikut. Peruntukan sekarang, satu DUN mendapat RM600,000. *Alhamdulillah*, terima kasih banyak-banyak pada negeri Selangor. Ini tidak kira sama ada ramai atau tidak ramainya jumlah pengundi yang sedang ada di DUN berkenaan. Yang saya sebut tadi kalau, Sg. Air Tawar 15,000... 73,000 Sri Serdang, begitu. Walaupun jumlah begitu 15,000 sama dengan Sri Serdang RM600,000 juga, peruntukan untuk jumlah pengundi 74,000 hampir-hampir 34,000. Saya cuba buat perbandingan yang berlaku ini. Antara yang terendah dan yang tertinggi. Yang terendah saya ambil contoh, Sg. Air Tawar. Saya minta maaf, saya berkait-kait dengan Sg. Air Tawar, minta izin, supaya saya nak menunjukkan *figure*, ataupun jumlahnya. Sg. Air Tawar, pengundi 15,187. Dan kalau kita bahagikan dengan RM600,000, kita boleh menghasilkan jumlah satu kepala

mendapat RM39.50. Berbanding yang tertinggi Sri Serdang 72,885 pengundi. Bahagi dengan RM600,000 kita akan dapat RM8.20 sekepala dan saya ambil yang dua tertinggi iaitu Subang Jaya. Subang Jaya pengundi seramai 61,688 pengundi bahagi dengan RM600,000, seorang mendapat RM9.70. Saya lihat Dato' Menteri Besar boleh mengiyakan *figure* saya ini. Dato' Menteri Besar *on finger tips* sahaja. Jadi, kalau saya nak tunjukkan kepada dewan ini antara RM88.20, seorang di Sri Serdang berbanding dengan Sg. Air Tawar, RM39.50. Ini menunjukkan jumlah yang sangat ketara. Oleh sebab itu Tuan Speaker, saya ingin menyarankan perkara berikut. Yang pertama, RM600,000 setiap DUN mohon dikekalkan. Dato' Menteri Besar mengangguk, *Insyaallah* dapat. Yang kedua, mencadangkan jumlah lantai peruntukan RM600,000 itu bergantung pada pengundi antara jumlah sekarang sehingga 30,000. Dan ini melibatkan beberapa DUN, saya lihat sini sebagai contoh, satu, Sg. Air Tawar 15,000 pengundi, Sekinchan 16,000 pengundi, Bkt Malawati 16,000 pengundi, Permatang 19,000, Ijok 18,000. Dan lantai ini teruskan sehingga 30,000 dengan jumlah RM600,000 peruntukan bagi satu DUN. Yang ketiga, bagi DUN-DUN yang mempunyai pengundi lebih 30,000 orang, setiap pertambahan pengundi seramai 5000 orang mohon ditambah peruntukan sebanyak RM100,000.00 sahaja. *Consequence* nya, Tuan Speaker, jika kerajaan meluluskannya, dan nampak gaya, meluluskannya ia akan menunjukkan contoh.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya akan tunjukkan contoh peruntukan yang akan diperolehi oleh DUN-DUN seperti berikut. Contoh saya, saya ambil tiga (3). Sri Serdang, dengan jumlah pengundi yang ada sekarang ini dengan penambahan yang saya cadangkan, akan mendapat RM600,000 campur RM1 juta berjumlah RM1.6 juta untuk Sri Serdang. Subang Jaya, akan mendapat RM600,000 campur RM600,000 berjumlah RM1.2 juta. Ini tempat Speaker kita. Dan yang ketiga Bangi, sikit saja Bangi akan dapat iaitu RM600,000 campur RM480,000 berjumlah RM1.08 juta sahaja. Tuan Speaker, saya nak ulang balik tiga (3) saranan saya yang saya sebut tadi iaitu yang pertama mohon kekalkan peruntukan asas RM600,000, yang kedua mencadangkan jumlah lantai peruntukan asas ini kepada jumlah pengundi bermula 30,000 yang ketiga, setiap pertambahan 5000 pengundi..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Mohon ditambah peruntukan..

TIMBALAN SPEAKER: Bangi, Bukit Gasing mohon mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Bukit Gasing ingin tanya Bangi, macam mana bagi mencadangkan untuk memfaktorkan bilangan penduduk dalam kiraan-kiraan yang dicadangkan tadi. Di samping cadangan untuk faktorkan kiraan pengundi?

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Ini adalah cara menjumlah keperluan rakyat mengikut julat ataupun *number, figure* yang sedang berada di tempat-tempat pengundi. Ini *calculation* paling mudah iaitu 5000 undi. Yang ketiga tadi Tuan Speaker, setiap penambahan 5000 pengundi, hendaklah mohon ditambah sebanyak RM100,000. Oleh sebab itu, mohon Bangi menyokong usul Sri Serdang. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Timbalan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan terima kasih kepada Sri Serdang dan Bangi yang telah menjelaskan asas-asas dan sebab-sebab penting kenapa perlu usul ini disokong. Pertamanya, saya ingin menarik perhatian dewan bahawa berlaku satu anjakan dari segi pelaksanaan, pengagihan dan konsep pelaksanaan peruntukan Adun. Jika kita tinjau pada peringkat awal dulu, selepas pendengaran SELCAT, di mana kita minta penjelasan daripada mereka yang bertanggungjawab, konsep peruntukan Adun pada masa itu lebih, dengan izin, sebagai *political fund*, untuk memberikan *political mileage* pada ADUN. Oleh sebab itu, dalam siasatan Selcat, kita dapati bahawa peruntukan itu diberikan kepada Belia, kepada Pemuda, kepada Wanita, kepada Puteri. Jadi, kita fahamlah maksudnya. Kalau Puteri dah pergi ke Puteri tu maknanya Puteri UMNO dan pengagihan terlalu fokus kepada pemberian *jersey*, kepada pemberian pakaian kompiang, marhaban dan hinggalah pembekalan kerusi-kerusi dewan 5000..5000...10,000...10,000 dan sebagainya. Jadi, apabila kita siasat, kita dapati bahawa pendekatan ini hanya lebih memberikan *political mileage* kepada Adun itu. Jadi, konsep *fund* itu tidak merupakan sebahagian daripada pengurusan kepada pentadbiran negeri. Apabila kita mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor. Konsep yang dilakukan oleh Adun, atas bimbingan kerajaan negeri Selangor adalah, duit ini adalah sebahagian daripada pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri. Dan ini dengan jelas menyatakan bahawa pusat khidmat DUN adalah sebagai satu agensi kepada pelaksanaan *delivery system*, kerajaan. Jadi, kalau kita lihat konsep ini merupakan satu konsep yang baik dari segi ketulusan, dan *value for money* di mana konsep ini menjelaskan bahawa Adun bertanggungjawab pada pengundi dan tidak memilih kepada penyokong-penyokong parti Pakatan Rakyat semata-mata ataupun pada dirinya.

Jadi oleh sebab itu, konsep yang dilaksanakan oleh Pakatan Rakyat melalui pusat khidmat DUN lebih menekankan pengagihan sama rata menurut yang kita boleh. Kalau

kita lihat institusi sahaja, di kawasan Melayu ada masjid dan surau. Di Hulu Kelang sahaja, kita ada 50 masjid dan surau. Kalau hasrat Adun di Hulu Kelang nak mengagihkan sekurang-kurangnya tanpa diminta, tanpa permohonan RM2000 setahun kepada satu surau dan masjid. Maknanya kalau 50 kali RM2000, dah RM100,000 belum lagi tokong, ha..nampak Menteri Besar garu kepala. Jadi, kita terpaksa macam seolah-olah siapa pohon dapat, kerana ada *limit* kepada sumbangan, ada peratus tertentu kepada sumbangan. Jadi, oleh sebab itu, kita mencadangkan bahawa cadangan yang ada kepada kita ini merupakan satu cadangan yang merupakan cadangan yang terbaik dalam konteks menjadikan pusat khidmat DUN sebagai satu agensi kerajaan negeri di DUN dan di kawasan di mana kita mengenal pasti institusi, PIBG, Persatuan-persatuan Penduduk, rumah-rumah *flat*, Rumah Ibadat Bukan Islam dan kemudian kita agihkan sama rata, berkala, tanpa dimohon. Jadi, nikmat itu dirasakan. Kesan kepada mesra rakyat, kerajaan negeri Selangor melalui Adun akan dirasakan oleh setiap institusi dalam masyarakat. Kemudian, program-program itu dilaksanakan seluas mungkin. Selama ini di tempat saya, kita melaksanakan program sentuhan. Sentuhan sama ada Adun ataupun program-program kerajaan negeri seperti Skim Mesra Usia Emas, TAWAS dan sebagainya, kita buat program sentuhan. Dalam sesi ini, saya merasakan pendekatan kerajaan negeri melalui Adun hendaklah dilaksanakan lebih mendalam, lebih meresap dengan program-program yang lebih berkesan, yang maknanya memerlukan peruntukan yang lebih dari segi kewangan.

Saya ingin menjelaskan daripada pemerhatian saya terhadap pelaksanaan, pembahagian peruntukan Adun dan melalui pusat-pusat DUN Pakatan Rakyat dan penyelarasan Dun Pakatan Rakyat, kita lihat nilai, *value for money* itu berkesan. Dan saya ingin membuat penegasan di sini, di dalam sidang dewan yang mulia ini, bahawa tahap kecekapan, *the efficiency rate of*, pencapaian Adun adalah yang terbaik. Dan kita yakin bahawa tiada ketirisan, tiada ada penyelewengan dan saya menyeru kerajaan negeri sama ada melaksanakan 100% audit dalam, dengan izin, ataupun membenarkan sebahagian daripada peruntukan Adun untuk dilantik audit luar untuk membuat audit. Dengan itu, kita pastikan bahawa satu proses ketelusan, satu proses menjamin pelaksanaan pengagihan peruntukan Adun ini dilakukan dengan tepat tanpa sebarang penyelewengan ataupun ketirisan. Dengan itu, saya ingin menegaskan bahawa Hulu Kelang menyokong agar usul ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan berdiri di dalam dewan yang mulia ini juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul No. 18 yang dibawa oleh Yang Berhormat Sri Serdang dan saya menyambut baik usul ini tetapi saya juga punyai pandangan saya sendiri, pendapat saya sendiri berkenaan

dengan usul ini. Saya setuju di mana peruntukan untuk Adun di kawasan-kawasan harus disemak dan diberi penambahan, itu pada dasar yang saya..diberi penambahan, ini satu, tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Serdang dan Yang Berhormat Bangi mengenai usul ini di mana menyatakan bahawa kawasan-kawasan di bandar mempunyai pengundi yang begitu ramai, di mana ada 70,000, ada 50,000 dan di kawasan luar bandar tadi dia sebut Sekinchan, ha, saya pun dah terpanggil pula, dari mana Air Tawar nya rakan seperjuangan saya daripada pembangkang, Sg. Air Tawar, di mana Tawar 16,000, Sekinchan 16,000. Walaupun dari segi, perbandingan daripada jumlah, memang di bandar lebih besar, di luar bandar lebih kecil tetapi harus kita ingat, kawasan daerah Sabak Bernam ini adalah daerah yang paling ramai fakir miskin dan daif. Ini fakta, sudah terang lagi bersuluh. Ini memang fakta, maka dengan itu, keperluan rakyat di kawasan luar bandar hari ini, untuk menikmati pembangunan dan meminta bantuan-bantuan memang amat terdesak. Tidak kurang dari bandar. Oleh yang demikian, kita mesti ada satu mekanisme. Pada masa yang sama, kita dapat menjaga pengundi di bandar, pada masa yang sama, jangan kita abaikan, pinggirkan pengundi di luar bandar. Dan pengundi di luar bandar ini lah yang perlu Pakatan Rakyat memberi tumpuan sepenuhnya, seluruhnya untuk kita mara ke Putrajaya. Kalau di luar bandar ini bisa kita bagi perkhidmatan yang terbaik, bantuan yang terbaik, pembangunan yang terbaik di luar bandar, saya yakin rakyat di luar bandar akan menikmati banyak pembangunan yang dibawa oleh kerajaan Pakatan Rakyat dan mereka hari demi hari akan memahami, apa perancangan budaya pentadbiran Pakatan Rakyat. Dan pada masa yang sama, saya juga ingin menyatakan, di luar bandar ini khususnya di Sekinchan, Sabak, termasuk EXCO, sekarang ada EXCO, syukur *Alhamdulillah*.

Ada EXCO, kalau dulu, EXCO pun tak ada, jadi luar bandar ini memang terpinggir. Sekarang ada tokok tambahnya. Dan saya berharap EXCO juga dapat memainkan peranan bertungkus-lumus berjuang untuk Sabak Bernam, kerana di Sabak Bernam hanya bergantung pada pertanian, satu, keduanya, nelayan, perikanan yang lain tidak ada, dengan izin..(bahasa Jawa), tak ada apa-apa. Sekarang di Sekinchan kita bangunkan pelancongan, destinasi pelancongan, itu tambah lagi satu sumber, *Selangor Shines, Sekinchan also shines*. Ada tambah lagi sumber untuk rakyat di luar bandar. Pada yang lain tak ada. Jadi, amat mengharapkan bantuan daripada kerajaan. Oleh yang demikian, usul seperti ini kita ada, harus kerajaan kena ambil kira pro dan kontra dan harus mempunyai satu mekanisme yang menyeluruh, boleh menjaga orang di bandar dan juga orang di luar bandar. Pada masa yang sama, saya tidak mahu bercakap panjang dalam perbahasan ini tapi saya juga prihatin terhadap kawan-kawan kita di pembangkang ini. Dalam peruntukan, dalam konteks peruntukan kawasan untuk Adun-Adun ini, kerajaan negeri sudah sampai masa setelah kita mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang Sg. Burong, tengok dari hari pertama sampai hari ini walaupun tak

penuh masanya tetapi dia ada juga dalam dewan ini. Ini lah setelah pengiktirafan diberi kepada Ketua Pembangkang. Ada kemajuan sedikit..sedikit. Ada kenaikan elaun, ada kemajuan sedikit. Ini dia.

Jadi, pada masa yang sama, dalam konteks peruntukan ini, saya nampak kerajaan kena buat kajian, pada tahun hadapan dan seterusnya kita boleh bagi 30% ataupun 50% peruntukan kepada pembangkang supaya ini satu politik baru, anjakan paradigma politik sihat menyuburkan demokrasi di negeri Selangor kerana Selangor menjadi peneraju..

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan, penjelasan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ekonomi..ya

TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang minta penjelasan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Adakah dengan kerajaan negeri membenarkan 100% Audit Dalam ataupun melantik audit luar akan memberi jaminan bahawa peruntukan Adun yang diserahkan kepada ADUN BN tidak disalahgunakan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang yang bijaksana. Memang saya setuju, samada Audit Dalam ke audit yang sedia ada untuk kerajaan negeri, kita harus pantau samada Adun daripada Pakatan Rakyat, Adun daripada pembangkang. Sekiranya ada peruntukan diberi, harus dipantau. Ini kena *check and balance*. Walau bagaimanapun, belum ada negeri setakat ini termasuk di Parlimen, mereka memberi peruntukan kepada pihak pembangkang. Dan di Selangor, kita telah melalui, dengan mengiktiraf kedudukan pembangkang maka susulannya pembaharuan dewan ini kita pertimbangkan bagi 30% termasuk Yang Berhormat Kuang di sana. 30% atau 50% kepada mereka

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sekinchan, boleh mencelah? Mencelah?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, mencelah, terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya, terima kasih Sekinchan. Saya tengok memang ni pejuang demokrasi tulen ni. Terima kasih kerana nak mencadangkan, tapi jangan lah 30% biar 100%. (Ahli dewan ketawa). Sebab bila dah 30% nanti susahlah, 70% pergi kelain, susah nak audit. Macam mana Hulu Kelang kata bagi 100%, buat. Dan jangan tengok di Parlimen ke, sebab kita di dalam negeri.

Kalau negeri dah mulakan, eloklah tu. Yang kedua, kita sama-sama semak lah, Sekinchan. Mungkin saya tersilap fakta tapi dalam sidang yang baru ini, kalau tak silap saya, mungkin kita baca di akhbar, kita sama-sama tengok lah, di Dewan Undangan Negeri Perak sudah dimulakan, usul oleh kerajaan negeri Perak pada tahun hadapan akan beri pada ADUN-ADUN pembangkang negeri Perak untuk mengurus tadbir, ini kalau saya tak silap lah. Nanti sama-sama kita semak lah. Itu sahaja Timbalan Speaker, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Rakan pembangkang yang bijaksana, mengenai dengan peruntukan ini, khusus berkait dengan kerajaan negeri Perak, saya faham. Yang saya terima, itu hanya RM3000 Pengurusan Pejabat kepada ADUN-ADUN, semua 59 Adun di negeri Perak, bukan peruntukan kawasan. Walau bagaimanapun, itu negeri Perak. Tapi cara acuan negeri Selangor, Selangor *style* dia lain. Sekinchan *style* pun lain. Jadi, di Selangor, kita tahu kan kurang-kurang 30% atau 50%. Kenapa kita tidak bagi semua kerana kita nak tengok cara mereka guna dulu. Kalau mereka guna dengan baik, kita akan kaji, *year by year*, ya, tahun demi tahun, dengan izin, bagaimana. Seterusnya, kalau mereka buat dengan baik, dapat sumbang kepada rakyat, jaga rakyat dengan baik, kita boleh pertimbangkan, tiada masalah kerana negeri Selangor, negeri demokrasi dan hasil masuknya tinggi, kita mampu melakukan. Jangan macam Parlimen dah 56 tahun sampai sekarang tak boleh buat pembaharuan, malu sesungguhnya, itu Parlimen, tak apa lah itu biar Parlimen. Akhir, saya menyokong usul dengan syarat peruntukan ini wajib diagih dengan secara rata, mengambil kira bandar dan desa, rakyat di Selangor termasuk di bandar, di kota dan di desa semua wajib kita pertahankan, sekian terima kasih. Saya menyokong.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kg. Tunku

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Masa agak suntuk Yang Berhormat, jadi..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: 5 minit, 5 minit..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak apa, kita bergerak ke depan ya, mungkin ada masa selepas ini, sebab untuk usul ini, kita ada banyak lagi usul-usul yang kita nak lalui. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi, bahawasanya dewan yang mulia ini membuat ketetapan, oh..sorry, saya ingin menjemput Yang Berhormat Pelabuhan Kelang untuk memberi jawapan kepada usul ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: (ketawa) Terima kasih Tuan Speaker. Walau pun saya tak menjawab, saya rasa ini adalah dalam perancangan kerajaan negeri untuk

mengkaji semula peruntukan-peruntukan bagi di dewan-dewan dan salah satu daripada perkara yang saya ingin bangkitkan kepada Unit Perancang Ekonomi kerajaan persekutuan, menteri yang mengendalikan ekonomi Malaysia yang dulunya pernah bekerja sebagai CEO Malayan Banking. Saya telah meminta beliau untuk menentukan *distribution*, pengagihan pendapatan itu mestilah dibuat supaya diadakan keadaan kesamarataan. Dalam Perlembagaan ada peruntukan untuk diberikan kepada setiap rakyat, iaitu negeri Selangor, kalau ada, dia mempunyai RM5 juta penduduk dan peruntukan RM10.00 maknanya negeri Selangor mendapat peruntukan RM50 juta. Dan saya telah mencadangkan angka itu dibuat sebelum tahun 80. Jadi, kalau kita *review* angka tersebut, katalah dinaikkan kepada RM50.00, maknanya, dan itu kita boleh gunakan dana tersebut untuk diagihkan kepada peruntukan-peruntukan dewan. Jadi, dengan cara itu pengagihan itu berasaskan dua (2) asas. Satu asas dari negeri, satu asas untuk, daripada cukai-cukai rakyat yang akan disalurkan kepada semua rakyat di Malaysia. Dan, jadi walau bagaimanapun, saya ingat kita akan bantangkan cadangan-cadangan kita tentang peruntukan ini dalam perjumpaan, sama ada penggal pertama tahun hadapan, atau penggal kedua supaya kajian itu secara menyeluruh bagaimana peruntukan-peruntukan yang mengambil kira persamarataan dari segi peruntukan. Walau bagaimanapun, tidak semuanya ini akan dapat dibuat dengan begitu adil. Ada kalanya kiraan itu boleh jadi ada juga kiraan yang mana kita mesti masukkan kawasan-kawasan yang mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi dan berbanding dengan kawasan-kawasan yang mempunyai per kapita yang rendah. Jadi, itu pun kita akan masukkan dalam formula penempatan tersebut. Walau bagaimanapun, akhirnya usul ini adalah usul yang perlu kerajaan negeri buat kajian semula untuk dibentangkan kepada dewan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi, bahawasanya dewan yang mulia ini membuat ketetapan untuk menyediakan peruntukan DUN mengikut jumlah daftar pemilih bagi memastikan semua rakyat Selangor mendapat manfaat yang menyeluruh. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul No. 19 Tahun 2013, usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, selamat pagi, selamat tengah hari dan salam sejahtera diucapkan kepada semua ahli dewan yang saya hormati. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawa dewan yang mulia ini sejajar dengan prinsip ketelusan, meminta kerajaan Selangor supaya sentiasa memberi maklumat terkini tentang semua projek infrastruktur kerajaan

persekutuan dengan sepenuhnya kepada rakyat dan dewan yang mulia ini. Tuan Timbalan Speaker, prinsip ketelusan merupakan dasar yang amat penting dalam pentadbiran kerajaan Selangor di mana untuk mencapai cita-cita murni ini, enakmen kebebasan maklumat telah pun digubal pada tahun 2011. Prinsip ketelusan juga merupakan salah satu sebab mengapa pelaburan terus subur di Selangor. Saya pasti tidak ada pelabur yang sudi melaburkan wang mereka di sebuah negara ataupun pasaran yang mereka tidak kenali. Apabila pelabur sudi melabur di Selangor ini, ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan negeri. Kerajaan persekutuan juga tidak boleh memencilkan negeri Selangor dari segi pelaburan dan pembangunan ekonomi di mana terdapat beberapa projek infrastruktur yang besar yang memakan perbelanjaan ribuan juta ringgit akan dan sudah bermula di negeri Selangor. Antara beberapa projek infrastruktur yang sempat saya kumpulkan di sini dan saya ingin berkongsi dengan rakan sejawatan saya di dewan yang mulia ini, projek-projek ini ialah seperti berikut:

Yang pertama, Lebuhraya Bertingkat Sg. Bersih Hulu Kelang ataupun SUKE, saya tak pasti nak baca dia '*suke*' ataupun '*sook*' ataupun macam mana. Lebuhraya Bertingkat Damansara Shah Alam – DASH, Lebuhraya Kinrara Damansara – KIDEX, Lebuhraya Pantai Barat, dari Taiping ke Banting, Kuala Lumpur Outer Ring Road – KLORR dari Templer Park ke Sg. Long, Lebuhraya aras Serendah – KLAS yang menghubungkan antara Kuala Lumpur dengan Serendah, Lebuhraya Paroi-Senawang-KLIA, nama singkatannya PSKE, Lebuhraya Serdang- Kinrara-Putrajaya ataupun SKIP, Lebuhraya Port Dickson-Banting ataupun nama singkatannya PDDBE, Metropolis kesihatan Universiti Malaya, Projek MRT kedua Lembah Kelang atau KVMRT2, *Klang Valley* MRT 2 yang sedang berjalan ialah MRT Fasa I tapi dijangkakan akan berlaku juga, akan dilangsungkan juga Projek KVMRT2 dan KVMRT3 dan yang tak lain tak bukan, yang amat terkena dalam masa 5 tahun yang lalu projek Langat 2. Ini ialah antaranya beberapa projek besar yang akan dibangunkan oleh kerajaan negeri persekutuan di negeri Selangor. Jadi, sama seperti projek-projek yang lain, projek-projek mega ini perlu mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa negeri seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) dan juga Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri. Kemudiannya pemilik-pemilik projek ini juga perlu mendapat kelulusan daripada PBT tak lain tak bukan permohonan untuk mendapat kelulusan ataupun kebenaran merancang daripada Pusat Sehenti setiap PBT dan juga kelulusan-kelulusan teknikal yang lain.

Projek-projek ini Tuan Timbalan Speaker, khususnya projek pembinaan lebuhraya selalunya melibatkan banyak pengambilan tanah termasuk pengambilan tanah-tanah persendirian, tanah-tanah swasta, tanah-tanah yang mempunyai hak milik. Untuk memulakan ataupun memudahkan pembinaannya dan sekiranya ini berlaku, ia juga

melibatkan pejabat tanah masing-masing di mana pengambilan tanah perlu dijalankan oleh pejabat tanah yang terlibat.

Jadi tinjauan saya rata-ratanya rakyat di Negeri Selangor tidak menghalang mana-mana projek pembangunan ini tetapi maklum balas yang kami dapat daripada mereka yang di akar umbi ini ialah mereka khuatir, mereka takut mereka tidak mempunyai maklumat yang lengkap terhadap projek-projek yang besar ini. Ini yang menimbulkan kekhawatiran dan ini juga merupakan sebabnya saya membawa usul ini dimana kami meminta Kerajaan Negeri setakat kemampuannya memberitahu Dewan dan juga rakyat maklumat terperinci projek-projek ini supaya mereka faham apa yang akan berlaku di kawasan mereka. Kerajaan Selangor yang dipilih rakyat perlu berfungsi juga sebagai sebuah badan pemantau. MTES dan MMKN dalam mempertimbangkan apa-apa permohonan perlu menetapkan garis piawaian yang tinggi yang *standard*. Permohonan yang tidak lengkap, permohonan yang tidak memenuhi syarat, permohonan yang secara sambil lewa saja haruslah dikembalikan dan Kerajaan Negeri harus meminta mereka untuk mengemukakan maklumat ataupun dokumen yang selengkap-lengkapannya. Laporan-laporan seperti *Traffic Impact Assesstment* ataupun TIA dan *Impact Assessment* perlu dijalankan oleh pihak-pihak yang bertauliah. Baru-baru ini cadangan untuk melantik juru perunding ataupun *consultant* yang bebas yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam menyediakan Laporan TIA dan EIA ini hendaklah dibangkitkan. Sebabnya utamanya ianya dibangkitkan ialah kebanyakan laporan TIA dan EIA yang dikemukakan ini disediakan oleh pemaju ataupun pemilik projek berkenaan. Jadinya di PBT khususnya di MBPJ terdapat persoalan sama ada isi kandungan TIA ataupun EIA ini mengikut kemahiran ataupun mengikut ketetapan yang diperlukan. Oleh sebab itu ada cadangan supaya Majlis Kerajaan Tempatan melantik *consultant* yang bebas untuk menilai semula laporan ini dan mengesahkan kebenaran dan kesahihan maklumat yang dicatat dalam laporan-laporan ini. Selain itu terdapat beberapa projek mega yang memerlukan Kerajaan Negeri mengambil balik tanah-tanah persendirian, tanah-tanah swasta seperti apa yang saya sebut tadi dan apabila maklumat bahawa tanah-tanah persendirian di sesuatu tempat akan diambil untuk sesuatu projek pembangunan akan timbul perasaan serba salah kalangan penduduk. Seribu satu tanda tanya sama ada rumah dan tanah penduduk akan diambil. Adakah pampasan yang secukupnya akan dibayar. Ke mana mereka hendak berpindah selepas ini? Bagi tanah ataupun rumah yang tak akan diambil pemiliknya akan tertanya-tanya apakah kesan buruknya jikalau mereka terpaksa hidup berjiran dengan projek ini. Justeru itu Kerajaan Negeri harus meletakkan syarat yang ketat terhadap projek-projek pembangunan ini tertakluk kepada undang-undang. Semua dokumen yang diperlukan untuk mendapat kelulusan Kerajaan mesti disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di mana dokumen tersebut mesti mempunyai maklumat yang diperlukan. Selepas itu maklumat-maklumat ini perlu disahkan lagi oleh pihak ketiga

yang bebas supaya ianya memang sah benar dan tepat. Kemudian maklumat-maklumat ini ialah yang paling penting ialah harus dikongsi bersama-sama dengan PBT. Ahli-ahli malis, wakil-wakil rakyat dan penduduk sejajar dengan prinsip ketelusan. Bagi projek pembinaan lebuhraya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, mohon penjelasanlah. Saya dah mengikutilah hujan-hujan yang diberikan Kampung Tunku ialah berhubung dengan usul yang dibawa. Tapi dengan keluasan yang diberikan ini merupakan prosedur-prosedur yang memang dah ada di bawah peraturan undang-undang, di bawah status yang ada dan sebenarnya benda ini pun dilakukan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, Pihak PBT di bawah peruntukan dan undang-undang. Seperti tadi setiap permohonan mestilah melalui proses-proses yang tertentu di peringkat Negeri perancangan mestilah diluluskan kemudian itu di peringkat PBT pula ia diluluskan dan di peringkat-peringkat ini semua Pimpinan- Pimpinan Negeri seperti EXCO, di PBT, Ahli-ahli Majlis, Yang Dipertua ataupun Datuk Bandar semuanya mempunyai maklumat-maklumat dikemukakan jadi apakah alasan yang di minta supaya maklumat-maklumat ini diberikan kepada tetapi semuanya boleh diberi memberikan taklimat dan penjelasan tentang projek-projek sama ada *infrastructure* malah bukan sahaja Kerajaan, pihak swasta..

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat nak mencelah ke? Lepas ini boleh berucap lagi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya nak penjelasan ini sebab saya nampak macam usul ini macam membuang masa

TIMBALAN SPEAKER: Tak apa jadi sebab itu. Yang Berhormat..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sebenarnya maklumat yang diberikan ini ialah perkara yang ... saya inginkan penjelasan benda-benda ini saya ingat adakah Yang Berhormat telah jelas tentang kedudukan peraturan dan undang-undang yang dah ada. Jika dah ada tak perlu saya ingat kita berbahas dengan..

TIMBALAN SPEAKER: Selepas ini Yang Berhormat pun boleh berbahas sekali. Ya Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Burong Ketua Pembangkang. Memang peraturan dan undang-undang sudah ada. Walau pun peraturan dan undang-undang itu baik saya rasa tidak ada salahnya kita melengkapkannya, membaikinya, menambah baik undang-undang ini ataupun kita

boleh melakukan suatu yang mungkin tidak diperlukan di bawah undang-undang tetapi kita lakukannya untuk kebaikan rakyat dan ini boleh dijadikan sebagai sebahagian dari dasar ketelusan Kerajaan Negeri. Kalau sebelum ini tidak dilakukan ataupun dilakukan secara sukarelah oleh Kerajaan Negeri maka saya menyarankan supaya melalui usul ini Kerajaan boleh melihat-lihat ianya di jadikan sebagai suatu Dasar Kerajaan Negeri dan menetapkan ianya dilakukan setiap kali ada permohonan untuk menjalankan projek-projek infrastruktur.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, okay terima kasih. Kampung Tunku masalahnya dasarnya sudah ada, apa perlunya yang nak dasar baru lagi. Dasar-dasar sedia ada mempunyai peruntukan yang cukup sampai saya ingat sehingga tahap SELCAT pun boleh memanggil perkara ini kepada keperluan-keperluan untuk mendapatkan maklumat. Kemudian itu ada pula Enakmen Hak dan Kebebasan Maklumat dalam Negeri Selangor ini sebenarnya maklumat semuanya sudah cukup. Jadi saya rasa apa perlunya perkara-perkara ini hendak dibuat lagi, hendak ditambah baik lagi...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: SELCAT ialah badan di bawah sebuah Jawatankuasa pilihan yang ditubuhkan di bawah Dewan Undangan Negeri, yang saya cakapkan sekarang ialah tentang eksekutif. SELCAT di bawah jadi saya rasa perkara ini berbeza. Jadi izinkan saya meneruskan sedikit sebanyak perbincangan. Saya membawa satu contoh yang saya rasa Yang Berhormat Pembangkang sekiranya meneliti contoh ini akan tahulah mengapa saya membawa usul seperti ini.

TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi 3 minit terakhir.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Satu muka surat sahaja. Jadi bagi projek pembinaan lebuh raya saya meminta Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif untuk diberi segala dokumen berkaitan konsesi tol, lebuh raya termasuk perjanjian konsesi juga pinjaman bank sekali supaya kerajaan boleh Kerajaan Negeri yang saya maksudkan di sini boleh menilai kesesuaian sesuatu projek ini itu serta impaknya terhadap Kerajaan. Seperti contoh sebagai contoh, saya bawa satu contoh mengikut laporan media ini adalah perkara yang baru. Kerajaan Persekutuan baru saja pada bulan yang lepas menandatangani 2 perjanjian konsesi berjumlah RM5.5 bilion dengan sebuah syarikat bernama PROLINTAS iaitu sebuah anak syarikat di bawah Permodalan Nasional Berhad untuk membina 2 buah lebuh raya iaitu Lebuh raya Bertingkat Damansara Shah Alam sebanyak RM5.06 bilion dan Lebuh raya Bertingkat Sungai Besi Hulu Klang bernilai RM5.44 bilion. Di bawah perjanjian konsesi ini kedua-dua lebuh raya ini akan dibina mengikut konsep *build operate transfer* sekali gus menjadi Syarikat PROLINTAS ini pemegang konsesi lebuh raya bertol ke-2 terbesar di Malaysia dan walaupun

pengambilan tanah di tengah jalan, ini mengikut laporan media, kerja-kerja pengambilan tanah sedang berjalan. Tapi *on the ground* saya tak pasti sama ada ini berlaku atau tidak? Ada rakyat yang terjejas, mereka kurang mendapat maklumat terhadap perkara ini. PROLINTAS perlu memenuhi 2 prasyarat yang penting sebelum kerja-kerja pembinaan boleh bermula iaitu sama ada syarikat ini mempunyai kekuatan teknikal dan kewangan yang mencukupi. Yang ke-2 syarikat ini perlu menyiapkan laporan perbincangan dengan orang awam, perbincangan dan *consultation* dengan orang awam. Adakah ini telah dilakukan? Sekiranya dilakukan, adakah dilakukan dengan lengkap mengikut peruntukan permintaan dari Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sebagai satu proses penambahbaikan sebenarnya boleh menetapkan syarat-syarat tambahan sekiranya perlu dan sekiranya Kerajaan ada syarat-syarat tambahan, apakah syarat-syarat tambahan itu? Jadi ini adalah persoalan yang timbul sekarang. Satu lagi perkara yang agak menarik di sini di mana Kementerian dimaklumkan ini pun kami baru tahu saja melalui media bukannya melalui saluran yang rasmi. Kementerian Kerja Raya akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penilaian untuk menilai PROLINTAS sama ada memenuhi kedua-dua syarat di atas jadi kalau ini ialah syarat atau apa yang akan berlaku untuk PROLINTAS dan kedua-dua lebuhraya ini dan saya yakin ianya akan berlaku terhadap projek-projek pembinaan lebuhraya di Negeri Selangor. Jadi rakyat tanya mengapa Kerajaan Persekutuan menandatangani perjanjian konsesi lebuhraya dengan PROLINTAS sekiranya penilaian terhadap kekuatan teknikal dan kewangannya masih belum dinilai sepenuhnya. Kedua telah dilaporkan di dalam media bahawa kerja-kerja pengambilan tanah telah berjalan, bagaimanakah PROLINTAS boleh menjalankan proses ini tanpa melalui Kerajaan Negeri? Apakah peranan yang boleh dimainkan Kerajaan Negeri dalam perkara ini? Yang ketiga telah disebut bahawa sebuah Jawatankuasa Penilaian akan ditubuhkan.

TIMBALAN SPEAKER: Minit terakhir ya Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Jadi, kita bertanya adakah Kerajaan Negeri diwakili dalam Jawatankuasa ini? Bagaimana Jawatankuasa ini berfungsi? Apakah skop kerjanya dan sekiranya kami di sini ataupun Kerajaan Negeri pun tidak ada maklumat terhadap soalan-soalan ini maka ini bermakna ini bermaksud Dasar Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini adalah tidak telus dan Kerajaan Negeri harus menegur. Jadi saya rasa ini adalah antara kebimbangan. Rakyat bimbang kerana terdapatnya budaya kerja yang tidak telus di peringkat Kerajaan Negeri memandangkan lebih banyak lagi projek infrastruktur yang sebegini rupa akan berlalu di Selangor dan ianya pasti akan memberi kesan yang langsung terhadap kehidupan rakyat maka Kampung Tunku memohon supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian terhadap perkara ini dan di sini saya memohon untuk mengusul. Sekian, terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ya.

Y.B. TUAN MODH SHAFIE BIN NGAH: Bangi menyokong.

TIMBALAN SPEAKER: Ok, usul ini telah pun disokong. Maka saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Bangi sekali lagi bangun untuk mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul yang dibawa oleh Kampung Tunku yang saya kira melibatkan kepentingan rakyat yang teramai di peringkat bawah. Kampung Tunku telah membawa beberapa contoh yang menunjukkan betapa perlunya rakyat mengetahui secara *detail* dan impaknya kepada mereka terhadap projek-projek yang dilaksanakan oleh Persekutuan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya ingin menambah satu lagi contoh untuk menarik perhatian dewan iaitu tentang program membuat terowong bagi membantu penduduk melintas jalan di lebuhraya SILK Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang yang melibatkan 2 kelompok kawasan yang di pecah iaitu Taman Bukit Mewah dan juga Taman Kajang Utama dalam DUN Bangi yang mana peringkat Persekutuan dulunya berjanji sejak tahun 2006 untuk membuat terowong untuk rakyat dan satu demi satu pilihan raya berlalu Kerajaan Persekutuan berjanji dan berjanji sampai sekarang tidak nampak apakah tindakan yang dibuat mereka untuk mereka laksanakan janji mereka dan sampai kepada hari ini orang-orang Bangi menanti jawapan daripada Persekutuan. Sebab itu saya percaya bahawa usul ini harus diberikan perhatian dan disokong kerana keperluan rakyat. Saya menambah 3 asas Tuan Speaker untuk menyokong usul ini.

Pertama, tentang semangat *federalisme*, di mana Selangor sebuah negeri yang besar dan penting duduknya dalam keadaan kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan yang mengamalkan semangat persekutuan. Lebih-lebih lagi kita di bawah kelompok negeri-negeri Melayu Bersekutu, yang memerlukan kepada kebersamaan dalam projek-projek keperluan rakyat. Soal-soal yang berkaitan dengan jalan raya, dan lebuhraya, antara faktor penting, soal-soal penting yang perlukan perhatian dan rakyat mahu supaya diberitahu kepada mereka yang sepatutnya mereka dapat terus *direct* daripada Kerajaan Negeri yang memantau seluruh negeri Selangor ini.

Yang kedua, Tuan Speaker, mengenai demokrasi. Demokrasi bermaksud kerajaan dari rakyat untuk rakyat. Bermaksud kuasa rakyat sangat penting untuk menentukan hala tuju dan sebuah negeri. Dan oleh kerana pentingnya demokrasi ini, Selangor telah menjalankan berbagai-bagai program termasuk program pendemokrasian melalui geran Selangorku, yang berlangsung kerana menyuburkan demokrasi. Dan demokrasi ini

penting bagi memastikan rakyat diberikan hak mereka dan dihormati hak mereka terutama dalam maklumat. Antara maklumat yang paling penting adalah projek-projek pembangunan yang dijalankan di sekitar mereka, yang dibuat oleh dua pihak yang berkuasa. Yang pertama, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pihak Kerajaan Persekutuan. Banyak rungutan yang diberikan, disuarakan kepada ADUN-ADUN yang mana mereka tak dapat maklumat yang jelas, yang spesifik, bagaimana saluran untuk mendapat maklumat tentang projek-projek yang sedang berlangsung di situ. Mereka nampak jalan diterangkan, pokok ditebang, apakah butirnya, secara mudah dapat, tapi intinya, perincinya, tak dapat maklumat daripada pihak-pihak yang berkenaan. Oleh kerana pentingnya demokrasi ini, suara rakyat mesti didahulukan dan keperluan mereka harus dijawab, dan saya percaya Usul ini wajar diterima.

Yang ketiga, Tuan Speaker, tentang dunia tanpa sempadan. Kerajaan Selangor telah meluluskan Undang-undang yang membawa maksud membenarkan maklumat-maklumat penting diketahui oleh rakyat. Dan kita bimbang sekiranya ada maklumat-maklumat yang dipegang oleh kerajaan, sampai kepada rakyat melalui sumber-sumber yang tidak sah. Yang tidak betul. Yang mengundang berbagai-bagai tohmahan dan salah tafsir oleh rakyat. Justeru, soal-soal yang penting seperti ini, projek-projek kerajaan persekutuan mesti mempunyai maklumat yang jelas dan sah, supaya jangan rakyat terkeliru atau salah tafsir yang dilihat sebagai bersifat politik, yang mungkin tidak betul begitu. Tapi kesahihannya tidak nampak di mata rakyat. Oleh kerana mengelak daripada maklumat itu sampai rakyat dengan cara yang tidak betul, tidak sah, maka keperluan kepada menyokong Usul ini, bagi saya adalah mustahak. Bagi memastikan semua maklumat itu tepat dan betul. Dan dengan ini, saya menyokong Usul yang dibawa oleh Kampung Tunku. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Timbalan Speaker. Saya ingin ambil bahagian mengusulkan, membahaskan Usul ini dalam dua perspektif. Pertamanya adalah dari segi perspektif, pertamanya, *engagement*, dengan izin. *Engagement* Wakil Rakyat dan ADUN dengan penduduk setempat. Keduanya tentang imej ataupun, dengan izin *public relation* kerajaan negeri. Ini kerana dari segi mana-mana projek, kita tidak begitu kluatir aspek teknikal. Kerana ada prosedur, ada SOP yang telah terbukti diikuti bertahun-tahun. Di peringkat Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan negeri ataupun PBT. Itu kita tidak kluatir. Tapi masalah yang biasa kita hadapi ialah tentang persepsi, maklumat yang berkaitan *public relation* kerajaan negeri. Saya ingin mengambil dua contoh yang berlaku di kawasan saya. Pertamanya, kita ingin memaparkan kerajaan Pakatan Rakyat sebagai kerajaan yang mesra alam sekitar. Kita tidak menebang pokok secara mudah-mudah, menarah lereng-lereng bukit secara

mudah-mudah, ikut prosedur dan kita meletakkan syarat yang ketat untuk memastikan alam sekitar dijaga dengan baik. Ini adalah persepsi, inilah konsep yang ingin dipaparkan, ditonjolkan kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor kepada rakyat. Dan pendekatan ini diperkukuhkan lagi dengan *engagement*, dengan izin, wakil rakyat, saya di Hulu Kelang untuk menyatakan di antara polisi saya di Hulu Kelang adalah mesra rakyat dan mesra alam sekitar. tetapi apabila projek KLORR, *KL Outering Road*, ditimbulkan. Jadi rakyat bertanya di manakah pendirian Kerajaan Negeri Selangor, adakah hanya kerana projek ini membawa pulangan ekonomi yang besar, Kerajaan Negeri ingin menggadaikan prinsip menjaga alam sekitar ini. Ini persepsi, kerana kita tidak proaktif. Saya pun tidak dimaklumkan dengan tepat, dengan wajar dengan teliti untuk mempertahankan. Saya hanya boleh mempertahankan dari segi prinsip, tidak dari segi teknikal. Jadi oleh kerana itu, saya merasakan satu proses penerangan yang teratur, yang tersusun untuk menjelaskan projek-projek besar yang berkaitan dengan Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan di peringkat negeri dapat dinyatakan kepada ADUN-ADUN, Wakil Rakyat yang melaksanakan *engagement* dengan rakyat.

TUAN SPEAKER: Ya, Kampung Tunku mohon mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya,

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang kena duduk sementara Kampung Tunku mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Adakah Yang Berhormat Hulu Kelang sedar juga, kadang kala kita tidak boleh mengharapkan kepada Kerajaan Negeri kerana maklumat yang diterima Kerajaan Negeri selalunya adalah pada saat-saat akhir. Seperti apa yang saya sebutkan tadi, perjanjian konsesi itu sudah lama di tanda tangani oleh Kerajaan Pusat dengan syarikat konsesi. Dan apabila syarikat konsesi nak memulakan kerja, baru mereka mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri dan pada masa ini nasi sudah menjadi bubur. Soalan saya, adakah Yang Berhormat sedar tentang situasi ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Kita, yang saya faham daripada projek KLORR ini, adalah maklumat itu kita dapat daripada media. Dan kemudian bila saya bertanya kepada EXCO yang bertanggungjawab pada masa itu, dijelaskan secara umum. Jadi kita hanya boleh menjelaskan kepada penduduk secara umum. Prinsip-prinsip dokongan dan dasar Kerajaan Negeri tentang penjagaan alam sekitar, dengan menafikan apakah itu akan dibuat, menebang pokok dan sebagainya. Jadi teknikal itu tidak dapat kita jelaskan dengan teratur. Jadi adalah lebih baik, sekiranya Wakil Rakyat dijelaskan secara berkala, secara tetap tentang projek-projek yang akan dilakukan. Dasar yang akan dipertahankan dan kita akan menyampaikan dengan penuh yakin.

Kerana di Hulu kelang ada dibuat persatuan penduduk khususnya di Melawati yang amat prihatin tentang penjagaan alam sekitar, dan mereka akan terkejut besar sekiranya kerajaan negeri terlibat dalam satu proses dan projek yang boleh menggugat alam sekitar. Keduanya ingin saya nyatakan juga adalah tentang dasar Pakatan Rakyat tentang peneroka bandar ataupun setinggan. Kita tidak mendukung konsep dan prinsip amalan BN yang lama iaitu setinggan sifar. Kita tidak melakukan pengusiran. Kita hanya memindahkan selepas penduduk ada tempat. Dan kita tidak menempatkan orang-orang yang penduduk berada di kampung-kampung setinggan, di rumah-rumah panjang. Ini adalah jaminan kerajaan negeri pada kita. Sebagai ADUN yang ada kawasan setinggan, saya mendukung konsep ini. Saya menjamin, penggal pertama dan penggal kedua menjamin bahawa penduduk tidak akan di rumah panjangkan. Dan apabila projek *River of Live*, peringkat pertama dilakukan, kami ADUN-ADUN dipanggil untuk taklimat. Dan taklimat itu menegaskan bahawa di peringkat sekarang, pembersihan sungai, pencantikan tebing-tebing sungai akan hanya melibatkan tebing-tebing sungai tanpa melibatkan struktur. Jadi apabila saya bertanya kepada pegawai yang bertanggungjawab kepada projek ini, beliau mengatakan tidak akan dilakukan sebarang pengusiran ataupun menyentuh penduduk-penduduk di kampung setinggan. Apa yang berlaku baru-baru ini, saya dimaklumkan oleh D.O. Gombak, Pegawai Daerah Gombak, bahawa penduduk Kampung Fajar akan dibina di situ sebuah rumah panjang, mereka akan dipindahkan sementara, dibersihkan tebing-tebing sungai daripada rumah setinggan. Dan dibangunkan projek ROL. Kemudian barulah rumah akan dilaksanakan, di atas peruntukan khas, PEMADAM, eh, PEMANDU, minta maaf. PEMANDU. Dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Jadi ini saya terima maklumat itu daripada D.O. Prinsipnya bercanggah dengan prinsip yang telah saya perjuangkan. Penduduk setinggan tidak akan di rumah panjangkan. Yang membawa impian yang sangat ngeri pada mereka, bahawa mereka akan kekal di situ. *Once*, dengan izin, mereka di rumah panjangkan, kat situlah duduk mereka bergenerasi sebagaimana yang diamalkan dalam pentadbiran yang lama. Ini mimpi ngeri ini saya tidak dapat pertahankan selagi mana saya tidak dapat penjelasan yang konkrit daripada Kerajaan Negeri sendiri. Jadi atas dasar itulah saya menyokong Usul ini, agar Usul ini secara proaktif menjelaskan pada Wakil Rakyat Pakatan Rakyat tentang projek-projek persekutuan yang telah di *endorse*, dipersetujui oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan. Tuan Timbalan Speaker, dengan ini, saya menyokong Usul.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Sungai Burong untuk mengambil bahagian dalam Usul yang

diperbahaskan ini. Sebenarnya Sungai Burong sangat menyokong prinsip ketelusan dan kebebasan maklumat supaya maklumat yang ada berkenaan pertamanya yang melibatkan rakyat, perlu diberitahu kepada rakyat dan rakyat mempunyai sistem maklumat yang berpanjangan dengan perkara ini. Dan kerana itu Sungai Burong menyokong apa Usul yang boleh meningkatkan ketelusan tersebut. Tapi berhubung dengan Usul yang dikemukakan ini, pertama, Sungai Burong ingin membuat ulasan bahawa didapati sistem dan peraturan-peraturan yang ada dalam negeri ini sepatutnya memberikan ruang untuk memberikan maklumat yang sepenuhnya kepada rakyat di negara ini. Saya juga bersetuju bahawa sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kita ni sepatutnya menjadi, apa orang kata, wakil daripada rakyat yang mendapat maklumat sepenuhnya tentang sesuatu perkara yang berlaku itu terutamanya projek-projek infrastruktur sama ada projek infrastruktur mahupun juga projek pembangunan besar yang lain yang dilaksanakan di negara ini, di negeri ini yang mempunyai impak yang besar, terutama ke atas rakyat di negeri ini. Dan saya beranggapan perkara-perkara yang dibangkitkan ini menunjukkan bahawa ada gap antara ADUN-ADUN dan juga dengan pihak eksekutif. Kalau dulu saya tak pastilah, masa kerajaan barisan nasional, kita ada di bawah, di peringkat daerah misalnya, ada perjumpaan-perjumpaan yang melibatkan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, iaitu orang kata Jawatankuasa di peringkat tindakan daerah yang memantau dan dapat maklumat. Setiap maklumat yang berlaku dalam kawasanya daripada apa juga perancangan projek, pelaksanaan, yang dilaksanakan oleh, di dalam negeri tersebut oleh berbagai-bagai jabatan dan kementerian dan juga projek-projek yang besar sama ada projek pembangunan, yang baru yang akan dilihat, yang akan berlaku di kawasan berkenaan. Biasanya ini akan mendapat maklumat di peringkat, bukan sahaja negeri yang melibatkan jabatan yang akan mendapatkan maklumat tetapi juga di peringkat kita Ahli-ahli Dewan Undangan negeri, di peringkat kawasan. Ini sangat penting supaya kita mendapat saluran di antara rakyat juga dengan kerajaan supaya dapat mengelakkan daripada mungkin perkara-perkara disebut sebagai, orang kata, yang disebutkan Kampung Tunku tadi, nasi sudah menjadi bubur.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, Kampung Tunku ingin bertanya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Burong, bahawa inti patinya dalam Usul saya ini adalah menekankan kepada penglibatan ADUN, orang ramai dan juga barangkali Kerajaan Negeri Selangor sebelum nasi menjadi bubur. Jadi kalau nasi sudah menjadi bubur, nak bagi semua maklumat kepada kami pun tak guna kerana perjanjian sudah sains. Jadi soalan saya ialah saya nak tanya zaman Barisan Nasional dahulu, adakah nasi sudah menjadi bubur, baru diberitahu kepada ADUN atau sebelum menjadi bubur.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Belum masak pun dah tahu. Sebenarnya keadaan ini, ialah ini masalah ini masalah keseluruhan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ada soalan kedua.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya dah jawab lah tu, kan. Tak puas hati dengan jawapan saya. Dia tanya.

TUAN SPEAKER: Duduk Kg. Tunku, giliran Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kg. Tunku tanya, zaman Kerajaan Barisan Nasional dulu, dah tau sebelum tu, saya kata sebelumnya pun, ada yang tau. Tapi juga ada perkara-perkara yang tak tahu. Ini kerajaan bukan sempurna. Kerajaan sekarang pun saya bertanggung begitu. Cuma saya ingin menyentuh tadi soal hubungan yang menjadi gap di antara ADUN, Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga pihak eksekutif dan juga rakyat yang mungkin ini menghambat daripada maklumat-maklumat itu tersampai. Saya melihat tadi di peringkat daerah ialah Jawatankuasa Tindakan Daerah, yang mungkin ini satu kelemahan yang perlu ditengok semula kerajaan negeri Selangor. Jadi Majlis Tindakan Daerah kalau boleh diwujudkan supaya Ahli-ahli Dewan Negeri boleh duduk kat situ mendapatkan, kalau dia tahu, misalnya melalui media. Ada perkara misalnya berlaku, ada projek baru di kawasan tersebut, yang orang lain tak tahu.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Kampung Tunku ingin bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan susulan. Itu sebabnya saya bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Burong. Mengapa pada masa dahulu Kerajaan Negeri Barisan Nasional dia tahu, tapi sekarang Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ada yang tahu ada yang tak tahu. Yang tahu pun sikit-sikit sahaja melalui media. Jadi masalah kita ialah di sini, dari segi struktur ada satu sistem bukan sahaja antara terdapat jurang di antara Kerajaan dengan wakil rakyat tetapi terdapat jurang yang lebih besar antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri itu adalah masalah hakiki yang saya rasa kita harus lihat pada masa ini dan memang saya mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat diwujudkan kembali Jawatankuasa Tindakan Daerah, tetapi sekiranya masalah hakiki yang saya sebutkan dahulu, tadi tidak diselesaikan nak buat dua-tiga Jawatankuasa Tindakan Daerah pun tak guna juga. Apa pandangan Yang Berhormat?.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ada yang bersetuju, ada yang tak bersetuju dengan beberapa perkara lah. Yang pertama sekali ialah Kampung Tunku pun telah menyebutkan ya, maknanya maklumat-maklumat ini rakyat lebih dahulu tahu misalnya melalui media ya. Jadi perkara ini tak sampai lagi mungkin di peringkat ADUN. Bila ADUN bertanya pada EXCO, EXCO kata di bagi maklumat yang umum. Maknanya perkara ini telah berlaku. Sebenarnya dalam sistem ini akan berlaku proses di mana keadaan ini akan orang kata, akan benda ini boleh diselesaikan misalnya perancangan. Perancangan akan dengan sendirinya walau apa juga keputusan dibuat oleh sama ada pemaju ataupun Kerajaan Persekutuan melalui satu projek. Ia melalui proses perancangan yang berlaku di peringkat Negeri dan juga di peringkat PBT. Jadi bila dia akan memohon perancangan di situ mereka tidak akan dapat meneruskan projek tersebut sekiranya projek ini apabila ia dilaksanakan nanti dia akan menjejaskan rakyat. Tiada mana-mana boleh melaksanakan apa orang kata projek yang telah dirancang kan dan diputuskan tanpa katanya persetujuan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah sikit.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, Permatang ingin mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasihlah Sungai Burong. Saya pun tertarik juga dengan usul yang dibawa, walaupun saya ingat mungkin tak payahlah saya nak berbahas, tapi *just* sekadar untuk minta penjelasan daripada Sungai Burong. Jadi mengenai usul yang dibawa ini, saya tengok pertamanya apakah Sungai Burong bersetuju hanya projek Kerajaan Persekutuan. Mungkin Kerajaan Negeri pun banyak juga menghadapi masalah-masalah yang sama mengenai maklumat yang tak sampai kepada rakyat sebagai hanya bukan Kerajaan Persekutuan, tapi yang saya menarik dengan usul ini saya nak tanya pada Sungai Burong bahawa tadi pun mungkin dijelaskan tadi iaitu sesuatu rancangan pembangunan sama ada berupa infrastruktur ataupun rancangan pembangunan sebelum dilaksanakan dan sudah tentu akan melalui satu permohonan yang akan mendapatkan kebenaran merancang daripada pihak sama ada PBT ataupun pihak Majlis Bandar raya di dalam Negeri Selangor. Lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Persekutuan sudah tentu akan dimasukkan dalam sebagai contohnya ia akan dimasukkan di dalam OSC untuk dapatkan pandangan daripada jabatan-jabatan, komen sama ada menyokong ataupun tidak. Jadi, saya fikir ini sudah melalui satu proses, sepatutnya tak timbul usul yang mengatakan bahawa tidak dapat maklumat dan yang duduk dalam OSC itu kebanyakannya terdiri daripada Ahli-ahli Majlis juga ada, PBT maklum, saya ingat Kerajaan Negeri dah maklum mengenai perkara ini. Jadi, apa pendapat Sungai Burong mengenai perkara ini, sebab dah

melalui proses yang begitu melalui proseslah baru sesuatu kelulusan itu diperolehi dan sudah tentu tak menimbulkan masalah. Cuma melibatkan maklumat saya rasa mungkin orang awam diberi penjelasan. Tapi untuk mendapatkan katakan melalui proses sudah melalui proses dan kalau misalan kata contoh sebagai Langat II. Apabila Kerajaan Negeri tidak benarkan berikan kebenaran merancang maka tak adalah diberikan kebenaran merancang itu dah tak boleh di laksana, tak terlaksana pun projek berkenaan. Jadi saya minta pendapat Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya bersetujulah dengan pandangan daripada Permatang itu sebab itu tadi saya berkata bahawa proses sebenarnya telah ada diperuntukkan ya, sama ada peraturan dan juga strukturnya pun telah ada, sama juga peringkat perancangan di negeri ataupun di kawasan. Sama ada ia terpulang lah kepada misalnya pihak-pihak berkenaan untuk melaksanakannya. Misalnya, kalau PBT tidak membenarkan, sepatutnya satu projek itu perlu diberikan peluang untuk rakyat membuat bantahan, tidak dilakukan proses bantahan ini. Maka ini perlu yang kalau kita ini, forum ini yang kita membangkitkan saluran untuk kita orang kata membangkitkan perkara-perkara tersebut. Kemudian soal projek-projek Persekutuan. Ini sebenarnya banyak selain daripada projek Persekutuan juga projek-projek yang dibangunkan oleh terutamanya dengan izin *Private Sector* yang dilaksanakan itu juga banyak kita terima impak-impak negatif. Contohnya, *multiracial*, masalah banjir, masalah banjir kilat ya yang semuanya ini menghadapi menunjukkan rakyat. Jadi sebenarnya ini berlaku dilaporkan jadi tidak kiralah sama ada projek Persekutuan ataupun daripada Kerajaan Negeri apa juga projek yang menjejaskan kepentingan rakyat ini. Maka ini perlu apa orang kata maklumat-maklumat ini perlu didedahkan dan kemudian itu diselesaikan dan saya melihat salah satu daripada kepincangan yang ada sekarang ini.

TUAN SPEAKER: Minit yang terakhir ya Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak ulang balik sebagai *gap* antara ADUN dan juga rakyat ini ialah di peringkat Daerah. Di peringkat PBT mungkin ADUN-ADUN yang tidak menjadi Ahli Majlis tetapi dia mungkin dapat berpeluang berhubung dengan Ahli-ahli Majlis yang telah dipilih oleh Kerajaan Negeri juga yang menjadi komponen mereka. Tapi di peringkat Daerah ini saya ingin mencadangkan supaya dikaji dan diwujudkan semula Jawatankuasa Tindakan Daerah yang ini memang berkuasa untuk memanggil orang kata memberikan maklumat sebagainya daripada pelaksanaan yang dilaksanakan sama ada oleh pihak projek-projek besar yang dibuat oleh infrastruktur Kerajaan Persekutuan malah projek-projek kecil pun, tapi kalau banyak pun dia juga memberikan kesan yang sama dan juga projek-projek yang dilaksanakan apa juga projek pembangunan yang boleh menyejahterakan rakyat. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya menjemput pihak Kerajaan untuk menjemput memberikan respons.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker, sebenarnya pada prinsipnya tidak ada masalah untuk Kerajaan Negeri membekalkan maklumat yang ada pada Kerajaan Negeri kepada mana-mana pihak yang memohonnya. Kerana memang ada prinsip ini tidak ada masalah sebab itulah Negeri Selangor menjadi Negeri yang pertama dalam Negara ini yang meluluskan Akta ataupun Enakmen Kebebasan Maklumat. Bagi Pihak Negeri tidak ada rahsia Negeri yang berkaitan dengan keselamatan Negara itu. Maka ia boleh dibekalkan maklumat berkenaan, tapi sekiranya disyaratkan bahawa setiap maklumat yang diterima itu hendaklah diumumkan mungkin dia akan mendatangkan masalah dari segi pelaksanaannya. Sebab kita tidak mahu juga menyampaikan maklumat yang tidak tepat umpamanya kalau dalam pembinaan. Mula-mula pembinaan Jambatan Klang Ke-3 tahun 2008. Sekiranya Kerajaan membantu pada masa itu, Kerajaan pula akan dipersalahkan kerana menyebarkan maklumat yang tidak tepat. Jadi kita tengok bagi maklumat yang ada pada Kerajaan tidak ada masalah sekiranya sebab rakyat atau wakil rakyat sekalipun boleh memohon untuk memperoleh maklumat tertentu di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat. Itulah sebabnya kita membekalkan apa tu satu caranya, satu *a venues* supaya rakyat boleh memperoleh maklumat.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya.

TUAN SPEAKER: Ya. Sungai Pinang. Rawang ingin bertanya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin mohon penjelasan sikit sebab kita sedia maklum kalau sebelum ini Sungai Burong sebutkan ada Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah dan saluran-saluran tertentu dengan peraturan-peraturan dan enakmen yang tertentu yang untuk kita perolehi maklumat. Tetapi saya ingin ambil contoh di kawasan Gombak misalnya projek-projek di bawah Jabatan ICU yang sepatutnya ikut peraturan memang perlu ulasan teknikal daripada Pihak Berkuasa Tempatan, tetapi tidak dijalankan dan saya ambil satu contoh jalan di kampung ditarkan tanpa ulasan teknikal sampai pili bomba pun tar sekali. Jadi bila lepas itu berlaku pembaziran pula, kena cari balik bomba korek balik *then* tar balik jalan sekali lagi. Sebab kita faham dengan suasana politik yang matang mungkin penyelarasan itu akan berlaku kalau dengan ada

ikut masing-masing ikut peraturan dan undang-undang. Tetapi kalau ada untuk projek ICU ini, saya rasa banyak masalah sebenarnya kita menghadapi.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Projek ICU itu adalah projek turap jalan, sebagainya. Terkecil untuk ke peringkat untuk kita bincang, sebab itu tidak memerlukan kelulusan merancang. Ya, sila.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih. Boleh, mungkin dari segi itu saya ingin minta penjelasan lah sebab jikalau adanya saya katakan kalau ada Jawatankuasa di peringkat Daerah sebenarnya ya. Jadi projek-projek ini boleh dilibatkan semua jabatan. Jadi tak kira apa semua jabatan boleh dipanggil dan duduk dalam jawatankuasa dengan Daerah. Jadi apa-apa perkara, maklumat tentang perancangan itu boleh dibincangkan di situ. Bersetuju atau tidak?.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya memang, sebab menurap jalan, menampal jalan itu ia tidak memerlukan laporan teknikal. Jadi itu ada isu yang berlainan dengan isu yang dibawa oleh Kampung Tunku tadi. Jadi, berkenaan dengan apa tu, nasi sudah jadi bubur, bila kita sampai dapat maklumat di peringkat Negeri, memang benar sebab itulah kita di pihak Negeri tidak dapat menyampaikan maklumat yang terkini sebab bila dah sampai dah bubur bukan nasi. Jadi dulu dia mungkin dia sebelum masak dia dah tahu sebab ada habuan. Sekarang kita tak ada habuan. Tidak ada seorang pun kita dapat kontrak daripada apa tu projek yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri sebab itu kita tahu. Tapi tidak bererti kita tidak ada mesyuarat di peringkat Daerah, di mana sekarang kita ada juga Jawatankuasa Pembangunan yang diadakan mesyuaratnya setiap bulan kita ada bukan tidak ada cuma kita tidak ada jawatankuasa yang untuk membolehkan ADUN kita duduk dalam jawatankuasa bagi meluluskan tanah untuk kawan-kawan kita. Itu kita dah cegah, tak boleh dah, dihapuskan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mohon penjelasan. Boleh mintak penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Sila.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih pihak apa EXCO Sungai Pinang. Saya masih berpegang kepada bersandarkan kepada fakta yang awal tadi bahawa suatu kebenaran merancang itu sudah menunjukkan bahawa sudah ada maklumat pada Kerajaan Negeri sebelum beri kelulusan sama ada projek itu Kerajaan Persekutuan ataupun Negeri. Jadi isu yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku ialah kurangnya apa ni maklumat kepada orang ramai. Jadi pada saya, isu maklumat tak timbul kerana maklumat itu sudah sampai kepada pengetahuan kepada Kerajaan

Negeri, sebab itu diberikan kebenaran merancang, kalau tidak projek itu tidak akan pun dilaksanakan. Jadi apakah sebenarnya ada kelemahan, di sini isunya ialah apakah ada saya nak minta ulasan sama ada apabila kebenaran dah diberi tetapi apakah ada kelemahan dari segi pemantauan, dari segi penyaluran maklumat kepada wakil rakyat ataupun mana-mana pihak yang orang awam dan sebagainya dalam isu ini. Bukan isu kebenaran itu sendiri, kebenaran itu sudah diperolehi dan maklumat pun kepada pihak Kerajaan. Jadi saya minta ulasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, memang keadaan sekarang lain dengan dahulu ya. Permatang dulu pernah menjadi Ahli Majlis agaknya jadi dia tahu prosesnya dan dulu Ahli Dewan Negeri pun menjadi Ahli Majlis, mereka tahu prosesnya, mereka tahu maklumat di peringkat itu. Tapi sekarang Ahli Dewan Negeri lain, dia tak duduk dalam majlis. Sebab itu ada maklumat-maklumat tertentu mereka tidak perolehi. Sebab mereka tidak duduk dalam Jawatankuasa OSC, tidak benar, tidak dibenarkan langsung untuk menjadi Ahli Majlis, jadi mungkin ada maklumat tertentu yang mereka tidak perolehi. Itu saya faham, tapi itu tidak bererti Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Tempatan akan menyorok maklumat tersebut daripada pengetahuan orang ramai. Malah kita kadang-kadang di Majlis Perbandaran yang tertentu menjemput juga Ahli Majlis untuk memberikan pandangan apabila ada permohonan walaupun di peringkat OSC. Jadi, itu adalah keadaan di Kerajaan sekarang ini, kita tidak menyuruh dan juga *the* prosesnya kita mempunyai proses yang ketat kita memastikan bahawa Majlis Perbandaran kita mematuhi semua peraturan yang ditetapkan. Malah kita mempunyai undang-undang ketat dari dahulu, umpamanya untuk menggazetkan, digazetkan tanah untuk hutan. Pendengaran awam juga perlukan, dulu tak perlu, tapi Dewan ini sejak tahun 2008 kita pinda kan undang-undang itu supaya diadakan pendengaran awam. Projek kos umpamanya, pendengaran awam akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan sama ada kita nak benarkan ke tidak tapi dalam proses pembangunan infrastruktur ini kadangkala maklumat banyak kita tak dapat sebab itu adalah projek Persekutuan. Kita tidak tahu kontraktor siapa dilantik sebab itu adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan dan kita tidak ada kuasa untuk minta siapakah kontraktor ataupun pemaju yang diberikan kontrak. Itu adalah di dalam bidang kuasa Persekutuan. Di pihak Negeri apabila kita diminta untuk mengambil tanah maka mengikut Akta Pengambilan Tanah dan juga mengikut peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan itu menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk mengambil tanah bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Itu terpaksa kita ikut kerana ada peruntukkan di bawah Perlembagaan dan juga di bawah undang-undang Pengambilan Tanah itu dan berkenaan dengan mungkin ada sesetengah pihak mungkin menghadapi impak negatif umpamanya mereka yang duduk di tepi sungai, di dalam rizab sungai sudah tentu mereka akan menghadapi impak yang negatif tapi kita juga hendaklah mengimbangkannya dari segi kepentingan orang ramai. Di manakah kepentingan

orang ramai, jadi kita tidak dapat mengelakkan kadang-kadang mendatangkan kerumitan apabila kita hendak memindahkan penduduk yang duduk di dalam kawasan rizab sungai ini walaupun kita tidak mahu memberikan nama sama ada mereka itu penceroboh ataupun peneroka bandar dan sebagainya. Tapi prinsipnya, apabila kita hendak membuat satu pembangunan apabila di perlukan tanah tersebut dan ada sesetengah pihak mungkin menghadapi masalah kita akan cuba menyelesaikannya. Sebenarnya jawatan di peringkat Kerajaan Negeri itu juga kita telah pun apa tu membantu menyelesaikan mereka yang terpaksa dipindahkan selama-lamanya ataupun dipindahkan buat sementara projek dijalankan ada jawatankuasa ditubuhkan untuk memastikan bahawa ia dapat dijalankan dengan sebaik nya. Tetapi kita tidak dapat mengelakkan daripada menyebabkan kerumitan sementara kepada setengah-setengah mereka yang terjejas dalam projek infrastruktur ini. Tapi, yang penting adalah kita akan melihat juga bagaimana kita memperbaiki lagi sistem kita untuk menyampaikan maklumat yang terbaik yang terkini kepada rakyat dan seperti yang saya sebutkan tadi sebenarnya selama ini juga di bawah Pakatan Rakyat sejak tahun 2008 kita telah pun mengadakan banyak mesyuarat TAUHO di mana tidak diperuntukan di bawah undang-undang pun kita tambah baik lagi. Kita mengadakan perjumpaan walaupun itu tidak diperlukan oleh peruntukan mana-mana undang-undang. Jadi kalau beban yang dahulu kita dah banyak memperbaiki sistem kita, tetapi itu kita mengaku itu mungkin belum sempurna lagi kita akan cuba lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa Dewan Yang Mulia ini sejajar dengan prinsip ketelusan meminta Kerajaan Selangor supaya sentiasa memberikan maklumat terkini tentang semua projek infrastruktur Kerajaan Persekutuan dengan sepenuhnya kepada rakyat dan Dewan Yang Mulia ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Maka perbahasan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

[Dewan disambung semula]

TIMBALAN SPEAKER: Dewan bersambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul Seterusnya Usul No. 20 Tahun 2013. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor mengkaji semula garis panduan *Gated and Guarded Community* dengan izin supaya ianya tidak terlalu menjadi membebankan kepada penduduk-penduduk setempat. Mengikut bidang kuasa Perundangan Persekutuan yang berasaskan kepada jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan, keselamatan dalam negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Namun dukacitanya kegagalan Kerajaan Pusat serta pihak keselamatan dalam menjaga keselamatan para rakyat sudah ternyata apabila masalah jenayah di Negara kita menjadi semakin serius. Hamper setiap hari ada sahaja berita tentang kes jenayah terutamanya kes pecah rumah dan kes ragut dipaparkan di media massa. Hal ini telah menyebabkan rakyat kita berada dalam keadaan ketakutan. Kadar ketakutan orang awam bertambah teruk apabila pihak Polis DiRaja Malaysia telah membuat satu pengumuman pada minggu lepas bahawa perkhidmatan panggilan kecemasan *my depress* di Selangor yang baru dilancarkan pada tahun 2011 akan dihentikan serta-merta dan digantikan dengan satu servis baru yang dinamakan *Save Me 999*. Akan tetapi *Save Me 999* hanya dibuka untuk golongan OKU sahaja buat masa ini. Tindakan terkejut ini telah mengelirukan 100 ribu warga Selangor yang telah berdaftar menjadi pengguna *My Depress*. Orang awam tidak pasti di mana boleh dapat bantuan dalam keadaan kecemasan.

Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian. Kes jenayah yang Kinrara ingin menggariskan dalam Dewan yang mulia ini adalah kes pecah rumah. Jika kita melihat kepada data yang telah dilakukan setakat 18 hari bulan September 2013, kes pecah rumah di Selangor dilaporkan meningkat sebanyak 16 peratus dalam tempoh sama berbanding dengan tahun lalu. Antara kawasan panas di rekod mengalami pertambahan kes termasuk Klang, Kajang, Petaling Jaya serta beberapa kawasan lain yang mengalami banyak pembangunan seperti Puchong. Berikutan kadar jenayah yang tinggi di negara kita, penubuhan *Gated And Guarded Community* dengan izin telah menjadi satu kebiasaan kepada semua atau kebanyakan kawasan perumahan khususnya di Lembah Klang bagi menjaga keselamatan para penghuni memandangkan Kerajaan Pusat dan pihak keselamatan tidak dapat memberi jaminan terhadap keselamatan mereka. Perjalanan *Gated And Guarded Community* dengan izin, walau bagaimanapun perlu dilakukan berdasarkan akta-akta seperti Akta Jalan dan Parit dan Bangunan 1974, Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Agensi Persendirian 1971, Akta Pemajuan Perumahan 1966 dan lain-lain serta perkara-perkara ada dalam garis

panduan skim komuniti berpengawal negeri Selangor. Berdasarkan garis panduan yang sedia ada, Kinrara mencadangkan supaya salah satu perkara di mana penghalang hanya dibenarkan beroperasi dari pukul 12.30 malam hingga ke 6.00 pagi dapat dilonggarkan lagi. Hal ini adalah relevan dengan keadaan keselamatan semasa di mana kes jenayah bukan sahaja berlaku pada waktu malam malahan kes-kes pecah rumah yang berlaku pada waktu siang terutamanya waktu kerja adalah tinggi secara relatifnya. Sehubungan itu, Kinrara mencadangkan supaya membenarkan waktu penghalang beroperasi dalam 24 jam dengan sekurang-kurang seorang pengawal ditugaskan. Dengan adanya pengubahsuaian perkara tersebut dalam garis panduan Skim Komuniti Berpengawal jaminan terhadap keselamatan perumahan diharapkan akan lebih meningkat. Bersama dengan cadangan ini dengan segala hormatnya Kinrara ingin meminta Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk memberi peruntukan tahunan kepada setiap Persatuan Penduduk yang berdaftar bagi membantu perjalanan kawalan keselamatan sebagai inisiatif Kerajaan Negeri terhadap keselamatan komuniti. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tuan Speaker, saya menyokong.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Ya,

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adalah menjadi kebimbangan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini terutamanya di negeri Selangor bahawa kadar jenayah semakin meningkat. Ini berikutan kegagalan pihak Kerajaan Pusat dalam tanggungjawabnya untuk menurunkan kadar jenayah. Walaupun usaha Kerajaan Pusat dan Negeri untuk memerangi jenayah dengan pemasangan CCTV dengan izin di kawasan-kawasan hot port jenayah nampak penurunan kes jenayah seperti kes ragut, peningkatan di dalam kadar kes pecah rumah telah direkodkan untuk memastikan kawasan perumahan yang didiami selamat dan bebas daripada jenayah kebanyakan penduduk di taman-taman perumahan melaksanakan Skim *Gated and Guarded*. Dengan pelaksanaan Skim *Gated and Guarded*, jalan-jalan yang tertentu terpaksa ditutupi kerana ingin mengurangkan jumlah akses jalan masuk ke taman perumahan yang tertentu dan untuk mengurangkan bilangan anggota pengawal keselamatan bagi mengawal kos operasinya. Masalah sering timbul dengan wujudnya sebahagian besar penduduk yang menyokong pelaksanaan skim tersebut dan sebahagian lagi yang membantahnya. Ini adalah kerana beberapa ciri pelaksanaan bagi skim ini bercanggah dengan beberapa akta seperti Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Contohnya penutupan jalan akses. Walau bagaimanapun, tahniah dan syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana telah mewujudkan garis panduan untuk diguna pakai oleh ke semua 12 PBT pada tahun 2010 untuk menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri ke atas isu keselamatan anak-anak Selangor. Ini menunjukkan

keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap isu keselamatan anak-anak Selangor. Kerajaan Negeri juga sentiasa mengambil langkah-langkah yang sepatutnya apabila timbulnya perselisihan dan salah faham antara pihak-pihak tertentu. Contohnya keputusan Kerajaan Negeri melalui mesyuarat MMKN pada bulan September tahun 2013 telah memutuskan supaya semua tindakan penguatkuasaan ke atas *bomb gate* dengan izin ditangguhkan untuk satu tahun sehingga ada penurunan kadar jenayah di kawasan tersebut dan sehingga kajian semula dasar dibuat. Balakong mengalu-alukan keputusan tersebut dan ingin mencadangkan supaya penangguhan penguatkuasaan tersebut tidak dihadkan ke atas *bomb gate* sahaja. Ia sepatutnya diperluaskan kepada ke semua perincian yang dirangkumi oleh Skim *Gated And Guarded* seperti pembinaan pondok pengawal, CCTV, tiang lampu dan sebagainya kerana secara teknikal pemasangan CCTV di atas tiang dan tiang lampu tanpa kelulusan bercanggah juga dengan akta tersebut. Segala keputusan sama ada membenarkan atau tidak benarkan pembinaan pondok pembinaan serta ke perincian yang lain harus dibuat setelah dibuat kajian semula dasar disempurnakan nanti.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta mencelah Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Selain daripada itu

TIMBALAN SPEAKER: Balakong, Teratai minta mencelah.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Memandangkan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Balakong bahawa Skim *Gated and Guarded* dengan izin telah dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor dengan mengambil berat atas keselamatan rakyat, jadi dalam tahun 2010 Kerajaan Pusat telah menggariskan satu senarai juga yang mana antaranya adalah bercanggah dengan Seksyen 46 Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Jadi saya ingin nak tanya Yang Berhormat Balakong, adakah bagi penggubalan undang-undang ini sepatutnya terletak ke atas beban Kerajaan Persekutuan memandangkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan atau Akta *Strata Title* dengan izin adalah Akta Parlimen. Saya minta penjelasan, terima kasih.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Sebenarnya tanggungjawab untuk membanteras dan mencegah jenayah pun adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat. Memang kita dah tahulah kegagalan mereka menjadikan, menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa memikul tanggungjawab yang tersebut. Baik, saya sambung. Selain daripada itu Balakong ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan pengesahan daripada pihak kerajaan, bahawa adakah permohonan TOL ataupun Lesen Menduduki Sementara telah dibekukan sehingga kini walaupun ia adalah untuk kegunaan pondok pengawal keselamatan. Ini adalah kerana Balakong menerima aduan mengatakan pihak PBT mensyaratkan pemohon Skim *Gated and Guarded* supaya mendapatkan TOL daripada Pejabat Tanah tetapi pihak Pejabat Tanah memberitahu bahawa TOL sudah dibekukan. Mohon supaya ia dikaji semula jika benar. Sekian, Balakong menyokong usul Kinrara. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Tuan Speaker, Dato' Menteri Besar, YB-YB EXCO, YB-YB dan pegawai-pegawai kerajaan salam sejahtera. Apa *consent* saya dengan izin sudah dihuraikan er.. er.. oleh YB Balakong tetapi saya nak menambah sikit sahaja tentang apa yang saya er...er.. *experience* dengan izin di kawasan saya. Jenayah memang sudah menjadi sangat er.. satu kebimbangan orang ramai di kawasan saya. Inilah isu yang paling penting di kawasan Damansara Utama dan saya percaya di semua Petaling Jaya. Saya sentiasa menerima laporan setiap hari dalam *facebook* atau dalam *twitter* ada kes jenayah di tempat saya setiap hari. Satu contoh, baru-baru ini satu pemuda telah bernama Vickson Ong, dia hanya berumur 22, dia dirompak dekat stesen LRT Kelana Jaya dan dipukul kepala dia oleh perompak itu, dia mati 2 hari kemudian. So rompakan ataupun kita er.. dia bukan sahaja mengancam harta benda tetapi juga mengancam nyawa, nyawa pemuda yang ada masa depan yang begitu baik, memang saya tahu, semua orang sini tahu keselamatan ini memang bukan di bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi saya sini nak ambil contoh macam mana Kerajaan Negeri boleh membuat dalam kapasiti kita untuk membantu sedikit tentang er.. untuk keselamatan rakyat di Selangor. Er..... *what*.. apa yang saya katakan di dalam bahasa inggeris iaitu *second batch option what is practically possible* dengan izin so saya nak ambil satu contoh yang tempat di stesen itu. So apa yang kita boleh buat keselamatan kerajaan, bukan saya tak boleh *control* ini polis saya pun tak boleh *control* apa-apa tetapi kita buat pejabat kita telah bekerjasama dengan MBPJ, kita pasang CCTV, kita juga bekerjasama dengan pihak swasta mereka buat CS up project di sana apa untuk dapatkan *panic button*, pasang *panic button* dan kita sekarang rancang untuk pasukan peronda MBPJ. Yang saya nak, saya baru sahaja dapat SMS ini dari penduduk macam mana *hardware* boleh help boleh membantu dalam mengatasi keselamatan. Saya nak, *okey* ini dalam bahasa inggeris tetapi saya terjemah, so selepas kita memasang *panic button* itu, hari ini sahaja, pagi ini ada satu penceroboh atau perompak pergi *7Eleven*. *7Eleven* kita satu, salah satu lokasi yang kita pasang *panic button* itu, so lepas tu, lepas rompakan itu er... ini er.... staff dengan izin dia tekan *panic button* itu ada orang datang 20 orang. 20 orang terima *notification* dengan izin, 6 orang datang ke tempat itu dan perompak itu terlalu takut, dia lari. So inilah kapasiti yang kita boleh buat. Memang kita tak boleh *control*, kita tak boleh ada menambahkan lagi anggota polis ataupun membuat penstrukturan semula reformasi di polis, tapi kita sebagai kerajaan negeri memang kita boleh membagi ataupun mengambil langkah proaktif untuk menjaga keselamatan. Inilah salah satu contoh sahaja apa yang kita boleh buat.

Semua usaha ini memang disambut baik oleh rakyat. Mereka bukan naif, mereka tahu. Ini bukan pendekatan yang boleh mengatasi masalah sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya mereka tahu bahawa kerajaan negeri ataupun wakil rakyat memang prihatin dan memang berjuang bersama mereka. Dengan itu, saya sangat khuatir usaha-usaha

semua pemasangan CCTV ataupun MBPJ yang begitu baik untuk menambahkan lagi peronda PBT. Semua usaha-usaha ini akan menjadi sia-sia sahaja kalau kita dinampak memberi kesulitan kepada penduduk apabila mereka mahu mendirikan G&G ataupun kita merobohkannya atas alasan yang diberi dari garis panduan. Terdapat lebih kurang 30 persatuan penduduk di Damansara Utama. Kebanyakannya ada G&G dan penduduk saya membayar setiap bulan RM50 hingga RM80 sebulan untuk melindungi keselamatan mereka.

TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat kena jelaskan G&G itu apa. Mungkin ada yang tidak tahu.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : *Gated and guarded* (dengan izin). *Gated and guarded*. Sebagai kerajaan negeri, memang kita tidak patut menambahkan lagi kesusahan kepada mereka. Memandangkan semua taman kediaman ini adalah unik, garis panduan yang kita sedia ada ini memang *guide line* nya sangat *rigid* (dengan izin). Susah nak diikuti oleh beberapa taman yang unik. Memang Damansara Utama berharap bahawa garis panduan itu boleh menyemak semula dan menjadi lebih jelas, lebih fleksibel supaya setiap persatuan penduduk boleh mereka *Gated and Guarded System* itu yang sesuai untuk taman mereka.

Di samping itu, saya pun berharap bahawa kerajaan negeri boleh menyampaikan mesej ini dengan sewajarnya kepada PBT supaya PBT tidak gunakan garis panduan ini atau garis panduan yang lama untuk meroboh G&G ataupun mengganggu penduduk tanpa komunikasi yang baik. Barangkali kita dengar alasan untuk meroboh G&G ataupun mengganggu G&G ialah ia nampak hodoh, nampak ada *drum* (memang hodoh). Tetapi persoalannya yang saya sentiasa tanya ialah adakah keindahan itu lebih penting atau keselamatan itu lebih penting? Kalau ia tak cukup cantik, maka kita sebagai kerajaan kena bagi sumbangan yang cukup untuk mencantikkan *gated and guarded*, bukan untuk *working against them* (dengan izin).

So, akhirnya saya hendak menegaskan sekali lagi bahawa keselamatan rakyat adalah paling penting kerana rakyat ini memberi mandat yang begitu besar bagi kita (Pakatan Rakyat) di negeri Selangor. Kita kena berjuang untuk keselamatan semua rakyat di negeri Selangor. Terima kasih. Dengan ini, Damansara Utama menyokong usul Y.B. Kinrara. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya. Kampung Tunku.

TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga ingin berdiri menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kinrara. Tapi, *point* ataupun perkara yang saya ingin bangkitkan di sini adalah lebih menurus kepada skop dan tanggungjawab pihak kerajaan persekutuan dalam menyelesaikan masalah *gated and guarded community* ini.

Maklum semua bahawa isu ataupun masalah yang tertimbul adalah kerana terdapat sekatan ataupun halangan di dalam Akta Parit, Jalan dan Longkang yang telah mengatakan bahawa penutupan mana-mana jalan awam adalah tidak dibenarkan sama sekali oleh undang-undang. Dan dalam perkara ini, penutupan jalan adalah diperlukan memandangkan ianya amat diperlukan untuk menyelesaikan masalah jenayah ini. Justeru itu, saya rasa dalam kes ini kita termasuklah kita sebagai wakil rakyat harus juga mendesak dan meminta kerajaan persekutuan untuk melihat perkara ini sedalam-dalamnya kerana sekiranya kerajaan pusat khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mengambil inisiatif untuk menjalankan / melakukan pindaan yang sewajarnya terhadap akta ini, saya rasa *at the end of the day* (pada akhirnya nanti) apa pun cara penyelesaiannya yang kita bincangkan dan bangkitkan di sini ianya tidak akan berjaya. Ianya akhirnya juga bercanggah dengan Akta Parit dan Jalan ini. Jadi, saya di sini ingin menyokong.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Mohon mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Ya Kampung Tunku, Teratai mohon mencelah.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Memandangkan bagi salah satu kerajaan tempatan di negeri Selangor iaitu MBPJ sejak tahun 2009 telah berusaha dengan melaksanakan pelbagai cara atas isu keselamatan rakyat yang mana termasuk dengan ada senarai semakan untuk G&G (dengan izin) iaitu komuniti berpagar dan berpengawal dan juga RM5,000 diagihkan kepada persatuan penduduk yang menjalankan komuniti *community policing* (dengan izin). Dan sebelum (tahun lepas), telah mula melaksanakan dengan memberikan dua basikal kepada mana-mana persatuan penduduk yang menjalankan *community policing* ini (dengan izin) dan juga memasang CCTV yang banyak dan termasuk dengan memohon berkali-kali untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan pusat untuk polis bantuan. Jadi, saya ingin nak tanya sama ada bagi pendapat Y.B. Kampung Tunku, adakah semua skim-skim atau usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak MBPJ ini harus disokong oleh kerajaan negeri Selangor dan juga dilaksanakan di kerajaan tempatan yang lain? Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Apa saja yang dilakukan oleh PBT untuk menangani masalah jenayah ini harus diberi sokongan yang sewajarnya tetapi ianya tidak bolehlah menyalahi ataupun melanggar dengan undang-undang. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah penutupan jalan ini merupakan sesuatu yang tidak dibenarkan oleh akta ini. Dan saya (tujuan saya) menyokong usul ini juga adalah untuk membawa kepada perhatian khususnya rakan-rakan dari kerajaan pusat termasuk pegawainya termasuk wakil rakyatnya supaya perkara ini dipandang semula. Kerana apa pun *solutions* ataupun penyelesaian yang kita bawa di dalam Dewan yang mulia ini ianya hanya merupakan apa yang kita panggil sebagai *stocked* Malaysia iaitu cara-cara sampingan (penyelesaian-penyelesaian sampingan) untuk menyelesaikan masalah ini.

Masalah ini tidak akan selesai selama-lamanya kita tidak menyelesaikan masalah Akta Jalan dan Parit dan Bangunan ini. Masalah ini juga tidak akan selesai selama-lamanya

kita tidak menyelesaikan masalah kekurangan polis. Dan amat malang sekali dua-dua isu ini adalah di bawah kuasa kerajaan persekutuan. Yang pertama Akta Parit, Jalan dan Bangunan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Satu pindaan perlu dijalankan terhadap akta ini untuk membolehkan dan membenarkan kerajaan tempatan dan juga kerajaan negeri melakukan ataupun membenarkan persatuan penduduk untuk memagarkan kawasan mereka ataupun menutup jalan mereka. Yang kedua ialah kerajaan *Home Ministry* ataupun kerajaan Kementerian Dalam Negeri perlu memastikan bekalan ataupun polis yang mencukupi untuk menangani masalah-masalah jenayah ini.

Jadi, itulah sebabnya saya berdiri di sini menyokong bahawa sebelum kedua-dua inisiatif ini diambil oleh kerajaan persekutuan, kerajaan PBT, kerajaan tempatan dan juga kerajaan negeri haruslah berikhtiar dan mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini untuk kepentingan orang ramai. Sekian saja, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Saya menjemput pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kinrara, Balakong, Kampung Tunku dan Damansara Utama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini. Sesungguhnya saya rasa di dalam Dewan ini mungkin saya yang paling berpengalaman dalam perkara ini kerana pada tahun 2000, saya telah pun sendiri telah pun disamun di dalam rumah. Dan saya hari ini trauma itu masih ada lagi. Jadi, saya rasa kalau nak cerita dari segi pengalaman saya cukup pengalaman berbanding dengan Yang Berhormat yang lain.

Tapi itu tidak bererti apabila kita mencari jalan, kita dikehendaki bertentangan dengan undang-undang yang sedia ada. Dan garis panduan yang kita sediakan (sama ada disediakan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun yang disediakan di peringkat negeri), semua garis panduan itu juga tidak boleh bertentangan dengan peruntukan di dalam undang-undang yang sedia ada. Dan undang-undang ini saya kira Yang Berhormat sekalian yang ambil bahagian cukup arif dengan undang-undang yang sedia ada (sekatan yang ada pada undang-undang). Dan saya setuju dengan Kampung Tunku bahawa sehinggalah undang-undang ini dipinda, kita terpaksa juga akur kepada peraturan ataupun garis panduan yang kita tetapkan sama ada oleh pihak kementerian ataupun oleh pihak negeri.

Dan sebenarnya juga dalam pelaksanaan *home gate* ataupun *gated and guarded community* ini, dia mendapat tentangan juga daripada penduduk. Bukan 100%. Saya kira aduan yang diterima oleh Damansara Utama juga sampai melimpah ke saya. Yang setuju pun limpah kepada saya, tak setuju pun. Jadi, setiap hari saya terima aduan *email* daripada kawasan-kawasan bukan kawasan saya (sebenarnya saya tak terima daripada kawasan saya, saya terima semua daripada kawasan yang lain). Tapi itulah hakikat / realiti yang perlu kita hadapi. Dan saya setuju mungkin kita juga dikehendaki mencari jalan yang lain sebagai langkah-langkah sokongan kepada pihak persekutuan.

Antara lain yang dicadangkan oleh Damansara Utama adalah umpamanya *panic button* dan sebagainya. Kita mengalu-alukan. Dan sekiranya memerlukan peruntukan kewangan, boleh menghubungi Pihak Berkuasa Tempatan. Saya rasa itu adalah di bawah kuasa mereka di mana boleh pasang dan sebagainya boleh. Ya, sila.

TIMBALAN SPEAKER: Ya, Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya ada sedikit soalan sahaja. *Gated and guarded* ini sudah pun satu isu yang kita telah bincang lama di dalam kerajaan kita. Baru-baru ini, saya terima beberapa pemaju yang datang dan katakan ada (apa yang) garis panduan baru untuk pembinaan tempat-tempat baru dengan *gated and guarded*. Bermakna mereka kata, sekarang ada majlis-majlis tempatan yang telah adakan garis panduan mengikut garis panduan negeri. So soalan saya, adakah negeri telah pun wujudkan satu garis panduan baru untuk tempat-tempat yang baru akan dibangunkan oleh pemaju-pemaju? Sebab kerintihan mereka ialah *it looks same as* garis panduan untuk pangsapuri dan apa itu kena ada *strata title* dan katakan kalau *gated and guarded* apa-apa di dalam kawasan *gated and guarded* ini ialah pemunyaan penduduk di dalam itu. Dia kena jaga dari segi IWK sampai jalan, semua sekali. Garis panduan ini saya ingat ada beberapa PBT telah pun dilaksanakan. Adakah ini ikut garis panduan negeri sama-samanya?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, terima kasih Y.B. Seri Andalas. Menurut keputusan yang dibuat oleh Exco melalui kertas yang di bawa pada 25 September, setelah kita membincangkan perkara itu pada 18 September 2013 di peringkat MTES adalah bahawa kerajaan negeri bersedia melaksanakan dasar dan polisi yang sedia ada. Sehubungan itu, semua Pengarah Perancang di PBT diminta supaya mengkaji semula pelan-pelan pembangunan sebelum meluluskan kebenaran merancang. Jadi, mungkin dalam keadaan itulah dicadangkan bahawa sekiranya kawasan pembangunan baru dikehendaki menjadi kawasan *gated and guarded*, maka dari segi penyelenggaraan infrastruktur tertentu mereka perlu ambil alih. Saya rasa ini adalah satu cara yang agak baik kerana apabila mereka hendak menguruskan komuniti mereka, maka kita berikan kebebasan dengan syarat mereka kena menanggung perbelanjaan tersebut. Jadi, itu sama dengan konsep kondominium seperti yang dikatakan oleh Y.B. Seri Andalas.

Dan saya berbalik kepada isu asal itu. Memang pihak kerajaan negeri juga (kita) berusaha. Dalam dua minggu yang lepas ini kita telah pun berbincang dengan mendalam dan banyak maklumat telah pun disampaikan iaitu apa yang dilakukan / diusahakan oleh pihak negeri termasuk memasang CCTV, termasuk memberi peruntukan pada JKKK dan juga majlis bandar raya seperti Shah Alam, Petaling Jaya dan sebagainya, telah pun menambahkan anggota untuk menjalankan rondaan, termasuk juga (khususnya Majlis Bandar raya Petaling Jaya) telah pun memberikan peruntukan yang agak besar kepada penduduk-penduduk dan juga sukarelawan yang bersedia untuk menawarkan (apa itu) tenaga mereka untuk menjalankan kerja rondaan.

Dan ini akan kita teruskan dan saya mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat sekalian atau pun daripada orang ramai kepada pihak PBT. Bagaimana pihak PBT dapat membantu lagi dengan idea-idea yang baru dengan syarat ia dapat dia mampu dilakukan dari segi kewangan. Jadi saya berharap juga semua pihak juga dalam apabila menguruskan perkara ini perlu bersabar kerana kita kena berurusan dengan 2 pihak. Ada yang setuju ada tidak setuju. Yang tak setuju tu dia bergantung pada undang-undang. Itu yang menyebabkan kita nak kata yang apa tu majoriti itu betul tak boleh tapi masalahnya kita juga kena menjaga keselamatan, kita kena jaga kepentingan majoriti. Jadi itu yang menjadi masalah yang harus kita lakukan melalui rundingan. Dan itulah yang diputuskan sebenarnya dalam mesyuarat EXCO pada 25hb antaranya ialah apabila kita bersetuju untuk mengantungkan pelaksanaan ke atas tindakan yang akan dijalankan ke atas *bomb gate*. Di mana *bomb gate* yang tidak mematuhi peraturan sepatutnya dirobohkan tapi pihak MMKN telah bersetuju untuk menggantung pelaksanaan selama setahun. Selepas setahun kita akan mengkaji, melihat sama ada kadar jenayah telah pun menurun atau tidak. Sekiranya kadar jenayah sudah menurun tahap yang selesa maka pelaksanaannya akan diteruskan. Tetapi sekiranya tidak, sekiranya kadar jenayah masih tinggi maka mungkin kita terpaksa melanjutkan tempoh pengantungan pelaksanaan terhadap *bomb gate* yang tidak mematuhi peraturan-peraturan tersebut. Dan juga saya dimaklumkan bahawa timbul juga masalah baru sebenarnya bahawa terdapat juga pondok pengawal yang sementara yang dibina bersama dengan serentak dengan *bomb gate* yang tidak mematuhi peraturan kita akan melihat bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini. Saya tidak berani berjanji apa-apa tetapi saya berjanji untuk membawa perkara ini untuk perbincangan di peringkat MTES dan juga peringkat EXCO. Oleh itu saya berharap kita berusaha sama memastikan bahawa kadar jenayah di Selangor ini akan menurun.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ingin menyatakan dari segi undang-undang sebenarnya walau pun MMKN EXCO Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengambil tindakan terhadap *bomb gate* apa pun gate yang merupakan satu halangan sebenarnya di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 Seksyen 46. Tetapi kalau membaca seksyen ini, kita mesti memahami bahawa kesalahan tersebut adalah tindakan boleh diambil oleh pihak Polis juga. Jadi dakwaan dalam Akta Seksyen 123 juga mengatakan bahawa kuasa pendakwaan adalah di bawah Pendakwa Raya. Jadi walau pun Kerajaan Negeri memberi persetujuan bahawa tidak mengambil tindakan terhadap halangan tersebut, tetapi ini tidak menjadikan ini tidak menghalang sekiranya ingin bahawa pihak Polis boleh mengambil tindakan terhadap sesiapa yang membina halangan tersebut dan seterusnya mendakwa penduduk-penduduk yang membuat keputusan itu biasanya persatuan penduduk, pengerusi atau pun kita panggil *office payers* dengan izin jadi saya, saya cadangkan bahawa ini perlu dibawa kepada penduduk berkenaan. Bahawa walau pun Kerajaan Negeri bersetuju tetapi mereka masih mengambil risiko untuk didakwa sekiranya Polis ingin mengambil tindakan terhadap mereka. Itu sahaja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Timbalan Speaker saya bersetuju dengan hujah Yang Berhormat Pandamaran bahawa kuasa pendakwaan itu tetap terletak di dalam tangan pihak Polis. Dan saya kira sehingga hari ini kita belum dengar khabar bahawa pihak Polis telah pun mendakwa mana-mana pihak kerana melanggar peraturan tersebut. Saya kira ini disebabkan pihak Polis memahami kegagalan mereka untuk menjalankan rondaan dengan berkesan. Tepuk... Sebab itu mereka tidak ambil tindakan. Tapi saya rasa itu adalah mungkin satu kebijaksanaanlah saya katakan apabila mereka mengetahui bahawa mereka gagal menjalankan tugas mereka dengan baik maka terpaksa mereka melepaskan pihak-pihak yang telah pun melanggar peraturan yang atau pun undang-undang diperuntukkan di bawah akta yang berkenaan. Itu sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dah selesai ya.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Ada satu lagi belum dapat mengesahan mengenai TOL tu. Permohonan TOL saya rasa ini amat penting untuk orang ramai.

TUAN SPEAKER: Ya, pihak kerajaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tentang permohonan TOL itu, itu adalah soal dasar. Dan sekiranya diperlukan dalam keadaan tertentu, kita boleh memberikan pengecualian. Itu tidak menjadi masalah tetapi kalau ikut dasar, memang dasar yang tidak ada TOL diberikan tetapi untuk pondok ni kita juga ada luluskan di kawasan tanah persendirian kita apa tu beri kebenaran bukan TOL. TOL untuk tanah kerajaan.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Boleh saya mencelah. Saya ingin menjelaskan bahawa di bawah Kanun Tanah Negara TOL sebenarnya yang maksimum hanya boleh diberikan 4 tahun sahaja. Oleh yang demikian saya rasa adakah sesuai untuk pihak yang berkenaan untuk memohon TOL bagi tujuan "gate and guarded" dengan izin.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: TOL itu adalah "Temporary Equipation Licence" Lesen walau pun tempoh hadnya kita boleh lanjutkan selepas 5 tahun kita lanjutkan hingga setahun. Atau pun kita memberi kebenaran setiap tahun seperti kita membaharui lesen memandu. Saya rasa itu tidak menjadi masalah. Tetapi memang itu hanya untuk tujuan yang sementara. Jadi seperti yang saya kata boleh beri pengecualian dalam keadaan tertentu.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang Mulia Ini Menggesa Kerajaan Negeri Selangor Mengkaji Semula Garis Panduan "Gated And Guarded" Komoniti supaya Dia Tidak Menjadi Terlalu Membebaskan Kepada Penduduk-Penduduk Setempat. Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Bersetuju Sila Kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Tidak Bersetuju, Sila Kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAAN: Usul seterusnya. Usul No. 21 Tahun 2013. Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76(v) Oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Bismillahi Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Menurut Peraturan 76(v) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang Mulia Ini Menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor, JP ABAS mengenai Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor iaitu Projek Penghutanan Semula Di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek Yang Telah Dibentangkan Di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2013”.

Tuan Timbalan Speaker, usul ini adalah berdasarkan satu penyata ekoran laporan daripada Audit Negara Tahun 2011 berkenaan tajuk yang berkaitan. Sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli yang Berhormat dari Lembah Jaya, Batu Caves, Kinrara, Damansara Utama, Dengkil dan Rawang yang telah terlibat menjayakan pendengaran tertutup berkenaan tajuk yang berkaitan. Demikian juga tentang penghargaan saya kepada Urus setia yang membantu kerja-kerja JP ABAS selama tempoh pendengaran tertutup ini. Tetapi penghargaan saya yang teramat sangat adalah kepada Dengkil yang telah menunjukkan komitmen walau pun sebagai pembangkang tetapi saban setiap mesyuarat JP ABAS dia hadir. Ini membuktikan satu reformasi Dewan yang telah berlaku di mana pembangkang merasakan sebagai prinsip demokrasi. Tanggungjawab dan amanah menjayakan Jawatankuasa Pilihan akan dilaksanakan dengan sempurnanya. Kalau dia ada Mesyuarat UMNO pun, dia datang juga lepas tu baru dia pergi mesyuarat UMNO. Ketawa...

Tuan Timbalan Speaker, penemuan Audit ini berdasarkan kepada kajian Ketua Audit Negara, Jabatan Audit tentang PKPS khususnya tentang projek perhutanan yang berkaitan pada Oktober 2011 hingga Januari 2012. Di antara tajuk-tajuknya adalah berkaitan dengan pihak Audit mendapati pada keseluruhannya sasaran projek penghutanan semula oleh PKPS tidak mencapai sepenuhnya, hanya 66.3% daripada 10,000 hentar kawasan telah dibangunkan dan ditanam semula. Di antara kajian-kajian Audit yang terdapat kelemahan berkaitan dengan projek ini adalah:

- i) Rancangan Lewat Disediakan;
- ii) Penanaman Jenis Pokok Tidak Mengikut Kelulusan;
- iii) Tanah Lewat Dipajak;
- iv) Pokok Lewat Ditanam Selepas Perjanjian Ditandatangani;
- v) Tunggakan Hutang Syarikat Pemajak Belum Dikutip;
- vi) Pelantikan Syarikat Pemaju Tidak Teratur dan
- vii) Kekurangan Pemantauan.

Daripada pendengaran tertutup Timbalan Speaker, sebenarnya masalah ini bermula daripada satu yang diwariskan yang diwarisi daripada pentadbiran sebelumnya. Di mana Program Penghutanan Semula di bawah PKPS melibatkan 2 kawasan hutan

simpan seluas 10,000 hektar. 2 kawasan tersebut ialah Hutan Simpan Bukit Tarik 5,000 hektar dan Hutan Simpan Rantau Panjang 5,000 hektar. Kedua-dua hutan simpan tersebut pada asalnya telah diusahakan dengan tanaman pokok akasia megium pada tahun 1984 oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Sehingga 1994 seluas 10% daripada jumlah kawasan mencapai tahap matang dan sesuai untuk dituai dan di tanam semula. Apa yang berlaku Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, bagi pelaksanaan Program Penghutanan Semula ini satu perjanjian pajakan dan konsesi tanah telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan PKPS Pada 22 Februari 2011. 22 Februari 2011 dengan tempoh konsesi selama 60 tahun. Apa yang berlaku tanah-tanah ini telah dipajak kecil kepada bagi Hutan Bukit Tarik kepada 6 buah syarikat, pertamanya, Hutan Simpan Rantau Panjang 5,000 hektar dan Bukit Tarik 5,000 hektar. Bagi Hutan Simpan Rantau Panjang 5,000 hektar telah diagihkan kepada 6 buah Syarikat:

- i) Mega Forest Nursery Sdn. Bhd. - 1,000 hektar
- ii) In NR Plantation Management Sdn. Bhd. - 1,000 hektar

Pajakan 50 tahun. Setiap pajakan 50 tahun. Dan perjanjian telah ditandatangani pada tahun 2001 hingga 2005 dan kemudian

- iii) Mewah Ikhtiar Sdn. Bhd. Walaupun dia mewah tapi dia berikhtiar
Sebanyak 6,60 hektar
- iv) Eko Murni Sdn. Bhd. – 80 hektar
- v) Kayangan Rampai Sdn. Bhd. - 100 hektar dan
- vi) Tropikal Position Sdn. Bhd. - 1,145 hektar

Semua pajakan adalah bagi tempoh 50 tahun. Apa yang telah didedahkan oleh perakuan daripada PKPS dan pendengaran tertutup adalah kadar pajakan tanah didapati tidak menguntungkan PKPS kerana pertama selalu terlalu rendah dan kedua hanya boleh dikutip selepas kawasan diusahakan. Dan kadar pajakan adalah terbahagi kepada 3 peringkat tahun satu dan enam, sebanyak RM10.00 per hektar per tahun. Peringkat kedua tujuh tahun hingga lima belas tahun RM13.00 per hektar per tahun. Dan peringkat ketiga antara enam belas tahun hingga lima puluh tahun RM20.00 her hektar per tahun. Jadi ini menunjukkan bahawa berlaku ketidak saksamaan dan keadilan dalam pengurusan pajakan di mana keuntungan yang didapati oleh pemaju pemajak adalah berlipat kali ganda berbanding dengan apa yang akan diperolehi oleh PKPS.

Penemuan Jawatankuasa dalam Pendengaran Awam, Pendengaran Tertutup Jawatankuasa ABASS telah mendapati bahawa pertamanya Jawatankuasa Penghutanan Semula Hutan Simpan Bukit Tarik dan Hutan Simpan Rantau Panjang yang telah ditubuhkan serentak dengan Perjanjian Konsesi dan Pajakan Tanah di

antara PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2001 tidak pernah mengadakan mesyuarat dalam tempoh tahun 2001 hingga 2006. Jawatankuasa yang ditubuhkan bertujuan untuk memantau, memberi panduan dan mengawasi kedua-dua kawasan tersebut hanya mengadakan mesyuarat pada bulan Mei 2007. Jawatankuasa telah dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan). Jadi dalam di antara penemuan kedua daripada Jawatankuasa adalah pihak Pengurusan PKPS yang baru di bawah Pakatan Rakyat selepas Mac 2008 telah mengambil langkah-langkah tegas termasuk pertama, menarik balik pajakan tanah, kedua menggulung syarikat pemajak, ketiga, membatalkan pajakan dan konsesi tanah, keempat, mengusahakan sendiri tanah. Pihak Pengurusan baru PKPS yang telah membuat beberapa semakan dan pindaan perjanjian pajakan tanah yang sebelum ini tidak menguntungkan PKPS pada satu kadar pajakan lebih saksama. Selain daripada kadar pajakan tanah, syarikat pajakan, syarikat-syarikat pemajak juga disyaratkan untuk membayar royalti pada PKPS sebanyak empat ratus daripada hasil ladang. Hasil ladang dijangka hanya akan di perolehi pada tahun ketujuh penanaman. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, pihak pengurusan baru PKPS juga telah menyediakan unjuran pendapatan PKPS untuk tempoh lima puluh tahun. Jadi dengan ini unjuran pendapatan sebanyak 39.75 juta yang merupakan jumlah pendapatan yang jauh lebih rendah berbanding daripada jumlah pendapatan yang akan di dapati oleh pemajak-pemajak kecil tanah iaitu sebanyak RM408 juta. Pihak pengurusan yang baru PKPS juga telah mengambil tindakan wajar terhadap syor-syor yang telah dikemukakan oleh audit. Jadi untuk pengetahuan Ahli-Ahli Dewan semua yang telah disyorkan oleh audit telah dilaksanakan dengan sebaiknya oleh pihak PKPS dalam pengurusan yang baru. Pihak pengurusan yang baru PKPS telah mengujudkan jemaah Jawatankuasa Teknikal pada 12 Mac 2012 bagi memantau projek antaranya membuat lawatan tapak dengan laporan yang terperinci secara berkala dan melaporkan kemajuan kerja perhutanan semula kepada Jawatankuasa Pemandu dua kali setahun. Tuan Timbalan Speaker, seterusnya pihak pengurusan yang baru PKPS juga telah melalui laporan PA dengan izin **Plantation Advisor** bermula Mac hingga April 2013 iaitu projek perhutanan semula telah mengadakan pemantauan dan jawatankuasa telah menyemak dengan teliti laporan PA ini dan membuktikan kerja-kerja yang penuh dedikasi telah dilakukan oleh pihak pengurusan jawatankuasa PKPS yang baru. PKPS telah menandatangani perjanjian pajakan kecil tanah dalam menjalankan program-program perhutanan semula walaupun perjanjian tersebut tidak menguntungkan PKPS. Seterusnya enakmen PKPS tidak mensyaratkan pemajakan kepada syarikat-syarikat pemajak kecil untuk dibentangkan di dalam mesyuarat MTES dan MMKN. Inilah perkara yang mungkin perlu diteliti oleh pihak lembaga dan kerajaan untuk meneliti bagaimanakah apabila tidak ada enakmen yang mensyaratkan pemajakan ini kepada pemajak kecil, maka berlaku salah guna kuasa yang telah dilakukan oleh pihak yang lalu. Jadi, buat masa ini bekas rakan usaha sama PKPS iaitu Mega Forest Plantation Management Sdn. Bhd telah menyaman PKPS untuk mendapatkan bayaran ganti rugi sebanyak RM59 juta yang merupakan nilai hak tanah selama lima puluh tahun.

Tuan Timbalan Speaker. Saranan Jawatankuasa. Berdasarkan penyusunan semula pengurusan tanah-tanah pajakan dan pengurusan ladang serta tindakan undang-undang yang sedang dijalankan oleh pihak PKPS terhadap syarikat-syarikat pemajak

dan juga tindakan undang-undang terhadap PKPS daripada syarikat-syarikat pemajak, Jawatankuasa mensyaratkan, menyarankan:

- 1) Pihak pengurusan PKPS menggariskan objektif-objektif strategi dan program yang spesifik bagi setiap satu daripada inisiatif berikut:
 - i) Iaitu menarik balik pajakan tanah.
 - ii) Penggulangan syarikat pemajakan.
 - iii) Pembatalan pajakan dan konsesi tanah.
 - iv) Mengusahakan sendiri tanah.
- 2) Pihak pengurusan memastikan program dan pelaksanaan kerja jawatankuasa teknikal berjalan secara berkesan dan dilaporkan kepada jawatankuasa pemandu sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- 3) Saranan ketiga jawatankuasa. Pihak pengurusan PKPS hendaklah memastikan segala syor pihak audit diambil kira dipertimbangkan sebaiknya serta di ambil tindakan wajar.
- 4) Di mana yang berkaitan dengan kepentingan Negeri Selangor, Majlis PKPS hendaklah mengujudkan hubungan kerja yang berjadual dengan Kerajaan Negeri Selangor dengan Mesyuarat MTES dan MMKN.
- 5) Di mana yang berkaitan dengan kepentingan dan nama baik Kerajaan Negeri Selangor sama ada yang melibatkan pembangunan dan pengurusan kawasan-kawasan yang telah di ambil semula ataupun tindakan dan proses undang-undang di mahkamah, Kerajaan Negeri hendaklah menyalurkan dana yang diperlukan bagi tujuan-tujuan tersebut.
- 6) Dan keenam yang akhir Tuan Timbalan Speaker, pihak Kerajaan Negeri hendaklah bersekali dengan perkara 1.1 1.4 dalam penyata di atas membentangkan satu kertas putih berkenaan status keseluruhan projek perhutanan semula di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarik di sidang dewan negeri dalam tempoh satu tahun dari tarikh penyata ini diluluskan oleh dewan negeri.

Terima kasih Timbalan Speaker.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Timbalan Speaker saya menyokong.

TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka usul ini untuk dibahaskan. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku ingin juga mengambil bahagian dalam membahas usul yang di bawa oleh Yang Berhormat dari Hulu Kelang ini lebih-lebih lagi Kampung Tunku merupakan salah

seorang anggota dalam Jawatankuasa Pilihan Khas JP ABAS yang lepas, pada masa dahulu ianya Jawatankuasa Pilihan Khas, sekarang ini ia Jawatankuasa Pilihan. Jadi walau apa, walau bagaimana pun satu isu yang saya rasa perlu juga diberi perhatian oleh dewan yang mulia ini termasuk khususnya pihak eksekutif ialah satu penemuan Jawatankuasa ABAS yang menyatakan bahawa enakmen PKPS ini tidak mensyaratkan pemajakan kepada syarikat-syarikat pemajak kecil tanah untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat MTES atau pun MMKN. Pada pendapat Kampung Tunku ini adalah satu kelemahan di dalam enakmen itu sendiri dan saya bercadang sekiranya boleh dan perlu pihak eksekutif haruslah melihat semula dengan bantuan daripada Penasihat Undang-Undang sama ada perlu perkara ini dimasukkan ke dalam enakmen melalui satu pindaan enakmen PKPS ini. Dan sekiranya perlu saya rasa ianya haruslah dijalankan dengan kadar yang paling cepat supaya ianya boleh dibentangkan di dewan yang mulia ini dalam sesi dewan yang akan datang. Bukan saja PKPS sebenarnya, apa-apa GLC atau pun badan berkanun atau pun agensi kerajaan yang ditubuhkan melalui satu enakmen kita juga perlu memastikan bahawa terdapat langkah-langkah penyemakan seperti yang disarankan oleh JP ABAS ini supaya cadangan ini boleh dimasukkan dalam enakmen tersebut. Dan sekiranya enakmen yang asal itu tidak ada dasar ini, maka saya rasa ada baiknya untuk kerajaan negeri supaya sekali gus melihat semula enakmen-enakmen ini dan menjalankan pindaan yang sewajarnya untuk memastikan syarikat-syarikat kerajaan negeri ini sentiasa menerima pakai garis panduan yang paling tinggi. Ini lah sedikit sebanyak ucapan dan cadangan daripada Kampung Tunku dan Kampung Tunku mohon menyokong juga.

TIMBALAN SPEAKER : Saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR: Terima kasih. Tuan Speaker, pertama oleh kerana ada beberapa perkara yang kerajaan negeri dan PKPS dalam perbincangan untuk di bentangkan di mahkamah. Jadi adalah tidak wajar daripada segi strategi untuk dibincangkan di dewan ini. Tapi kerajaan negeri bersedia untuk mengeluarkan kertas putih mengenai perkara-perkara ini selepas ia dikendalikan. Kita juga telah membuat beberapa persediaan yang mana kerajaan negeri tidak meneruskan usaha pemberian, pemberian peruntukan **forest reserve** ini dan dengan cara itu terdapat beberapa isu undang-undang yang perlu kita selaraskan. Kedua, atas isu memasuki setiap keputusan syarikat ke di bawa kepada kelulusan EXCO dan MTES mungkin ini akan menimbulkan keadaan birokrasi yang meningkat. Yang sebenarnya tujuan penubuhan perbadanan dan juga syarikat-syarikat itu supaya dia terdapat **fleksibiliti** dalam usaha pentadbiran dan dengan di buat dengan cepak supaya setanding dengan syarikat-syarikat swasta. Walau bagaimana pun jawapan untuk yang terbaik ialah kerajaan tidak langsung menyertai usaha-usaha yang boleh di buat oleh sektor swasta. Tapi itu tidak akan menyelesaikan masalah jika keadaan ini masih lagi dalam penubuhan dan juga apabila dia sudah berjaya dapat diselesaikan adalah baik kalau kerajaan menjalankan tugas sebagai pentadbir dan menyediakan satu keadaan yang terbaik untuk **bisnes. To creat** dengan izin **a conduif environment for bisnes**. Jadi pada saya itulah yang perlu kita utamakan.

Y.B. PUAN GAN PEI NIE: Tuan Timbalan Speaker, nak mohon penjelasan sedikit.

TIMBALAN SPEAKER : Ya.

Y.B. PUAN GAN PEI NIE: Saya ingin bertanya sama ada itu satu inisiatif yang baik. Maksudnya kerajaan hanya bertanggung jawab untuk buat polisi tapi tidak terlibat dengan bisnes dengan izin. Jadi sama ada kerajaan Selangor telah menyiapkan satu *time frame* satu jangka panjang bila kita akan tidak terlibat dalam mana-mana perniagaan anak-anak syarikat dengan izin. Dan sama ada sekarang kerajaan negeri Selangor masih ada polisi bila kita nak tetapkan tanah keutamaan diberikan kepada GLC anak-anak syarikat saya difahamkan sebelum ini memang dalam pekeliling telah dinyatakan antara prioriti yang diberikan adalah anak-anak syarikat juga akan dapat tanah semua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih. Pencelahan Rawang, saya ingat pada pandangan saya oleh kerana ini satu budaya yang sudah begitu mantap, ia akan mengambil masa yang agak lama. Umpamanya sebagai contoh untuk menentukan bahawa kerajaan bersikap bekerja dengan bebas, dengan betul dan memantau, dewan ini sudah merasai apabila kita buat satu pembaharuan umpamanya menetapkan gaji pada tingkat yang sepatutnya. Protes itu terlalu besar sehinggakan setengah daripada berita-berita hanyalah untuk kenaikan gaji bukan hal yang lain. Jadi oleh sebab itu saya rasa dalam satu dekat barulah perubahan akan berlaku. Kalau tidak dia tidak akan berlaku. Katalah Kerajaan Negeri memberhentikan orang daripada menjalankan kerja-kerja di bawah syarikat GLC mungkin terdapat termasuk Ahli-Ahli Dewan, Ahli-Ahli Politik dan orang ramai juga yang akan berkempen menentang itu atas dasar kemanusiaan. Jadi oleh sebab itulah saya rasa kita pergerakan reformasi kita mestilah berperingkat-peringkat supaya tidak ramai orang dapat *high blood pressured* dan *heart attack* dalam hari ini. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP ABBAS mengenai Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, projek penghutan semula di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarik yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil. 23 tahun 2013.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 22, tahun 2013 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu (1) Usul yang berbunyi seperti berikut:-

Bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP ABBAS, mengenai Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) untuk tabung untuk skim Tabung Warisan Anak Selangor iaitu (TAWAS) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil. 23 tahun 2013.

Tuan Timbalan Speaker, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Lembah Jaya, Batu Caves, Kinrara, Damansara Utama, Dengkil, Rawang demikian juga kepada urus setia tapi saya perlu rakamkan penghargaan saya yang cukup tinggi kepada Dengkil sekali lagi, (dewan riuh....) kerana buat pertama kali mungkin dalam sejarah dewan penglibatan ADUN pembangkang menyediakan penyata. Berikan tepukan – dewan bertepuk.riuh.....

Tapi oleh sebab beliau baru penggal pertama, saya sudah penggal kedua saya edit dia punya..[dewan riuh....] tetapi sumbangannya sangat besar dalam penyediaan ini dan ini merupakan satu bukti reformasi, demokrasi di Selangor di mana di atas kesedaran untuk menjayakan satu amanah Jawatankuasa Pilihan tak kira pembangkang ke? Kerajaan ke? Kita menjaga kepentingan rakyat.

Dalam pendengaran tertutup yang telah diadakan oleh Jawatankuasa, tumpuan Jawatankuasa adalah tentang laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2011 berkenaan dengan YAWAS, di mana di antara perkara yang telah ditimbulkan adalah tentang pertamanya liputan faedah TAWAS tidak menyeluruh iaitu 19.4%, anak kelahiran Selangor telah diluluskan menjadi ahli TAWAS. Kedua aktiviti pelaburan yang dirancang bagi pembiayaan pengurusan skim tidak dilaksanakan. Ketiga Sijil Simpanan Tetap lewat dikeluarkan. Ke-empat garis panduan dan standard operating prosuder YAWAS skim TAWAS tidak lengkap dan kelima back-up sistem TAWAS tidak diuji.

Dalam penemuan Jawatankuasa antara perkara yang ditimbulkan oleh pihak Audit yang memerlukan penjelasan adalah perbelanjaan pembukaan TAWAS berjumlah RM 2.92 juta dan kos operasi RM4.9 juta perlu diberikan penjelasan. Menurut semakan Audit YAWAS mula beroperasi pada 5 Februari 2009 dengan dana peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM 13.50 juta dari dana RM13.5 juta berjumlah 8.5 juta telah diperuntukkan untuk pemberian Skim Simpanan Tetap (SST) berjumlah RM100.00 seorang bagi membuka akaun TAWAS.

Dari dana RM13.5 juta juga sejumlah RM 5 juta adalah untuk kos operasi TAWAS sehingga bulan Disember 2011 sejumlah RM7.82 juta daripada peruntukan dana telah diluluskan dan telah dibelanjakan dan perbelanjaan ini meliputi pembukaan akaun TAWAS berjumlah RM2.92 juta dan kos operasi RM 4 juta perlu diberikan penjelasan.

Tuan Timbalan Speaker, Tuan Speaker di antara penemuan Jawatankuasa adalah pertamanya YAWAS pada dasarnya dipertanggungjawabkan untuk menguruskan skim TAWAS, juga telah diberi tanggungjawab menguruskan Sistem Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang merupakan program di bawah Rantainya Mesra Sdn. Bhd (RMSB).

Memandangkan keduanya YAWAS dan RMSB adalah dua (2) entiti yang berbeza proses pelantikan YAWAS dibuat oleh RMSB bagi menguruskan salah satu fungsi penting RMSB iaitu menguruskan sistem SMUE adalah tidak jelas. Ketiga sekiranya benar YAWAS dilantik oleh RMSB untuk menjalankan fungsi kerja RMSB, maka jumlah Ringgit Malaysia: Enam Ratus Enam Ribu, Empat belas (RM606,000.14) kos yang dibelanjakan untuk skim SMUE yang telah ditanggung oleh YAWAS adalah tidak wajar.

Di antara juga perkara yang ditimbulkan adalah tentang liputan faedah program yang tidak menyeluruh di mana semakan Audit memberi teguran pertama jumlah kelahiran di Selangor bagi tahun 2008 – 2011 adalah Tiga Ratus Tiga Belas Ribu Tujuh Ratus Enam (RM 313,706) sungguhpun pihak YAWAS telah membelanjakan sejumlah Tujuh Puluh Ribu, Enam Ratus Lapan Puluh Lapan (RM70,688) antara tahun 2009 hingga 2011 untuk melaksanakan promosi namun jumlah ahli TAWAS adalah Enam Puluh Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh dua (60,932) iaitu hanya 19.4% dari jumlah kelahiran.

Kedua ini menunjukkan sebahagian besar daripada jumlah kelahiran yang dicatatkan tidak layak tidak memohon dan mengetahui kewujudan skim TAWAS. Ketiga bagaimanapun semakan Audit dengan pihak YAWAS mendapati setakat ini tiada statistik terhadap peratusan kelayakan tersebut dan tiada sasaran pencapaian tertentu ditetapkan di peringkat awal bagi pendaftaran anak kelahiran Selangor di dalam skim TAWAS.

Tuan Speaker, penemuan jawatankuasa dalam hal ini, pertama memang terdapat kesukaran yang nyata bagi YAWAS untuk mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan. Kedua anggaran sasaran pendaftaran tidak ditetapkan oleh YAWAS dari peringkat permulaan pelaksanaan skim TAWAS. Ketiga YAWAS tidak memaklumkan kepada Audit ini dalam pendengaran tertutup semasa audit dijalankan tentang anggaran 60% kelahiran yang layak sehingga menjadikan peratusan pendaftaran sebagai 33.5% dan bukan 19.4% seperti yang dinyatakan oleh audit.

Berkenaan dengan aktiviti pelaburan tidak dijalankan bagi menjana pendapatan, penemuan jawatankuasa pertamanya jawatankuasa mendapati bahawa tiada hala tuju, tiada langkah dan program yang jelas bagi membolehkan peserta TAWAS akan dibayar manfaat skim TAWAS sejumlah RM1,500 seorang apabila mereka berusia 18 tahun kelak. Kedua YAWAS telah tersasar apabila kor business nya, pada pandangan jawatankuasa apabila telah mengambil inisiatif untuk menjana pendapatan dari dana yang belum dibelanjakan untuk melabur dalam pasaran wang. Ketiga, tidak wujud garis panduan dan disiplin yang ketat bagi penggunaan sejumlah RM8.50 juta dari dana RM13.5 juta yang diperuntukkan bagi pemberian Skim Simpanan Tetap (SST) sehingga dana yang belum dibelanjakan telah digunakan untuk melabur dalam pasaran wang. Keempat, pendapatan YAWAS dari pelaburan ini, dari tahun 2008

hingga 2011 yang berjumlah Sebanyak Ringgit Malaysia: Enam Ratus Dua Puluh Dua Ribu Tujuh Ratus Lapan Puluh Dua (RM622,782) hanya dapat meringankan kos operasi tapi tidak mempersiapkan keupayaan TAWAS ataupun YAWAS untuk membayar Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500.00) kepada peserta TAWAS apabila tempoh matang usia Lapan belas tahun (18) bermula.

Tuan Speaker, berkenaan dengan pengeluaran Sijil Simpanan Tetap (SST) yang lewat penemuan Audit pertamanya adalah kecekapan YAWAS mengeluarkan Sijil Simpanan Tetap (SST) bergantung secara langsung kepada kecekapan bank memproses permohonan untuk mendapatkan Sijil Simpanan Tetap (SST). Kedua YAWAS tidak menyediakan modul merekodkan faedah Sijil Simpanan Tetap (SST) kerana ianya melibatkan kos yang tinggi. Ketiga, bank didapati enggan mengutamakan pemrosesan Sijil Simpanan Tetap (SST) berbanding fungsi-fungsi lain perniagaannya di atas pulangan yang kurang setimpal yang diterima bagi melaksanakan perkhidmatan YAWAS dan keempat, kecekapan memproses Sijil Simpanan Tetap (SST) boleh dicapai dengan YAWAS sendiri melaksanakan kerja pemrosesan Sijil Simpanan Tetap (SST) tersebut. Cara keseluruhannya Tuan Speaker, Jawatankuasa membuat dua (2) kategori saranan, pertama saranan yang seiring dengan syor Audit dan keduanya saranan yang mungkin melibatkan dasar kerajaan negeri.

Tuan Speaker, dengan ini pihak Jawatankuasa ingin membuat saranan yang pertama, program TAWAS dilaksanakan berdasarkan bukan tabungan rakyat berdasarkan tabungan rakyat dan bukan caruman di dalam pelaburan dana, kedua, menguruskan tabungan secara terus di bawah Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan bukannya caruman ke dalam akaun AM BANK. Proses mengeluarkan semula caruman RM100.00 kepada setiap peserta TAWAS hendaklah dilaksanakan secara teratur dan segera. Ketiga di tiadakan skim penerimaan RM1,500.00 kepada peserta (TAWAS) pada umur mereka berusia 18 tahun dan ia diganti dengan dua (2) pilihan,

Jadi jawatankuasa ingin mencadangkan ditiadakan skim pemberian RM1,500.00 ketika anak berusia 18 tahun yang mungkin melibatkan satu (1) dasar besar dalam program merakyatkan ekonomi di negeri Selangor tapi inilah yang ingin disarankan oleh jawatankuasa dengan menggantikan dua (2) pilihan.

Pilihan pertama tabungan sebanyak RM100.00 tahun pertama dan ditambah RM100.00 setiap tahun sehingga tahun kelima (5) atau hingga tahun ketujuh (7), dan kemudiannya menyerahkan RM500.00 tunai kepada peserta pada tahun ke lima (5) sebagai hadiah anak masuk Tadika, bagi mereka yang masih mahu bertahan, maka tunggu lagi dua (2) tahun menyerahkan RM700.00 kepada peserta pada tahun ketujuh (7) sebagai hadiah anak masuk sekolah, iaitu bagi yang memilih tidak mengambil RM500.00 ketika anak tersebut masuk ke Tadika.

Pilihan kedua (2) yang lebih ringan bagi kerajaan pada pandangan Jawatankuasa adalah tabungan RM100.00 tahun pertama (1) dan ditambah RM50.00 setiap peserta setahun sehingga tahun ke lima (5) ataupun hingga ke tahun ke tujuh (7), kemudian menyerahkan RM300.00 pada peserta pada tahun ke lima (5) sebagai hadiah anak nak

masuk Tadika atau kemudian menyerahkan RM400.00 kepada peserta bagi tahun ke tujuh (7) sebagai hadiah anak masuk sekolah bagi yang memilih tidak mengambil RM300.00 ketika anak masuk Tadika. Dengan ini Jawatankuasa, ingin mencadangkan menyarankan program diberi nama baru dengan menjenamakan semula **Skim TAWAS sebagai Skim Hadiah Anak Masuk Tadika, dan Skim Hadiah Anak Masuk Sekolah.** Sekian, Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Terima kasih Puan Speaker. Sebelum saya menyokong usul yang telah dibentangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Hulu Kelang, izinkan saya berucap sepatah dua kata, sikit sahaja sebab dah banyak tadi Yang Berhormat Hulu Kelang puji kalau tidak nak cakap banyak, tapi bila Yang Berhormat puji banyak.

TUAN SPEAKER : Dengkil kena sokong dulu baru bagi ucapan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kena sokong dulu, saya dengan ini menyokong Usul yang telah di bentang oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

TUAN SPEAKER : Lima belas (15) minit untuk perbincangan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana melantik saya ataupun memilih saya sebagai salah satu ahli Jawatankuasa (JP ABBAS) untuk ini merupakan satu (1) tanggungjawab saya selaku pihak pembangkang untuk menunaikan check and balance peranan pihak pembangkang dihargai di dalam jawatankuasa, berikan tepukan yang gemuruh kepada Y.A.B. Menteri Besar.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker saya yang nak mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya. Rawang.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ini baru intro Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Sebab saya nak penjelasan sedikit. Sebenarnya perbantukan itu bukan daripada Menteri Besar. Itu adalah atas kelulusan Dewan ini. Jadi itu yang ingin saya perbetulkan. Walaupun kita dalam kumpulan yang sama tetapi kita sama-sama belajar.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tapi yang membaca cadangan tu YAB Menteri Besar. Terima kasih. Saya teruskan ucapan menyokong saya ini. Saya ingin memberikan sokongan kepada program, salah satu program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor iaitu program Tabung Warisan Anak Selangor di bawah kelolaan Yayasan Warisan Anak Selangor. Ini merupakan satu program IMES dan ia juga

merupakan satu manifesto daripada kerajaan Pakatan Rakyat sejak tahun 2008 lagi dan ianya perlu dibuat secara bersungguh-sungguh, secara menyeluruh, mana Sekinchan, tak ada ya, supaya seluruh rakyat Selangor dapat merasai faedah dan manfaatnya. Saya nak ambil contoh Program Bantuan Rakyat Satu Malaysia, BRIM. Yang mana baik kita boleh ikut contoh. Setuju Puan Speaker ya. Bantuan Rakyat Satu Malaysia ini telah sejak edisi kedua nya telah melibatkan seramai 928,000 penerima dari rakyat Selangor. Dan ini satu perkara yang baik. Walaupun ia dulu dimasukkan di dalam manifesto tetapi 928,000 rakyat Selangor ini ianya bukannya gula-gula politik. Orang UMNO dapat, orang PAS dapat, orang PKR, DAP semua dapat. Jadi ianya bukan gula-gula politik. Y.B.Andalas nak bercakap apa-apa? Tak ada ya. Jadi saya....

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Y.B. Speaker

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:ingin menegaskan.....

TUAN SPEAKER: Ya, Y.B. Teratai ingin mencelah....

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Saya ingin nak tanya.....terima kasih. Saya ingin nak tanya Y.B. Dengkil apakah pendapat, kalau ini bukan gula-gula, ahli-ahli politik masuk sekolah yang bukan wakil rakyat untuk berikan BRIM yang dinyatakan tadi. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kalau ianya gula-gula politik, saya tak duduk di sini, saya duduk sebelah sana. 928,000 orang daripada 1.6 juta pengundi walaupun ianya....

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta mencelah Puan Speaker. Terima kasih Puan Speaker. Y.B. Dengkil tadi kata kalau tidak kamu akan duduk di sini. Maknanya kamu akan sertai Pakatan Rakyat ke? Terima Kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Teratai. Itu hari, semalam pun Sekinchan menyarankan supaya saya masuk Pakatan. Saya sudah ada dalam BARISAN. Tak perlu masuk Pakatan. Untuk menyokong usul ini pun tak perlu masuk PAKATAN. Usul naik gaji tak sokong pun tak perlu masuk PAKATAN. Betul? Tetapi...ada....ai....mantan Speaker

TUAN SPEAKER: Ya Y.B. Sg. Pinang

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih. Y.B. Dengkil, kalau BRIM itu bukan gula-gula ya...politik, bagaimana dengan pengumuman menteri bahawa tariff elektrik akan naik 15%. Adakah itu racun politik.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ini dah luar tajuk ini Y.B. Sg. Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Kalau BRIM boleh disebut kenapa tenaga elektrik tariff tidak boleh disebut.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya nak sentuhkan BRIM ini dengan program TAWAS, program Yayasan Warisan Anak Selangor ini supaya manfaatnya boleh dihargai ataupun manfaatnya dirasakan oleh kebanyakan rakyat negeri Selangor ini. Ini satu perkara saya menyokong Hulu Kelang tadi supaya program TAWAS ini boleh ditambahbaik dan juga boleh ditambah nilai. Begitu juga saranan

Y.B. TUAN LAW WENG SAN: Minta penjelasan.....

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Silakan Y.B. Kg.Tunku....

Y.B. TUAN LAW WENG SAN: Terima kasih Y.B. Dengkil. Dalam penyata ini salah satu masalah yang dihadapi oleh TAWAS, program TAWAS ialah kekurangan pendaftaran. Dan sebab mengapa kekurangan pendaftaran ialah Kerajaan Negeri ingin mengadakan inisiatif mendaftar anak-anak bayi yang baru dilahir di hospital-hospital Kerajaan tetapi tidak dapat access ke hospital Kerajaan. YAWAS dan TAWAS meminta maklumat daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan tidak diberi apa-apa maklumat tentang perkara ini. Jadi saya ingin bertanya sebagai ahli Dewan Negeri dari Parti Barisan Nasional apakah bantuan yang boleh dihulurkan oleh Y.B. Dalam menyelesaikan masalah ini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Y.B. Kg. Tunku. Ini juga saya nak sentuh sebentar lagi. Tetapi saya boleh sentuh sekarang sebab dah ditanya oleh Y.B. Kg. Tunku iaitu berkenaan dengan kerja sama antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan ataupun merealisasikan program ini. Saya percaya kalau kita boleh membuat satu program ini berjaya kita jangan jadikan alasan kerjasama dengan kerajaan Persekutuan itu tidak mendapat kerjasama yang sepenuhnya. Umpamanya dari segi pendaftaran, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Pendaftaran Kerajaan.....pihak YAWAS dibenarkan, dibenarkan untuk buka booth di Jabatan Pendaftaran dan saya percaya kalau dirundingkan dengan baik dengan pihak hospital dan sebagainya saya percaya program ini juga boleh kita lanjutkan di hospital-hospital kerajaan juga sebab di Jabatan Pendaftaran sudah dibenarkan untuk membuka booth bagi mempromosikan program TAWAS ini. Yang kedua saya ingin juga menegur ada dikalangan, dikalangan ahli-ahli Y.B. Mengatakan persepsi, persepsi mengatakan bahawa berbillion-billion ringgit ketirisan berlaku di dalam laporan audit Negara. Saya nak betulkan di sini, ini bukannya ketirisan. Ini teguran. Teguran daripada ketua Audit Negara. Ya Sekinchan.....saya belum habis lagi.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nak mencelah sikit. Nak minta celah sikit ya. Terima kasih Y.B. Dengkil yang berpotensi nak jadi Ketua Pembangkang. Cukup ada bakatlah ya. Cuma saya nak tanya sikit soal ketirisan tu. Baru-baru ni di Parlimen, hari ni di parlimen dibentangkan laporan Audit yang terbaru di mana Lebuhraya Pantai Timur di Terengganu daripada Kuantan ke Terengganu telah membelanjakan lebih, kena belanja lebih lapan ratus juta oleh kerana jangka waktu yang ditetapkan tidak siap,

terpaksa belanja lebih. Ini bukan ketirisan bukan pembaziran wang rakyat. Bagaimana penjelasan ini Y.B. Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Y.B. Sekinchan. Ini menunjukkan keterbukaan. Keterbukaan parlimen. Keterbukaan Kerajaan Persekutuan, memberikan laporan-laporan dalam Parlimen. Dan saya nak nyatakan di sini, ianya bukan ketirisan, ianya teguran, teguran daripada Audit Negara. Sekiranya, sekiranya nanti ada kesalahan, ini merupakan tanggungjawab kementerian-kementerian dan juga agensi kerajaan untuk menjawab balik segala teguran-teguran ni. Dan sekiranya betul, salah baru kita panggil tiris, tiris ataupun bocor, Y.B. Sekinchan. Tetapi sekarang ni ianya teguran. Begitu juga dengan program TAWAS ini. Ianya merupakan teguran daripada Ketua Audit Negara. Seperti kos operasi yang tinggi, 13.5 juta diperuntukkan pada Februari 2009, 8.5 juta untuk Sijil Simpanan Tetap. 5 juta untuk operasi. Tetapi apa yang berlaku hanya 2.92 juta yang digunakan untuk membuka akaun Sijil Simpanan Tetap. Yang selebihnya 4.9 juta digunakan untuk operasi. Jadi ini teguran. Daripada Audit Negara yang perlu difikirkan ataupun ditambahbaik oleh pihak YAWAS.

Yang kedua, saya setuju juga dengan Y.B. Hulu Kelang tadi berkenaan dengan liputan faedah yang tidak menyeluruh kelahiran di Selangor, 313,000 kelahiran hanya 19.4% sahaja yang didaftarkan walupun, walaupun anggaran pihak YAWAS 60% sahaja yang layak didaftarkan untuk program TAWAS ini iaitu 33.5% tetapi 33.5% ini masih lagi peratusan yang rendah untuk makluman Y.B. sekalian. Kalau periksa UPSR, kalau periksa PSRA masih lagi kita gagal untuk mempromosikan TAWAS ini ke seluruh peringkat rakyat Negeri Selangor ini.

Yang ketiga, aktiviti pelaburan tidak dijalankan bagi menjana pendapatan. Yang ini juga kerajaan negeri kena bagitau apakah ini tanggungjawab daripada YAWAS, apakah juga akan ditubuhkan permodalan ataupun sudah ditubuhkan Permodalan Warisan Anak Selangor Berhad (PAWAS). Adakah PAWAS ini sudah menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya untuk menjadikan program TAWAS ini berjaya. Untuk makluman kalau 19.4% pada tempoh matangnya tahun 2025 22.87 juta diperlukan untuk membiayai program TAWAS ini. Kalau programnya mencapai 50%, kita memerlukan ataupun Kerajaan Negeri memerlukan 58.94 juta setahun. Jadi ini perlu diperjelaskan.

Dan yang keempat, sepertimana yang disebutkan oleh Y.B. Hulu Kelang tadi, pengeluaran SST yang lewat. Pengeluaran SST ini ataupun Sijil Simpanan Tetap ini ianya berkadar langsung. Kecekapan YAWAS secara langsung berkadar terus dengan kecekapan bank. Kalau bank lambat mengeluarkan SST, maka YAWAS akan dipersalahkan. Rakyat akan banyak komplain, rintihan daripada rakyat sejak tahun 2008 tak dapat lagi Sijil Simpanan Tetap yang telah dijanjikan untuk program ini.

Dan akhir sekali, garis panduan, SOP yang tidak komprehensif. *Back up system* TAWAS tidak diuji. Ini kita harus ingat, yang bahawasanya TAWAS ini akan merupakan program jangka panjang yang melibatkan ramai orang. Jadi sistem TAWAS itu perlu mempunyai sistem yang solid dan mantap. Mungkin, mungkin hari ini Sekinchan jadi

kerajaan negeri Back Ventures. Mungkin empat tahun yang akan datang saya bukan lagi pembangkang, tetapi saya berada disebelah sana, mungkin sepuluh tahun lagi, mungkin empat tahun lagi, betul tak Sekinchan.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta jelas sikit.....

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sistem itu perlu. Nanti kejap, saya nak habiskan ni. Sistem TAWAS itu perlu dilakukan dengan baik. Kalau nanti takut-takut Kerajaan berubah, system itu masih lagi in place, dengan izin. Sekinchan.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih puan speaker. Maksudnya tadi yang empat tahun akan datang Y.B. Dengkil akan berada di sebelah Kerajaan. Maka kami mengalu-alukan. Sekarang pun boleh tak perlu tunggu empat tahun lagi, sekarang pun kami mengalu-alukan. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Terima kasih Sekinchan, saya takut-takut Kerajaan bertukar. Macam saya kata tadi untuk saya menyokong Usul ini saya tidak perlu masuk Pakatan. Saya... cukuplah saya masuk atau pun berada di dalam barisan ini. Apa yang penting....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Dengkil, ringkaskan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Last... last. Terima kasih. Apa yang penting, yang penting ialah kita terus menjalankan check and balance ke atas segala program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri supaya seluruh... seluruh rakyat dapat manfaatnya dan jugak agar kita kalau dikatakan tadi oleh Sekinchan jugak ingin menjadi peneraju... peneraju Kerajaan Negeri Selangor kita mestilah menjadi peneraju rakyat Negeri Selangor. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Puan Speaker. Sebagai seorang ahli JP Abas izinkan saya pertama kali untuk mengucapkan syabas kepada YB. Hulu Kelang yang telah menjadi Pengerusi yang begitu rajin, penuh dengan dedikasi, kita ada *meeting* setiap.. setiap minggu... memang penat. Jadi JP Abas... Ahli JP Abas tapi hasil-hasil kerja sangat baik. Saya harap bahawa untuk terus kita ...terus bekerja keras untuk menjalankan tanggungjawab kita. Saya hanya ada beberapa nak menegaskan saranan dalam pernyataan ini. Yang saranan yang terakhir tu saranan perubahan dasar, saya berasa itu memang *something* praktikal (dengan izin) kerana kita sekarang TAWAS ni kita bagi RM100.00 *bottom* net kita... *operation bottom* net ialah bank (dengan izin) ialah bank so kalau kita boleh ambil keluar elemen ini bagi YAWAS yang bertanggungjawab untuk TAWAS ini dan mensejatkan masa pergi lima tahun atau pun tujuh tahun. *Instead of* (dengan izin) 18 tahun. Kita memang boleh dalam operasi lebih cekap lagi, itu satu *reason*. Sebab yang pertama itu operasi, kecekapan operasi. Yang kedua, ialah rakyat akan nampak kebaikan *saving* (dengan izin) dalam lima tahun

bukan 18 tahun. 18 tahun memang tak nampak. Kalau saya sekarang saya dapat sijil itu hari-hari saya tengok sijil itu, 18 tahun baru saya boleh dapat wang itu. So ini memang *something very far* (dengan izin) so saya berasa, kalau kita boleh tukarkan dasar ini pergi hadiah masuk anak masuk tadika ataupun hadiah anak masuk sekolah. Ini memang lebih praktikal dan rakyat dapat nampak manfaat TAWAS dengan lebih cepat lagi. Sekian sahaja saya menyokong Usul tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang nak bahas. Kalau tidak saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Puan Pengerusi. Ada beberapa isu yang kita telah terima daripada cadangan Jawatankuasa dan juga penemuan Audit. Pertama, daripada segi prinsipnya pada mulanya kita ingin memperuntukkan satu dana supaya diurus oleh Yayasan Warisan Anak Selangor dan duit itu kemudiannya jadi wang pemberian kepada anak-anak yang menjadi ahli dalam Tabung Warisan Anak Selangor tetapi apabila kita kaji semula berasaskan daripada pengalaman Amanah Saham Selangor kita mula merasa khawatir yang keupayaan orang-orang yang kita akan pilih untuk menjaga pelaburan itu boleh jadi tidak cekap dan hasilnya akan juga membebankan negeri. Oleh sebab itu, kiraan kita ialah kalau hanya kita gunakan 50 juta daripada rizab negeri juga dia boleh menampung kegunaan tersebut. Walau bagaimanapun kita akan membuat beberapa *review* tentang perkara ini dan kita telah meminta Akturis seorang pakar pengiraan untuk membuat kiraan termasuk kiraan untuk apa yang dipanggil masuk tadika dan juga masuk sekolah dan masuk universiti yang 18 tahun tu ialah tujuannya ialah masuk universiti supaya ibu bapa dapat menyimpan bersama-sama sampai dia masuk ke universiti. Walaupun kita ada duit hadiah masuk universiti RM1,000.00. Perkara ini akan kita selesaikan di Ahli Pemegang Amanah YAWAS tak lama lagi dan kita akan bantangkan untuk perhatian EXCO dan juga untuk dihebahkan untuk rakyat tapi keputusannya belum dibuat.

Kedua, kita mengambil kira tentang pentadbiran mengeluarkan sijil yang dibuat oleh bank untuk simpanan RM100.00 dan kita telah meneliti sama ada YAWAS sendiri yang mengeluarkan *the promisory note*. Maknanya dia keluarkan dia punya *promisory note* yang kalau bebetul nak di tukar boleh ditukar mendapat RM100.00. Itu pun kita tengah buat kajian supaya *promisory note* tu mesti ada *back to back* maknanya dia ada *back to back* dengan simpanan kita supaya nampak kita mempunyai harta yang boleh menampung *promisory note* tu. Dengan cara itu, tidak lagi timbul masalah kelewatan bank dan menyebabkan pihak bank itu sebab mereka menganggap ini bukan keutamaan sebab walaupun mereka keluarkan buku simpanan tersebut tapi mereka tidak jangka penambahan simpanan sehingga 18 tahun. Jadi oleh sebab itu lah mereka tidak mengutamakan usaha ini.

Ketiga, kita juga akan memperhebatkan lagi beberapa usaha supaya kempen untuk menjadi ahli Tabung Warisan Anak Selangor itu diteruskan. Jadi pihak negeri dan Ahli Pemegang Amanah Tabung Warisan Anak Selangor mengucapkan terima kasih dan atas cadangan dan pemerhatian Jawatankuasa dan tidak lama lagi kita akan

kemukakan beberapa cadangan balas setelah kita ulang kaji dan perhatikan usaha yang telah kita lakukan.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi, Bahawasanya menurut Peraturan-Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP Abas) mengenai Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) untuk Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2013. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai dan kita masih mempunyai enam Usul maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan Dewan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No. 23 Tahun 2013. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Puan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor (JP Abas) mengenai Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2013.

Tuan Speaker, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembah Jaya, Rawang, Kinrara, Damansara Utama, Dengkil dan Batu Caves dan ini merupakan Penyata yang menyentuh tentang ulasan dan semakan Audit Negara berkenaan dengan perjalanan Syarikat Rangkaian Mesra Usia Emas dan ini merangkumi beberapa

perkara, pertamanya, tentang penebusan pendaftaran Skim Mesra Usia Emas sebanyak 70% yang tidak dicapai. Kedua, pemantauan fizikal terhadap program SMUE. Ketiga, mesyuarat Lembaga Pengarah tidak mengikut kekerapan yang ditetapkan. Keempat, Audit Dalam tidak pernah diwujudkan. Kelima, tiada jawatankuasa Audit dan pemeriksaan dan Keenam, standard operating prosedur (SOP) tidak disediakan.

Berdasarkan enam ulasan dan semakan Audit tersebut, Jawatankuasa Pilihan Abas telah mengadakan satu pendengaran tertutup dan ulasan-ulasan berkenaan dengan setiap perkara tersebut telah dikemukakan dalam Penyata ini. Yang pertamanya tentang penebusan pendaftaran SMUE sebanyak 70% telah tidak dicapai. Penemuan Jawatankuasa pertamanya, kaedah yang digunakan oleh Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) untuk menetapkan peratusan pendaftaran warga emas yang dibentangkan pada Jawatankuasa adalah tidak sama dengan kaedah yang telah dikemukakan kepada Audit

Kedua, perakuan RMSB bahawa peratus sebenar warga emas yang benar-benar layak yang sudah berdaftar di Selangor sebagai 84.9% di Wilayah Persekutuan dan 62.8% adalah tidak cukup saintifik dan kurang meyakinkan Jawatankuasa. Di atas sebab itu, saranan Jawatankuasa pertamanya, RMSB mengguna pakai daftar pemilih SPMR, SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) yang dikemas kini pada setiap awal tahun sebagai panduan asas menetapkan peratus pendaftaran program SMUE

Kedua, RMSB menggunakan kaedah *simpling* (dengan izin) untuk mengenal pasti anggaran berapa peratus warga emas dalam daftar pemilih SPR yang layak didaftarkan dalam program SMUE pada setiap tiga tahun.

Ketiga, setelah peratus dalam perkara dua di atas dikemas kini hendaklah RMSB menetapkan sasaran 80% pendaftaran warga emas dalam program SMUE bagi tahun tersebut.

Keempat, selepas proses kedua dan ketiga di atas RMSB hendaklah membekalkan secara *online* senarai nama warga emas yang layak berserta nombor kad pengenalan dan alamat kepada semua pusat khidmat masyarakat ADUN di setiap enam bagi setiap enam bulan dan yang

Kelima, RMSB hendaklah meningkatkan promosi dan pemasaran untuk memberi kesedaran agar warga emas yang belum mendaftar untuk mendaftar.

Tuan Speaker, isu kedua yang telah dibangkitkan oleh Audit Negara adalah pemantauan fizikal terhadap program SMUE. Dari segi penemuan Jawatankuasa pertamanya, Jawatankuasa menemui RMSB bukan satu-satunya badan yang terlibat sebagai *stake holder* (dengan izin) *stake holder critical* dalam menjayakan program SMUE. Kedua, badan-badan lain yang terlibat dalam program SMUE adalah Perbendaharaan Negeri Selangor, BNS, Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah, PBT dan Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat ADUN PKM.

Dalam pelaksanaan. Ketiga, dalam pelaksanaan program SMUE, RMSB hampir-hampir tidak mempunyai sebarang kuasa pemantauan. Keempat, bidang kuasa untuk memantau BNS dan PBT adalah Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN). Manakala setiap PKM (Pusat Khidmat Masyarakat ADUN) mempunyai hak dan kebebasannya tersendiri di bawah kendalian ADUN.

Kelima, sebagai entiti sebuah syarikat RMSB tidak mempunyai sebarang *local standby* (dengan izin) untuk memantau Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah mahu pun Pusat Khidmat DUN, pengurusan Khidmat Masyarakat ADUN. Di atas sebab itu, saranan Jawatankuasa.

Tuan Speaker, Jawatankuasa menyarankan pertamanya, menyusun semula bidang tugas agensi yang terlibat dalam pelaksanaan program SMUE seperti berikut:- Pertama, RMSB menjadi agensi utama dalam mempromosi dan mendaftarkan warga emas. Memudahkan cara pelaksanaan program-program yang melibatkan program SMUE. Memudahkan cara hubungan kerja antara PNS, PDT dan PKM.

Kedua, PDT (Pejabat Daerah dan Tanah) membuat rukupan setelah menerima dokumen lengkap daripada PKM (Pusat Khidmat Masyarakat DUN) menyekat rukupan sekiranya dokumen daripada PKM tidak lengkap. Menguruskan peruntukan kewangan dan apungan serta tunggakan bayaran dengan kelulusan PNS.

Ketiga, PKM ataupun Pusat Khidmat Masyarakat ADUN menjadi agensi utama di kawasan bagi mendaftarkan warga emas bagi program SMUE. Menguruskan bayaran, menyediakan dokumen lengkap kepada PDT bagi tujuan rukupan.

Saranan kedua yang melibatkan perubahan dasar dalam program SMUE adalah pertamanya, adalah ditiadakan pembayaran Fasa 1 dan Fasa II sebaliknya membuat bayaran sekali gus. Dengan dua pilihan, membuat bayaran sekali gus berjumlah RM2,500.00 yang diserahkan kepada waris selepas kematian. Jawatankuasa berpandangan bahawa impak kepada program pemberian SMUE Fasa Kedua sudah tidak begitu ketara lagi bahkan dia menimbulkan birokrasi dan kerumitan kepada Pejabat pegawai-pegawai pejabat daerah, kepada rakyat untuk mengadakan kutipan ataupun pengambilan Fasa Kedua. Jadi impak itu bagi Jawatankuasa sudah tiada, oleh kerana itu kami mencadangkan, Jawatankuasa mencadangkan agar Fasa 1 dan Fasa II tidak diadakan sebaliknya pembayaran sekali gus dengan dua pilihan. Pertama, membuat pembayaran sekali gus berjumlah RM2,500.00 yang diserahkan kepada waris selepas kematian atau sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai aliran kewangan yang sihat Jawatankuasa ingin mencadangkan pilihan kedua ni adalah walaupun kedua tapi pada pandangan Jawatankuasa adalah pilihan yang terbaik. Membuat bayaran RM500.00 secara berperingkat kepada warga emas yang berdaftar semasa hayat dan baki RM2,000.00 kepada waris selepas kematian.

Jadi kita akan ada versi BRIM kita sendiri di Selangor. Keempat, PBN mengarahkan Audit Dalam menjalankan Audit Berkala terhadap pengurusan dan pelaksanaan

program SMUE di PNS dan PDT. Kelima, PBN (Pihak Berkuasa Negeri) melantik panel Juru Audit Luar untuk melaksana Audit setiap tahun terhadap penggunaan akaun dan pembayaran program SMUE oleh setiap PKM di seluruh Negeri Selangor.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, penyata ini menggariskan penemuan-penemuan dan saranan-saranan tentang ulasan Audit yang lain sebagai penutup Jawatankuasa juga ingin membuat satu saranan menyeluruh tentang pelaksanaan program SMUE.

Jawatankuasa berpandangan bahawa program SMUE adalah satu program yang baik bagi menjayakan program merakyatkan ekonomi Selangor MES. Program SMUE juga akan ditambah nilai sekiranya lebih daripada 80% warga emas di Negeri Selangor berpandukan daftar pemilih SPR berjaya didaftarkan. Oleh itu gerak kerja untuk memastikan daftar pemilih SPR di kemas kini setiap tahun adalah amat penting. Pada masa yang sama langkah-langkah untuk mempromosi program SMUE dengan lebih meluas hendaklah dijalankan bagi mendaftarkan warga emas yang mungkin tidak terdapat dalam daftar PEMILIH SPR dan juga bagi meningkatkan pendaftaran orang kelainan upaya (OKU).

Tuan Speaker, Jawatankuasa juga berpandangan bahawa perkara paling utama dalam pelaksanaan SMUE adalah penyelarasan di kalangan agensi-agensi terbabit dan bukannya pemantauan fizikal sebagaimana yang ditugaskan kepada RMSB. Oleh itu, Jawatankuasa seiring dengan pandangan Audit bahawa penyelaras program SMUE sebagai ahh... bahawa Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan mengujudkan RMSB kerana sebagai penyelaras program SMUE, RMSB tidak menjana pendapatan dan bergantung sepenuhnya kepada Geran Menteri Besar in Cooperation (MBI) untuk menampung kos operasinya. Tugas menjayakan program SMUE dalam konteks MES adalah lebih jelas sekiranya dilaksanakan oleh agensi di bawah bidang kuasa MMKN dan bukannya secara tidak langsung di bawah Menteri Besar Selangor Perbadanan. Itu merupakan saranan daripada Jawatankuasa, sekian Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Tuan Speaker, Bangi menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini telah pun disokong. Maka saya buka Usul ini untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Speaker.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli EXCO, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Bangi melihat laporan ini dibuat secara padat dan sistematik. Bangi ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa yang bertungkus-lumus menyediakan laporan ini dan

Bangi percaya bahawa ini merupakan laporan yang sangat baik untuk diperhatikan oleh pihak Dewan.

Apa yang dizahirkan di sini, adalah mengenai beberapa peraturan, objektif, penemuan-penemuan dan beberapa keperluan yang disarankan oleh Jawatankuasa bagi pihak, bagi kami merupakan satu perkara yang penting dan sangat signifikan dalam menambah baik skim mesra usia emas yang diuruskan oleh RMSB ini. Ingin Bangi menarik perhatian mengenai saranan yang mencadangkan supaya pemberian RM500.00 diberikan ketika umur hayat peserta skim ini, ini kerana rata-rata menyatakan bahawa bila mereka mengisi borang mereka seolah mengisi borang kematian dan mereka tak akan merasa apa-apa daripada pengisian borang ini yang akan merasa adalah waris-waris mereka. Dengar rintihan tu pun kita pun naik sedih kerana benar apa yang berlaku kerana sumbangan Skim Usia Emas ini akan hanya akan dapat selepas berlaku kematian. Justeru, saranan untuk memberikan imbuhan awal ketika mereka masih ada hayat sangat-sangat dialu-alukan yang sekurang-kurangnya RM500.00 untuk mereka rasa ketika mereka masih ada.

Saya mendengar maklumat awal menyatakan bahawa negeri ada inisiatif untuk menamakan satu skim yang namakan sebagai hadiah hari jadi yang mungkin ini ada relevannya dengan cadangan tersebut. Mungkin boleh dinamakan hadiah hari jadi itu dengan pemberian RM500.00 peringkat awal bagi mereka yang menyertai skim ini.

Perkara yang kedua ialah mengenai saranan Jawatankuasa ini bagi mengerakkan kerja-kerja menarik lebih ramai peserta menyertai skim ini yang tidak mencapai sasaran 80% setakat ini. Saya bersetuju sangat-sangat kerana perlunya ada usaha yang agresif di peringkat akar umbi di sokong kuat oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan sasaran untuk mendaftarkan 80% mereka yang berusia emas ini terlibat dalam skim ini. Bagi kita menyatakan sokongan dan penghargaan yang padu kepada warga emas yang berada menyokong Kerajaan Pakatan Rakyat yang berkebajikan ini. Tuan Speaker, Bangi menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tak ada ADUN yang nak bahas. Kalau tidak saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker. Saya sebenarnya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa yang telah pun mengemukakan pandangan-pandangan di dalam penyata ini. Ada sedikit sahaja tentang perkara yang ingin saya laporkan iaitu pada 7 hari bulan November yang lepas kita mengambil maklum saranan-saranan yang ada termasuk lah mengkaji semula apakah skim ini masih perlu dilaksanakan secara yang ada tetapi perkara itu akan dikemukakan seterusnya tetapi yang nak saya tegaskan di sini program ini pada asalnya adalah ialah bak kata Bangi tadi, seolah macam kita nak bagi tulis borang untuk dapat selepas meninggal ya tetapi persoalan asasnya adalah untuk memberikan warga-warga emas yang telah pun berkhidmat atau pun memberikan perkhidmatan mereka di Negeri Selangor ini bila berlaku kematian pada mereka paling tidak kita memberikan satu

penghargaan kepada keluarga untuk menguruskan pengebumian tersebut dengan memberikan RM2,500.00.

Apa pun saranan yang dikemukakan nanti kita akan kemukakan tetapi yang dinyatakan di dalam Pakatan Rakyat, manifesto Pakatan Rakyat di antara perkara yang akan kita membaik atau pun memberi tambah nilai adalah memberi hadiah hari lahir ke 60 kepada mereka yang berusia 60 tahun warga emas ini bagi menggalakkan mereka mendaftar sebab yang kita lihat isu yang dibangkitkan oleh Audit dalam penyata ini adalah di antaranya begitu kurang tembusan yang ada pada kita adalah data yang kita ambil daripada daftar pendaftaran SPR ataupun Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi dengan kita mulakan bagi mereka yang berumur 60 tahun mendaftar dan kita akan beri RM100.00 sebagai kos atau sebagai hadiah pendaftaran tersebut boleh menggalakkan ya pendaftaran itu dibuat. Saya jugak sebenarnya tidak, kita sebenarnya tidak dapat kerjasama bila mana kita memohon daripada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengeluarkan nama-nama mereka yang berumur 60 tahun ke atas yang kita dapat angka yang dikemukakan ini adalah angka yang kita tahu tapi tidak ada pendetailan, maknanya seperti mana juga TAWAS, apa yang telah dilaporkan yang buka kaunter itu bukanlah keizinan daripada Jabatan Pendaftaran Negara, yang buka kaunter itu adalah daripada TAWAS sendiri yang buka di bawah yang tidak diizinkan duduk di dalam Jabatan Pendaftaran Negara itu sendiri jadi kekangan-kekangan ini yang menyebabkan kita telah pun membuat satu pemikiran baru bagaimanakah tembusan kepada sebenarnya warga emas yang layak di Selangor itu boleh kita berikan, boleh kita masukkan dalam daftar kita adalah dengan kita membuatkan hadiah hari lahir ke 60. In shaa Allah yang akan kita kemukakan tak lama lagi apakah program yang seterusnya di dalam warga emas itu sendiri.

Jadi yang lain tu saya ucapkan terima kasih dan kita, saya ingin satu sahaja nak menegaskan di sini bahawa RMSB adalah memang satu apa ni satu anak syarikat Kerajaan yang tidak berlandaskan keuntungan dan dana mereka adalah hasil daripada peruntukan yang diberikan oleh MBI dan ianya lebih daripada promosi bukan ada apa-apa kuasa untuk mengarah ataupun memantau mana-mana agensi yang lain. Jadi itu sahaja daripada saya Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi, Bahawasanya menurut Peraturan-Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP Abas) mengenai Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2013. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No. 24 Tahun 2013. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Khas Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2013.

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Dusun Tua, Seri Setia, Taman Medan, Kg. Tunku, Sg. Pelek dan Sg. Air Tawar. Sekali lagi menunjukkan komitmen daripada pembangkang Sg. Air tawar ke dalam mesyuarat dan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan. Dalam penyata ini, Tuan Speaker jawatankuasa telah menggariskan panduan kerja jawatankuasa dari segi bidang kuasa, dari segi bidang kuasa, hasrat penubuhan, skop kerja, peranan, modus operandi dan ukuran prestasi kerja dan out put kerja serta jadual yang akan di capai dalam kerja-kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan mulai Julai hingga November 2013. Dari segi pencapaian dalam masa yang singkat dengan komitmen Ahli-ahli jawatankuasa yang lain, pencapaiannya dari segi mesyuarat, 6 mesyuarat telah diadakan. Tiga.. empat taklimat dan taklimat di bawah sumpah telah diadakan dan dua rundingan meja bulat telah diadakan. Tiga rundingan meja bulat telah diadakan dan jawatankuasa juga dengan kerjasama pihak Urus setia Dewan telah membuat kompilasi soalan-soalan dan jawapan Dewan Negeri Selangor yang berkaitan dengan isu-isu yang menyangkut kemiskinan dan program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam penyata yang ringkas ini, Tuan Speaker ada beberapa penemuan dan ada beberapa saranan yang ingin dibuat, dilakukan, dikemukakan oleh Jawatankuasa. Pertama, jawatankuasa yang masih meneruskan sesi-sesi rundingan meja bulat, wawancara, penyelidikan, pemerhatian serta lawatan meninjau projek-projek pembasmian kemiskinan rumusan ini belum menyeluruh lagi namun walau bagaimanapun beberapa penemuan awal telah dikenal pasti.

Pertama, tiada atau kurangnya penyelarasan di kalangan Jawatankuasa Tetap agensi dan jabatan yang menjalankan program-program pembasmian kemiskinan bagi pihak Kerajaan Negeri.

Kedua, wujudnya perancangan serta pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang paling utama di Negeri Selangor tetapi berjalan secara berasingan. Iaitu program-program yang dikendalikan di bawah rancangan dan pelaksanaan STANCO (dengan izin) Jawatankuasa Tetap EXCO, Kerajaan Negeri dengan program-program yang dilaksanakan, dirancang di bawah Lembaga Zakat Selangor.

Ketiga, tidak ada maklumat dan pengkalan data bersepadu berkenaan rakyat mahu pun penduduk Selangor yang berada di bawah garis kemiskinan iaitu berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan seisi keluarga.

Keempat, tidak beroperasinya satu kerangka, panduan bagi memandu dasar dan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan di seluruh Negeri Selangor.

Dengan itu, Jawatankuasa menyarankan empat perkara:-

Pertama, di peringkat awal ketiga-tiga Pengerusi Jawatankuasa Tetap yang juga merupakan Ahli-Ahli MMKN mengujudkan satu platform penyelarasan, perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti pembasmian kemiskinan di bawah kepimpinan mereka masing-masing dan ini perlu disenergikan kerja ini dengan Lembaga Zakat Selangor bagi mengujudkan hala tuju yang selaras.

Kedua, mewujudkan saluran kerjasama dalam merancang dan melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan antara Jawatankuasa Tetap di bawah Kerajaan Negeri Selangor dengan Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Ketiga, Kerajaan Negeri mengujudkan satu *task force* (dengan izin) untuk mengumpulkan maklumat dan menyediakan pengkalan data rakyat Selangor yang berada di bawah paras garis kemiskinan.

Keempat, menyemak semula, mengemas kini, meminda mana yang perlu serta memberi nafas baru bagi menjadikan *blue print* membasmikan kemiskinan Negeri Selangor satu dokumen lama sebagai satu kerangka panduan yang *operational*. Sekian Tuan Speaker, saya telah kemukakan penyata ini terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Taman Medan menyokong.

TUAN SPEAKER: Teruskan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Izinkan Taman Medan berhujah sedikit berkaitan dengan Usul yang dibentangkan sebentar tadi. Taman Medan mengucapkan tahniah kepada Dewan Negeri Selangor yang sekali lagi mencatat sejarah dengan mengujudkan satu lagi Jawatankuasa Pilihan Khas yang berkaitan pembasmian kemiskinan kerana isu kemiskinan ini merupakan satu isu yang sentiasa dihadapi oleh mana-mana negeri dan negara di dalam dunia ini terutama sekali khususnya di Negeri Selangor ini dan Malaysia kehimpitan ataupun tekanan ekonomi yang disebabkan oleh penarikan subsidi oleh Kerajaan Barisan Nasional yang berlaku pada tahun ini.

Pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas ini selari dengan Jawatankuasa Tetap bawah Kerajaan Negeri merupakan amalan negara-negara maju bagi memastikan wujudnya timbang tara atau pun *check and balance* (dengan izin). Di United Kingdom sendiri atau pun di negara-negara seperti Australia juga, jawatankuasa-jawatankuasa pilihan

khass telah memainkan peranan yang utama dalam perjalanan dan operasi di Parlimen-Parlimen mereka. Dengan ini, setiap Jawatankuasa Tetap Khas dan Kerajaan Negeri secara amnya akan dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan rakyat dan mereka akan dipantau dan diteliti oleh Jawatankuasa Pilihan yang berkaitan.

Sejak penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan pada Julai 2013, Jawatankuasa ini begitu aktif seperti mana yang disebutkan oleh Pengerusi sebentar tadi dengan mengadakan beberapa mesyuarat, sesi-sesi taklimat juga rundingan meja bulat. Kajian-kajian dokumen yang berkaitan dan seterusnya akan diikuti dengan wacana juga lawatan ke tempat aktiviti-aktiviti dan program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Dalam sesi-sesi tersebut, Jawatankuasa telah mendapati beberapa penemuan dan saya tidak ingin mengulanginya tetapi saranan yang telah dikemukakan bagi menambah baik atau pun memberi keberkesanan yang lebih optima kepada segala aktiviti dan juga program-program berkaitan pembasmian kemiskinan di bawah Kerajaan Negeri ini bolehlah tercapai, pertama sekali bagi menangani isu kemiskinan di Negeri Selangor ini adalah satu kemestian untuk Kerajaan Negeri mengenal pasti golongan yang dikatakan miskin tersebut dan saya, jawatankuasa ini dapati tidak ada bancian yang menyeluruh yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri sendiri untuk mengenal pasti seluruh golongan yang terdapat ataupun yang menghuni di dalam Negeri Selangor ini.

Jadi saranannya adalah bagi Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi dapat melakukan bancian seluruh Selangor supaya dikenal pasti keluarga-keluarga yang di bawah, yang berada di bawah garis kemiskinan dan seterusnya mampu memberi jalan penyelesaian mengeluarkan keluarga-keluarga tersebut daripada kemiskinan.

Yang keduanya, bagi memastikan keberkesanan pelan tindakan pembasmian kemiskinan di Negeri Selangor ini maka perlulah di wujudkan atau pun Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap di bawah Kerajaan Negeri duduk bersama yang mana terlibat dalam program-program pembasmian kemiskinan ini perlu duduk bersama dalam satu mesyuarat dan merangka satu tindakan yang bersepadu. Adalah melalui tinjauan atau pun semakan soalan-soalan yang telah dikemukakan di dalam Dewan sejak 2008 sehingga 2012 didapati ada berbagai-bagai program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri daripada pemberian bot sehinggalah kepada pemberian pekerjaan. Jadi dilihat di sini untuk memastikan keluarga-keluarga ini keluar daripada kemiskinan adalah sangat penting bagi semua jawatankuasa-jawatankuasa tetap untuk duduk bersama dan berbincang apakah tindakan setiap jawatankuasa bagi memastikan sasaran pembasmian kemiskinan ini di capai.

Seterusnya, usaha-usaha pembasmian kemiskinan ini juga daripada rundingan meja bulat yang jawatankuasa ini laksanakan terdapat juga badan-badan bukan kerajaan yang juga melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan. Oleh itu saranan daripada Jawatankuasa juga adalah Kerajaan Negeri atau pun Jawatankuasa Tetap yang berkaitan memanggil atau melibatkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini

untuk sama-sama berbincang supaya segala program akan dilakukan secara bersepadu dan itu akan membuahkan hasil yang lebih berkesan.

Oleh itu, Taman Medan mencadangkan Kerajaan juga mengiktiraf ya sumbangan pihak berkaitan dan melibatkan mereka dalam pelan tindakan pembasmian kemiskinan bagi Negeri Selangor. Didapati dasar pembasmian kemiskinan Negeri Selangor sudah dirangka sejak 2005 dan *blue print* yang disebutkan sebentar tadi oleh Pengerusi Jawatankuasa telah tidak menjadi rujukan bagi segala atau pun tidak menjadi garis panduan bagi segala program dan aktiviti pembasmian kemiskinan. Cadangan Jawatankuasa agar di semak semula dokumen *blue print* membasmi kemiskinan tersebut supaya semua pihak yang terlibat dalam segala program ke arah membasmi kemiskinan akan menggunakannya sebagai dokumen panduan, garis panduan untuk mencapai matlamat Selangor bebas daripada kemiskinan. Suka diingatkan bahawa program pembasmian kemiskinan tidak tertumpu kepada kawasan luar bandar sahaja tetapi memberi tumpuan kepada semua kawasan sama ada di luar bandar ataupun di bandar. Adalah penting diingatkan bahawa kemiskinan bandar juga merupakan satu isu yang sangat menekan. Terdapat begitu ramai penduduk di bandar yang terpaksa menghadapi tekanan kos sara hidup yang sangat tinggi tahun demi tahun. Dengan itu, program-program pembasmian kemiskinan juga mengambil kira ya penduduk di bandar-bandar terutama sekali di kawasan Lembah Klang.

Keberkesanan program-program pembasmian kemiskinan memerlukan KPI yang selaras dengan semua agensi-agensi yang terlibat dalam usaha mengeluarkan keluarga-keluarga di Selangor ini daripada kemiskinan dan perlu dijalankan pemantauan dalam tempuh yang ditetapkan dengan itu Taman Medan bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan dan percaya Jawatankuasa ini akan memainkan peranannya memantau serta menyemak dan mengimbang pelaksanaan oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi di bawahnya. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian Usul ini telah pun disokong saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHD: Bismillahi Rahmanir Rahim, assalammualaikum warahmatullahi wabarakathu. Salam 1Malaysia. Sungai Panjang bangun menyokong isu-isu berkaitan dengan kemiskinan meneliti dokumen kertas bilangan 24/2013. Namun beberapa perkara yang harus diambil kira adalah beberapa penambahbaikan terhadap penemuan yang terdapat di dalam kertas ini. Sungai Panjang merasakan bahawa keluar miskin ini harus ada sebagai satu agenda yang penting kerana dalam satu dua minggu ini isu kenaikan gaji wakil-wakil rakyat hingga lah kepada gaji Menteri Besar nampaknya mendapat perhatian utama terutama kepada kelompok-kelompok rakyat yang merasakan mereka miskin. Jadi atas sebab itu mereka berpendapat adakah wakil rakyat sahaja keluar miskin bagaimana rakyatnya tidak keluar miskin kerana itu sikap pendirian yang kita ambil ialah kerana wakil-wakil rakyat ini tugasnya seperti pegawai keluar basmi kemiskinan maksudnya setiap hari kelompok-kelompok miskin ini datang bertanyakan pelbagai bantuan, mohon beberapa

pertolongan yang akhirnya menyebabkan mereka itu keluar miskin sementara sahaja. Kalau keluarnya miskinnya itu anaknya nak sekolah kita selesaikan keluar miskin anak nak sekolah kalau mereka itu keluar miskin untuk bil elektrik dan sebagainya maka mereka keluar miskin dalam keadaan yang seketika sahaja.

Saya nak mengambil perhatian terhadap penemuan perkara pertama iaitu tidak ada atau kurangnya penyelarasan di kalangan jawatankuasa tetap agensi dan sebagainya. Saya fikir ini perkara yang sangat memberi alam petanda yang sangat berbahaya kerana kalau kita melihat kalau kita memberikan andaian, adanya suatu terhadap suatu pelaksanaan penyelarasan. Maknanya tidak ada atau kurangnya penyelarasan itu menunjukkan beberapa penambahbaikan yang perlu diambil kira atau perlu diambil perhatian. Saya juga merujuk soal pengekal data bersepadu seperti mana sedia maklum di peringkat Persekutuan ada data yang disebut sebagai data-data daripada e-kasih, tapi bagaimanakah sebenarnya *character* bagaimanakah pengisian, bagaimanakah pelaksanaan daripada segi data pelaksanaan bersepadu kerana setiap hari sama ada pengundi di Bandar atau Luar Bandar mereka yang datang berjumpa dengan pihak-pihak Wakil Rakyat ini mereka merasakan mereka ini miskin dan apabila kita membuat lawatan ternyata mereka miskin. Dan dua minggu lagi dia datang apabila kehadiran anak dia daripada bandar tinggal lagi daripada bandar pulang lagi duduk bersama tinggal lagi dan menunjukkan mereka lagi miskin. Jadi sebab itu data yang bersepadu mestilah ada dan kita harapkan di pihak Wakil-wakil Rakyat kita juga dapat merujuk data ini supaya pelan tindakan yang bersepadu boleh kita laksanakan. Saya merujuk juga perkara 4 iaitu tidak ada satu kerangka panduan bagi memandu dasar. Saya fikir dalam sudah 5 tahun Kerajaan Pakatan berada menubuhkan Kerajaan saya fikir sudah timbul masanya siapakah sebenarnya yang akan melaksanakan dan memandu kaedah membasmi kemiskinan ini kerana kalau satu panduan dasar yang tidak ada suatu kerangka besar yang tidak ada maka saya takut duit begitu banyak bajet yang dikemukakan maka sia-sialah sahaja bajet itu diberikan.

Perkara-perkara berkaitan ke tidak sela rasan terutama di antara Jawatankuasa Tetap di bawah Kerajaan Negeri. Lembaga Zakat Majlis Agama Islam MAIS itu sendiri pada saya memberikan suatu alam petanda yang tindakan besar mesti diambil kerana kalau kita lihat daripada bajet yang dikemukakan pada tahun ini memberikan suatu bahagian jumlah kewangan yang sangat besar kepada pihak berkuasa agama itu sendiri tapi jika tidak ada penyelarasan maka saya fikir ini suatu perkara yang kita mesti ambil tindakan. Juga disebut tadi berkaitan dengan *blueprint* membasmi kemiskinan di negeri Selangor yang mana kalau *blueprint* ini ada, adalah satu kerangka besar yang boleh kita guna pakai dan ada satu kerangka besar yang kita boleh jadikan panduan. Saya bersetuju apa yang disebut tentang bancia yang menyeluruh kerana dalam Selangor yang di wau-waukan sebagai sebuah negeri yang maju suatu data bancia yang menyeluruh mesti ada di dalam sekelompok Masyarakat Rakyat di setiap negeri dan saya merasakan pelaksanaan yang lebih penting daripada segi membasmi kemiskinan ini adalah pelaksanaan daripada segi membasmi kemiskinan ini adalah pelaksanaan daripada segi membasmi kemiskinan sikap mereka itu sendiri. Seperti yang di wau-waukan SPIES juga ada seperti yang di wau-waukan ini kaedah-kaedah pelaksanaan. Daripada segi kemiskinan mereka kalau kita boleh selesaikan tetapi kalau kita gagal

untuk selesaikan kemiskinan sikap ini makanya apa yang berlaku sama ada jangka masa pendek, sama ada jangka masa panjang tentulah gagal dilaksanakan dengan menyeluruh. Tuan Speaker saya menyokong Usul penambah baikan terhadap Jawatankuasa Pilihan Khas berkaitan dan isu kemiskinan ini. Sekian, saya sudah dengan *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, Kampung Tunku cuba ingin menyentuh sedikit tentang Usul yang di bawa oleh Y.B. Hulu Kelang ini tetapi ucapan saya adalah lebih kepada satu aspek atau pun strategi yang saya rasa belum lagi diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah pembasmian kemiskinan iaitu pendidikan. Kami telah pun menggariskan beberapa strategi dan cara untuk menyelesaikan masalah kemiskinan ini tetapi lebih kebanyakannya adalah lebih berkisar strategi-strategi untuk memberi panduan dari segi sama ada panduan dari wang ringgit atau pun panduan dari segi perniagaan kecil-kecilan, bantuan untuk mempertingkatkan *income level* atau pun paras pendapatan keluarga tapi kami sebenarnya telah *neglect* dalam bahasa inggeris iaitu telah pun tidak memberi penekanan terhadap satu aspek yang penting itu aspek pendidikan. Bagi mereka anak-anak saya rasa salah satu strategi atau pun cara yang boleh kita guna ialah kita perlu memperkasakan, mempertingkatkan taraf pendidikan di peringkat kanak-kanak khususnya mereka yang berasal daripada keluarga miskin. Hanya dengan memperkasakan kanak-kanak daripada keluarga miskin ini barulah seluruh keluarga miskin itu boleh dikeluarkan daripada garis kemiskinan. Walau pun ia nya akan memakan masa yang lebih panjang tapi saya rasa kesannya juga adalah sesuatu yang sangat berpanjangan. Saya pernah melawat ke beberapa keluarga miskin di estet, di ladang dan di kampung-kampung ... rata-ratanya kanak-kanak memang suka membaca, suka bersekolah tapi macam mana mereka boleh meneruskan pelajaran mereka sekiranya nak makan pun tak cukup. Jadi ini adalah masalah dia, kita perlu memikirkan isu ini secara holistik iaitu ia nya bukan setakat EXCO atau jawab soalan EXCO atau pun suatu Jawatankuasa Tetap sahaja. Ia nya adalah satu masalah sosial yang perlu ditandatangani secara keseluruhan oleh Barisan Eksekutif, Barisan EXCO, Kerajaan Negeri Selangor dan malahan termasuk juga Agensi-agensi dan Kerajaan-Kerajaan Persekutuan. Dan saya rasa satu strategi bersepadu perlu dirangka lebih-lebih lagi pelbagai kelemahan telah pun dinyatakan atau pun diterangkan dalam penyata ini di mana kurangnya satu usaha bersepadu yang menangani masalah kemiskinan ini. Masing-masing hanya melakukan program ad-hoc keberkesannya tidak ada di situ jadi soalan saya adalah supaya Kerajaan Negeri dalam tahun 2014 memperuntukkan peruntukan lebih banyak kepada aspek pendidikan. Pendidikan sama ada dari skim menampung tambang sekolah, anak-anak estet, peruntukan pendidikan kepada Sekolah Tamil, Sekolah Cina, Sekolah Agama kepada Sekolah Kebangsaan kalau boleh lagi kepada Sekolah-sekolah seperti Montfort Boys dan sebagainya. Peruntukan pendidikan yang lebih besar kepada Institut-institut seperti INSPENS memberi peluang kepada anak-anak muda untuk membina kerjaya mereka dalam sektor Pendidikan Vokasional dan sebagainya. Dan ini adalah cara kita membantu anak-anak negeri Selangor, anak-anak Selangor yang miskin untuk

melepaskan diri dan belenggu kemiskinan ini. Kalau bagi orang tuan barang kali saya ingin memberi sedikit sebanyak penjelasan kepada apa yang dibagikan oleh Sg Panjang tadi. Kalau orang-orang tua yang berasal dari keluarga miskin dia asyik bergantung sahaja terhadap bantuan pada Wakil Rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor atau pun mana-mana Kerajaan di dunia ini. Dia ada satu mentaliti atau sikap yang mungkin kita tidak dapat ubah dalam masa yang terhad yang kita ada ini. Tapi kalau kita nak ubah saya rasa kita ada lebih elok kalau kita bermula daripada anak-anak mereka. Anak-anak mereka yang masih kecil yang masih menuntut di Sekolah kita boleh menyemaikan semangat untuk berdikari semangat untuk memperjuangkan masa depan diri sendiri. Saya rasa itulah sikap yang kita boleh tanam di dalam kanak-kanak dan itu boleh dilakukan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor menggunakan wang yang lebih banyak dalam sektor pendidikan di mana *of course* lah memang kita perlu dalam kita melakukan itu pun memerlukan satu bentuk pemantauan yang lebih rapi untuk memastikan setiap ringgit dan setiap sen yang kita berlancarkan dalam sektor atau pun bidang pendidikan ini mendapat kesan positif. Jadi Tuan Speaker itulah sedikit sebanyak apa yang saya ingin berkongsi dengan rakan-rakan di Dewan Negeri Selangor ini dan saya berharap semua cadangan yang kita bangkitkan di sini baik daripada Pakatan atau pun dari Barisan Nasional dapat diambil *serious* oleh pihak Eksekutif. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tuan Speaker, sedikit sahaja saya nak ambil bahagian tentang Usul ini yang di bawa oleh Hulu Kelang dengan kemiskinan. Pengalaman Seri Andalas di dalam isu ini memang dalam 5 tahun lepas memang ada banyak-banyak program yang telah dilakukan di bawah. Tapi apa yang saya nampak ialah kemeningkatan kemiskinan kebandaran *Urban Poverty* di dalam Negeri Selangor. Selangor ini satu negeri maju tapi sekarang dengan adakan masalah kewangan, masalah kerja dan sebagainya kita nampak semua tempat di seluruh negeri Selangor mengalami kemiskinan Perbandaran yang kita nampak. Dengan program macam *blueprint*, *blueprint* ini ialah satu program negeri bukan *blueprint* untuk adakah kertas kerja macam mana kita nak hapuskan kemiskinan. *Blueprint* ini saya nampak ialah kepada satu golongan yang sudah ada perniagaan dan dia sudah dapat pendapatan yang sudah pun diketahui dan *blueprint* ini bagi bantuan kepada peniaga itu untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan pemberian *outright grant* kepada peniaga-peniaga ini sebab mereka tak payah bayar balik apa yang mereka dapat dari Kerajaan Negeri Selangor. Walau pun ini sedikit ada pembantu peniaga-peniaga ini tapi kelemahan yang saya nampak di dalam program kemiskinan ini ialah kita tak bagi tumpuan kepada golongan yang kena dapat bantuan ini yang maksud saya ialah yang ada dekat *at least* sampai 7 atau pun 8% dari penduduk di negeri Selangor. Tidak langsung dapat apa pun bantuan dan mereka ialah di dalam golongan miskin tegar dan inilah sesuatu yang kita kena lakukan untuk atasi masalah ini sedang saya sokong apa yang telah dikatakan oleh Kampung Tunku bahawa kalau kita belanja di dalam pendidikan kita akan dapat sesuatu sebab itulah Kerajaan pun telah melalui Mesyuarat EXCO dalam 2 tahun sebelum ini telah meluluskan untuk adakan satu asrama anak-anak kerja ladang dibina oleh Kerajaan Negeri untuk atasi

masalah ini. Di mana kita harap bahawa anak-anak muda kita dari sekolah-sekolah, dari rumah-rumah yang pendapatan rendah sangat utamanya dari peladang atau pun di bandar untuk dibawa dan diletakkan di asrama ini dan akan di bagi kajian dan pujian dan juga untuk dapatkan pendidikan yang lebih tinggi dan boleh bawa mereka keluar dari golongan kemiskinan di dalam negeri Selangor. Dengan bahasa inggeris dengan izin *if we invest in education it will never go to waste however much you invested*. Ini pun sudah di contoh di Malaysia ramai penduduknya orang Melayu, Islam, Bumiputera telah pun dibagikan sokongan ini melalui kolej-kolej dan juga apa itu MSRM dan sebagainya, Sekolah bantuan penuh dan mereka telah bawa keluar dari kampung dan letak di dalam Asrama ini dan sekarang mereka pun telah maju sebagai Doktor, Cikgu dan sebagainya. Jadi saya ingat negeri Selangor apa yang kita cadangan untuk bagikan keuntungan sampai RM5 juta kalau tak silap saya untuk membina asrama dan tiap-tiap tahun untuk dapatkan RM2 juta lebih untuk dibelanjakan. Kita boleh kiraan kita pada waktu kelas kerja itu boleh tolong sampai 100 lebih murid tiap-tiap tahun dari projek bangunan ini. Saya diberitahu oleh pemaju bawah tanah 8.7 ekar sudah pun di siap sedia di *coalfield* dan Kerajaan negeri boleh hubungi KL Kepong untuk dapatkan tanah ini dan telah disetujui untuk kita sekarang membuat perancangan untuk bangunan asrama ini di dalam negeri Selangor. Lagi sekali saya nak sokong Usul ini dan juga haraplah Kerajaan negeri boleh terus membentuk satu jawatankuasa untuk kita meneliti macam mana kita akan mulakan projek ini sebab ini bukan senang tetapi kita kena adakan satu kajian kedalaman sebelum kita masukkan di dalam program kemiskinan di dalam negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Baiklah sekarang saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, untuk membawa Usul begini dan juga kepada Yang Berhormat Taman Medan, Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Kg. Tunku, dan juga Yang Berhormat Seri Andalas. Daripada saranan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, sebenarnya penemuan dan juga kajian mereka adalah bukan hanya STANCO Kemiskinan sahaja semata-mata. Ianya juga melibatkan jawatankuasa Kebajikan dibawah Yang Berhormat Batu Tiga dan juga Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa, dibawah Yang Berhormat Tuan Sallehen. So, segala perbincangan dan juga kajian menyeluruh daripada pelbagai STANCO telah membuatkan mereka mengakhiri dengan pertemuan dan juga saranan daripada pelbagai STANCO. Apa yang saya nak jawab di sini adalah, bukan setakat program-program pembasmian kemiskinan yang sedang dijalankan. Bukan boleh kita katakan adalah tidak ada manfaat langsung. Itu kita kena akui, bahawa selama ini program-program ini berupa bukan hanya setakat *'blue print'* kemiskinan, dia juga merangkumi program-program dibawah Kebajikan dan juga Pendidikan, seperti yang Kg, Tunku kata. Seperti program TUNAS, Tuisyen Rakyat, dan juga tambang bas murid-murid, anak murid daripada pekerja ladang. So, memang kita ada selama ini beberapa program yang baik, tapi ada baik juga, yang untuk lebih menambah baikkan dengan adanya Jawatankuasa begini, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan. Dapat melihat dan merangka, membantu dalam merangka

program-program dengan lebih cergas, lebih dipantau dengan agar semua program dibawah STANCO-STANCO berlainan ini dapat dipantau dengan lebih cermat. Namun adalah harapan daripada Kerajaan, jangan tugas Kerajaan diambil alih jawatankuasa pembasmian ini nanti. Ia lebih patut menjadi sebagai jawatankuasa yang memantau dan memberi idea-idea lebih positif. Daripada tadi, banciaan yang perlu dilakukan memang telah, daripada Dewan yang mulia ini, daripada dua minggu yang lalu, kita telah, daripada Kerajaan Negeri telahpun menyatakan hasrat dan juga permintaan daripada Kerajaan itu sendiri untuk melantik, UPEN sedang kaji dalam pelantikan UNISEL, khususnya ataupun universiti-universiti lain, dalam membuat banciaan secara menyeluruh untuk mengenal pasti kumpulan sasar yang perlu dibantu. Bagi menjawab Sungai Panjang yang kata ada pangkalan data, e-kasih, e-kasih itu tak kasih dengan Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya. Walaupun UPEN telah meminta banyak kali, memang mereka tak kasih untuk membagi data. Itu masalah kami. Dan juga seperti yang maklum Sungai Panjang, bantuan Kerajaan Pusat dalam menyalurkan daripada bajet Pusat ke Negeri Selangor, adalah amat tidak puashati. Dan dalam cubaan mereka untuk membuat rakyat Negeri Selangor ini terus dibalas dendam oleh Kerajaan Barisan Nasional, sebab mereka tidak undi mereka. Kerajaan Negeri dengan secara sendirinya, program-program telah dirancang, melalui merakyatkan ekonomi Negeri Selangor, dengan pelbagai program dalam membantu. So, memang Kerajaan Negeri sedia dalam membantu segala aspek, bukan sahaja tadi seperti yang dikatakan gaji naik, tapi gaji bukan Kerajaan Negeri sahaja naik, gaji pembangkangpun naik tadi. So, ambil kira, Kerajaan Negeri sentiasa menjaga kebajikan setiap rakyat Negeri Selangor. So, dalam pada itu, seperti yang saya katakan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan ini, adalah saya rasa paling tepat pada waktunya, agar saranan-saranan mereka juga memang akan dilayan, diambil maklum, oleh Kerajaan Negeri. Itu saja.

TUAN SPEAKER : Ada lagi Yang Berhormat Pihak Kerajaan nak memberi penjelasan. Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya ingin menambah apa yang disarankan ataupun perkara-perkara yang perlu dibuat dan sebenarnya telahpun diambil kira. Satunya, tentang apakah Kerajaan Selangor semenjak mengambil alih pada 2008, tidak ada dasar-dasar untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan apakah dasar kebajikan juga yang boleh membantu rakyat Negeri Selangor. Saya ingin menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini, ada tiga dasar penting telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan Selangor yang ianya telahpun diselaraskan dengan kebanyakan oleh agensi yang sekarang ini, Alhamdulillah, telahpun dalam konteks memastikan dasar Kerajaan itu telah dapat diguna pakai dalam agensi masing-masing. Satunya, tentang dasar meningkatkan paras kemiskinan yang ada di Negeri Selangor ini, tidak lagi, kalau dulunya sebelum 2008, yang tegarnya RM400.00, yang tak tegarnya RM620.00. Sekarang ini kita naikan garis kemiskinan adalah RM1500.00 kebawah. Maknanya ini kalau kita lihat program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kebanyakannya megambil kira kriteria ini ataupun paras garis kemiskinan ini bagi memberikan mereka ini layak menerima apa-apa jua bantuan Kerajaan. Yang keduanya, Kerajaan Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan telahpun melaksanakan dasar *work-fair*, ataupun dasar daripada

kebijakan kepada berpendapatan. Itulah lahirnya program-program yang kita lihat sekarang ini, program-program yang ingin melonjakkan mereka yang pada awalnya datang berjumpa untuk mendapatkan kebajikan dan kita ingin memastikan kemiskinan ini dihapuskan ataupun kalau ikut istilah Sungai Panjang tadi, keluar miskin tadi itu, kita naikkan supaya mereka boleh berpendapatan melebihi RM1500.00. Tak kiralah ianya di bandar ataupun di luar bandar. Dan yang ketiganya, dasar dimana pada tahun lepas, bermulanya kita membuat data bersepadu. Memang kita tidak nafikan data e-kasih itu tidak mesra dengan Kerajaan Negeri Selangor, tetapi kita telahpun mengorak dan membuka ataupun melaksanakan data bersepadu itu sendiri yang dinamakan *i-work fare*, dan sekarang ini telah ada 14 agensi yang telahpun disepadukan data-data, yang mana mereka telah mendapat ataupun telahpun diletakkan di bawah, mereka yang bawah kemiskinan itu telah diberikan bantuan. Dan Insya-Allah tak lama lagi dibawah pemberian Yayasan Selangor, biasiswa dan sebagainya akan disepadukan, yang data itu sekarang inipun telah memiliki hampir 1.2 juta, data-data maklumat daripada masyarakat yang telahpun ataupun penduduk Negeri Selangor yang telah menerima bantuan. Ini adalah disebabkan kalau kita lihat kadang-kadang masing-masing agensi ingin memberi bantuan tetapi akhirnya kita lihat tidak ada satu program yang tersusun untuk memastikan keluaran, mengeluarkan mereka dari kemiskinan. Dan saranan, akhirnya tentang apakah kita tidak mengambil kira tentang peranan yang dimainkan oleh NGO, kita juga, Kerajaan Selangor sekarang ini telah membuat satu, polisi, iaitu hidup memberi asas masyarakat, yang mana memberi ini bukanlah sekadar memberi kewangan, tapi memberi dari sudut masa, pemikiran dan juga masa memberikan *contribution*, dengan izin. Iaitu perkara-perkara yang kita mahukan setiap rakyat Negeri Selangor ini, tidak kira mereka siapa juga, tetapi mereka ingin digembelilingkan untuk memberikan peluang untuk membantu masyarakat sekeliling untuk keluar daripada kemiskinan. Jadi banyak juga NGO-NGO yang telahpun kita panggil untuk duduk sekali untuk membantu Kerajaan khususnya untuk memastikan isu kemiskinan ini dapat dikeluarkan. Jadi apapun saya ingin menggulung ataupun menyatakan di sini saranan yang dinyatakan oleh jawatankuasa dibawah penyata ini, iaitu satu task force, untuk memastikan ianya bersepadu amat-amat saya rasa, ianya amat-amat penting dan Insya-Allah kami yang berurusan dengan tiga agensi yang berurusan dengan berkaitan kemiskinan ini, Insya-Allah akan ambil kira perkara tersebut. Sekian terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar nak bagi penjelasan. Tak ada. Baiklah, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi, bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Khas Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil 24 Tahun 2013.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata "**YA**". Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata "**TIDAK**". Usul ini **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No. 25 Tahun 2013, Usul dibawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang budiman, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut ;

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia hari ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun, Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor ataupun JP ABAS, mengenai Pendidikan Industri YS Selangor Sendirian Berhad yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil 23, Tahun 2013. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, Ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP ABAS) Dewan Negeri Selangor telah meneliti satu laporan Audit yang dikeluarkan berkenaan dengan Pendidikan Industri YS Sendirian Berhad ataupun PIYSSB selepas ini. Ahli Yang Berhormat sekalian, satu pendengaran tertutup yang dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa yang turut dihadiri oleh beberapa ketua jabatan, dan telah memanggil tiga orang wakil daripada PIYSSB, untuk mendapatkan maklum balas berdasarkan penelitian-penelitian dan isu-isu yang melibatkan PIYSSB yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit merangkumi kepada lima perkara;

- i) Melibatkan prestasi kewangan yang tidak memuaskan.
- ii) Pengambilan pelajar yang tidak mencapai sasaran.
- iii) Tunggakan yuran yang meningkat.
- iv) Sebahagian kemudahan universiti tidak diselenggara dengan sempurna.
- v) Jawatankuasa Audit dan Peperiksaan tidak ditubuhkan.

Untuk yang pertama, berkenaan dengan prestasi kewangan yang tidak memuaskan, penemuan audit mencatatkan bahawa pada tahun 2010, PIYSSB telah mengalami peningkatan kerugian sebelum cukai sebanyak 198.1% iaitu berjumlah RM37.63 juta, berbanding 2009 yang berjumlah RM12.62 juta. Yang kedua, PIYSSB mencatatkan keuntungan terkumpul pada tahun 2008 yang berjumlah RM5.97 juta, dan kerugian terkumpul 2009 dan 2010, yang masing-masing berjumlah RM7.5 juta dan RM 47.28 juta. Yang ketiga, antara sebab-sebab PIYSSB mengalami kerugian sebelum cukai, semenjak 2009, adalah disebabkan penurunan bilangan kemasukan pelajar, tunggakan yuran yang meningkat, peningkatan perbelanjaan pentadbiran dan pelbagai perbelanjaan terutamanya dalam perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan universiti. Dan yang keempat, jumlah liabiliti semasa berjumlah RM 124 juta berbanding dengan jumlah pendapatan berjumlah RM75.4 juta pada tahun 2010, menunjukkan PIYSSB tidak mampu untuk menjelaskan liabiliti semasa mereka. Antara pemiutang utama PIYSSB ialah *Baiti Man Ajil Islamic, that securities* AFFIN Bank Sendirian Berhad, pemaju dan penyelenggara dan Kerajaan Negeri Selangor yang semuanya berjumlah RM124.87 juta. Daripada penemuan yang, perakuan yang telah dibangkitkan oleh PIYSSB mencatatkan bahawa sebenarnya kalau mengikut perakuan PIYSSB, kalau

diukur secara keseluruhan, keuntungan yang dicatat pada tahun 2008 itu sebenarnya adalah satu akaun yang tidak memasukkan, yang tidak memasukkan perkiraan semasa pada ketika itu. Iaitu perkiraan yang tidak termasuk pinjaman sebanyak RM150 juta dalam kos pembinaan, pembaikan dan kos kontrak turut tidak dikira berbanding pada masa ini, semuanya telah diambil kira oleh pentadbiran baru Kerajaan Negeri yang telah mengawal UNISEL sekarang.

Keduanya, UNISEL memerlukan sekurang-kurangnya RM150 juta untuk membaiki dan menaik taraf kampus dan perkara ini telah dibawa kepada Lembaga Pengarah. Ahli-ahli jawatankuasa pula telah membuat penemuan bahawa berdasarkan laporan kewangan yang terkini yang dibekalkan oleh Menteri Besar Incorporated yang melaporkan status kewangan PIYSSB sebanyak, pada tahun 2013, iaitu sehingga Jun 2013, mencatatkan bahawa kedudukan PIYSSB tidak diperkukuhkan semenjak audit malah menjadi semakin membimbangkan. Perkara itu haruslah, yang pertamanya adalah berkaitan kerana kerugian terkumpul terkini, telah mencatat RM120.16 juta berbanding RM47.28 juta pada tahun 2010, yang dilaporkan oleh audit. Ini adalah satu peningkatan yang berjumlah 258% dalam masa 2.5 tahun ataupun dua tahun setengah. Kecairan kewangan PYSB adalah sangat membimbangkan aset semasa terkini PYSB ialah 48.78 juta berbanding akauntabiliti 105.3 juta, nisbah semasa PYSB untuk kemampuan menjelaskan akauntabiliti semasa telah merosot daripada 0.67% daripada tahun 2010 kepada 0.46 daripada tahun 2013. Ahli-ahli Jawatankuasa telah memberi saranan bahawa Ahli Lembaga Pengarah PYSB sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat dan berusaha memperkukuh kewangan dan kedudukan syarikat. Dengan pertamanya, meningkatkan kemasukan pelajar. Kedua, mengurangkan tunggakan-tunggakan yuran. Ketiga, menyusun semula aset universiti dan mengurangkan kos penyelenggaraan dan kemudahan. Keempat, mengadakan sistem audit seperti mana yang telah dicadangkan oleh Jabatan Audit Negara.

Perkara kedua, iaitu berkenaan dengan pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran. Laporan Audit mencatatkan bahawa pada tahun 2009 dan tahun 2010 hanya sekitar 1.9% dan 10% sahaja sasaran yang telah ditetapkan untuk pengambilan pelajar baru telah dicapai oleh pihak piawaian PYSB. Namun begitu tahun 2011 tahap sasaran telah meningkat kepada 8.3% tetapi pihak PYSB atau pihak pengurusan UNISEL telah menurunkan sasaran itu daripada 11,000 tahun 2010 kepada 5000 pada tahun 2011. Ini merupakan satu perkara satu perkara yang tidak begitu dibanggakanlah! Walaupun mencapai 83% tetapi sasaran itu telah diturunkan. Ini penemuan Jabatan Audit. Dan, sebaliknya PYSB telah menyebutkan bahawa UNISEL gagal bertindak cepat dengan perubahan semasa dan imej negatif yang disebarkan oleh media-media tertentu dan masalah politik dalaman. Dan keduanya, sistem lama pengurusan permohonan yang kurang efisien dan lambat menyebabkan surat tawaran lambat dikeluarkan.

Yang ketiga, UNISEL telah memperkenalkan sistem e-Tawaran pada tahun 2011 yang mana meningkatkan kemasukan pelajar baru dari 3% kepada 20% sebelum, 20% ya, sebelum ini hanya 3% terus meningkat kepada 20%.

Keempatnya, Jangka masa April 2011 hingga Disember 2011, 90% daripada tawaran kemasukan pelajar adalah melalui sistem e-Tawaran.

Kelimana, UNISEL menyusun kembali fokus pemasaran, meningkatkan iklan di kawasan media di kawasan-kawasan sasaran. Jawatankuasa-jawatankuasa telah menemui beberapa perkara. Pertamanya dalam masalah menyusun UNISEL yang berlarutan terlalu lama sehingga menimbulkan ketidaktentuan pengurusan dan imej negatif yang ada di dalam dan di luar UNISEL termasuk beberapa laporan media dan serangan-serangan yang dibuat oleh Barisan Nasional terutamanya pada tahun 2012, dicatatkan bulan Ogos dan sebagainya. Satu serangan-serangan yang menyeluruh terhadap UNISEL dan imej Kerajaan Negeri. Yang keduanya, UNISEL gagal menampilkan kelainan dan keistimewaan sendiri yang boleh menarik perhatian pelajar baru dalam dan luar negara. Tiada unsur-unsur baru, unsur-unsur istimewa yang mungkin boleh menarik pelajar-pelajar baru daripada dalam dan luar negara untuk menyertai UNISEL dan sebagai satu lambang contoh yang berbeza UNISEL sebagai institusi pengajian tinggi dalam negara kita.

Jawatankuasa telah menyarankan empat perkara. Yang pertama, UNISEL perlu membina kesepakatan dalaman pasukan kerja dan fokus mencapai sasaran yang ditetapkan. Yang kedua, UNISEL perlu mewujudkan *ni che* dalam sistem pendidikan yang mampu menampilkan keunggulan yang tersendiri. UNISEL perlu menjenamakan semula tawaran agar dilihat lebih kompetitif dan cemerlang. Yang keempat, UNISEL perlu menggariskan dengan lebih spesifik bersertakan sijil yang berkesan meningkatkan pendaftaran pelajar-pelajar. Yang ketiganya, adalah tunggakan yuran yang meningkat. Terdapat rekod yang mencatatkan bahawa terdapat yuran yang tamat pengajian terkumpul sebanyak 3.8 juta sehingga 2011 dan sebanyak 30.77 juta bagi pelajar yang belum menamatkan pengajian. Daripada PYSB telah mencatatkan bahawa mereka telah membaiki sistem pengutipan hutang-hutang ini dengan memperkenalkan kutipan sistem pemotongan berkadar untuk pelajar-pelajar PTPN iaitu sebanyak 6 kali. Keduanya, menurunkan baki minimum untuk pelajar sendirian dan selepas tahun 2011 pelajar yang tidak bergraduan tidak menghadiri majlis konvokesyen penyelesaian tunggakan mereka. Namun begitu, pandangan Jawatankuasa jumlah hutang yang bergraduan masih terlalu tinggi, terutamanya tunggakan tahun 2010 dan tidak ada kenaikan mekanisma yang jelas untuk bagaimana menarik dan memungut kembali hutang-hutang daripada graduan atau mereka yang tamat pengajian.

Justeru, Jawatankuasa telah menyarankan agar yang pertama, mewujudkan mekanisma yang mudah, praktikal dan tanpa demokrasi bagi meningkatkan punggutan jumlah tertunggak mereka yang telah bergraduan. Dan keduanya, UNISEL perlu wujudkan inisiatif potongan yuran tertunggak mengikut kadar bayaran tertentu, ya. Ini satu pelajaran kepada beberapa agensi-agensi seperti MARA, PTPN dan sebagainya.

Mereka berjaya mengutip yuran-yuran tertunggak ini dengan menawarkan insentif-insentif potongan dan sebagainya yang boleh digunakan oleh pihak UNISEL untuk memastikan agar yuran-yuran tertunggak ini di pungut, dapat mengurangkan jumlah

hutang dan bebanan yang ditanggung oleh pihak universiti sekarang. Perkara empat, berkenaan kemudahan universiti tidak di selenggara dengan cara yang sempurna.

Semakan audit mencatatkan tiga perkara. Terdapat keretakan bangunan asrama siswi UNISEL Bestari Jaya. Bangunan Asrama Kota Puteri tidak digunakan. Loji kumbahan dan tangki air masih belum diserahkan kepada pihak SYABAS dan Indah Water Konsortium. Dan daripada situ, PYSB mencatatkan bahawa bangunan asrama utama berkonsepkan *bill operate transfer property* oleh pihak pemaju. Justeru, pembaikan adalah di bawah tanggungjawab pihak pemaju. Yang Kedua, pelajar-pelajar siswi dipindahkan ke penempatan lain dan melantik konsultan untuk menilai kos kerosakan yang dinilai oleh B.O.T. Yang ketiga, asrama Kota Puteri telah digunakan sepenuhnya untuk menempatkan pelajar-pelajar pindah keluar pada asrama B.O.T. yang tidak selamat pada tahun 2013. Menaik taraf loji kumbahan, tangki air yang rosak dan tidak menepati spesifikasi dan peruntukkan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum diserahkan kepada SYABAS dan pihak IWK. Manakala pihak jawatankuasa telah menemui daripada pihak perakuan PYSB ini mencatatkan bahawa UNISEL telah membeli bangunan yang tidak diperlukan pada masa tersebut dan masa tertentu. Contohnya, adalah bangunan kota puteri. Ini *fortunate* lah (dengan izin) menggunakan sepenuhnya, seolah-olah tahu bangunan itu akan retak dan mendap, dan dibeli pula bangunan. Ini satu amalan yang saya rasa boleh dinilai semula oleh Kerajaan Negeri memaksa jabatan-jabatan tertentu untuk membeli bangunan-bangunan yang tidak laku, yang dibuat oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri, syarikat-syarikat yang berkaitan dan akhirnya menimbulkan bebanan kepada pihak kerajaan negeri. Namun UNISEL ada satu keuntungan pula, sebab bila dibeli ini maknanya boleh menggantikan bangunan yang retak dan mendap disebabkan oleh satu sistem dan satu pembinaan yang tidak berkualiti pada sebelum zaman 2008. Kedua, kos 20 juta menaik taraf loji kumbahan sepatutnya ditanggung oleh pihak kontraktor iaitu TALAM Corporation. Ketiga, semasa UNISEL mula beroperasi sepatutnya loji kumbahan, tangki air perlu diserahkan kepada pihak IWK dan SYABAS. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa dua perkara ini menunjukkan bahawa UNISEL ini telah bermula dengan permulaan yang bermasalah. Kelengkapan, kemudahan yang sepatutnya diserahkan, tidak diserahkan. Ada bangunan tidak diperlukan, telah dibeli. Ada perkara-perkara seperti tunggakan yang perlu diberi perhatian, tidak diberi perhatian. Dan akhirnya, pada ketika ini pihak UNISEL terpaksa menanggung satu bebanan hutang sebagaimana angka-angka yang saya sebutkan tadi. Yang kelimanya, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan dan secara keseluruhannya tadbir urus PYSB tidak memuaskan kerana audit dalam tidak berfungsi, Jawatankuasa Audit Pemeriksaan tidak ditubuhkan. Dan Audit juga dapati kawalan keadaan aset kurang memuaskan. Alhamdulillah daripada perakuan PYSB semua jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibangkitkan itu mengenai audit dalam sebagainya contohnya pada Mac 2013, perkara ini telah diadakan pada tahun 2011. Mac 2013 baru dilantik seorang Audit Dalam iaitu Puan Aisyah binti Harun pada Mac 2013. Manakala Jawatankuasa yang dibangkitkan itu telah dibawa ke Jawatankuasa ataupun pihak urus, pihak B.O.D. ataupun pihak *Board Of Director* (dengan izin) ataupun Ahli Lembaga Pengarah untuk memperbaiki ataupun memperbetulkan sistem rekod dan audit yang ada di pihak UNISEL.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara keseluruhannya Ahli Jawatankuasa menganggap bahawa UNISEL ditubuhkan sebagai sebuah universiti swasta bagi pihak kerajaan negeri bagi melanjutkan pelajaran UNISEL terdapat agensi-agensi menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar melalui PTPN, Amanah Rakyat Yayasan Selangor, Biasiswa Negeri Selangor, Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah dan banyak biasiswa-biasiswa yang ditawarkan oleh dan juga pinjaman yang telah ditawarkan oleh agensi-agensi tertentu. Sepatutnya operasi UNISEL mampu menjana keuntungan dan bukannya kerugian. Tambahan kerugian PUSB mencatatkan tahap yang membimbangkan. Ini akan membebankan Kerajaan Negeri kerana akhirnya PYSB akan memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Negeri iaitu wang rakyat bagi meneruskan operasinya. Di samping itu juga, Jawatankuasa minta Kerajaan Negeri meneliti saranan-saranan di atas. Jawatankuasa juga menyarankan Kerajaan Negeri mempertimbangkan dan mencairkan atau melepaskan pegangan PYSB terhadap UNISEL dan seterusnya melaksanakan penswastan seterusnya kepada UNISEL.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, daripada rangkuman yang saya sebutkan itu tadi. Daripada awal yang saya sebutkan tadi bahawa PYSB ini berdepan dengan masalah yang agak berat, besar dan agak buruk. Pembangkang amat mudah ini menunjukkan bahawa kelemahan Pakatan Rakyat tetapi apabila kita melihat daripada rakaman tersebut dan dokumen yang telah didedahkan ini. Dibuktikan bahawa pada awal lagi, langkahnya telah bermula dengan langkah sumbang ya. Dengan kemudahan yang saya sebut tadi dengan tunggakan yang berlaku dan kewujudan sebenarnya, kewujudan mereka-mereka yang beroperasi pihak UNISEL itu tidak bekerjasama malahan melakarkan cita-cita yang kurang elok terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri. Saya baru menerima e-mel yang dibangkitkan. Ini di luar daripada, saya minta izin sedikit keluar daripada ini, perkara baru yang saya dapatkan iaitu ada terdapat laporan-laporan tertentu sebagai contoh. Alasan-alasan yang dibangkitkan oleh UNISEL kepada pekerja-pekerja mereka termasuk kepada pensyarah-pensyarah mereka. Kerajaan Negeri sebagai contohnya mengumumkan bonus sebulan pada Aidilfitri yang lalu sebahagian besar daripada pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai terbabit dikatakan tidak menerima bonus yang ditawarkan kerana UNISEL tidak ada duit. Begitu juga tentang pengurusan asrama Tasik Puteri dan sebagainya. Dan, saya minta supaya Kerajaan Negeri menyediakan *task force* yang ada jangka masa yang menyeluruh untuk menyelesaikan isu ini dan akhirnya imej dan hasrat Kerajaan Negeri untuk menubuhkan satu universiti yang mampu untuk berdaya saing dan berkualiti dapat dilihat dengan sempurna dan keseluruhannya dari segi budaya mahasiswanya, pelajarannya termasuk pengurusannya itu dapat diuruskan dengan sempurna. Lagi pun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pernah berpengalaman mengawal sebuah universiti seperti Universiti Utara Malaysia, saya ingat pengalaman-pengalaman beliau itu mungkin diserap untuk memperbaiki apa yang dikatakan UNISEL ini dan tidak menjadi cemuhan kepada semua pihak terutama di mata pembangkang yang menanggung ke air yang keruh ya. Terutamanya apabila Datuk Seri Noh Omar, Ahli Parlimen Tanjung Karang bulan Mac atau pun bulan Ogos yang lepas membangkitkan seolah-olah semua masalah UNISEL berpunya daripada kelemahan pentadbiran Pakatan Rakyat ketika ini. Tuan, Puan Speaker, saya mohon mencadangkan usul ini.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Puan Speaker saya menyokong. Terima kasih Puan Speaker kerana izinkan saya untuk menyertai perbahasaan. Saya ada beberapa *point* yang hendak saya tegaskan di sini bahawa saya berharap Dato' Menteri Besar boleh mempertimbangkan cadangan jawatankuasa untuk meneliti dan mengkaji kemungkinan kita untuk melibatkan pihak swasta dalam meningkatkan dengan cara kita boleh menswastakan *puncher ... the hall thing* ataupun *partnership* (dengan izin). Dengan melibatkan pihak swasta kita boleh meningkatkan prestasi UNISEL dari segi pengurusan, kewangan dan kualiti akademik. Seperti mana yang pernah dihuraikan dengan teliti dalam penyata ini memang kita tahu kualiti kewangan dan prestasi pengurusan UNISEL adalah tidak berapa memuaskan. Ada tiga perkara kita boleh capai kalau kita melibatkan pihak swasta lebih efisien yang sesuai di UNISEL.

Yang pertama, kita boleh meningkatkan *efficiency* dalam pengurusan dari segi pemasaran (marketing). Sebab marketing itu memang satu kelemahan UNISEL sekarang, pengurusan kos operasi, pengurusan aset dan lain-lain. Semua ini adalah kelemahan dalam pengurusan sekarang seperti mana yang disenaraikan di Penyata ataupun di Laporan Audit Negara.

Yang kedua kenapa kita kena melibatkan pihak swasta ialah; dia akan dengan melibatkan mereka, mereka akan suntikkan *some* laburan, *investment* dengan izin. Ya, dia akan menampung sedikit kewangan Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri sekarang berbelanja berpuluh juta setiap tahun untuk meneruskan operasi. Kalau kita boleh dapatkan *partnership* mereka akan menyuntik *investment* untuk menampung sedikit, meringankan sedikit beban kewangan kita.

Perkara yang ketiga kenapa kita nak pengurusan swasta, saya ingat ini memang penting kerana pendidikan tinggi ini memang kita tidak boleh sebagai Kerajaan mencampur tangan tetapi kita Ahli Politik, kita ada banyak kecenderungan untuk mencampur tangan dalam pendidikan tinggi walaupun kita kata kita beli akademik *autonomy* kepada pendidikan tinggi dengan ada melibatkan swasta dan membagikan pengurusan *management all to them* dengan izin, kita boleh membesarkan lagi *autonomy academic* kepada UNISEL dengan memberi lebih besar *academic autonomy* dengan izin kita akan meningkatkan kualiti prestasi akademik UNISEL. Dengan ini saya menyokong usul.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Baiklah pihak Kerajaan, sila berikan penjelasan jika ada.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Puan Speaker. Pertama kita sudah mula menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh UNISEL iaitu UNISEL tidak boleh beroperasi jika dia menanggung *capital cost*. *Capital cost* UNISEL ini sangat tinggi dan pulangan UNISEL ataupun hasil UNISEL adalah hasil dari pembayaran pelajar-pelajar

dan hasil dari pembayaran pelajar-pelajar ini hanyalah cukup untuk menyelesaikan pembayaran operasi. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri telah bersetuju dalam peringkat yang pertama boleh mengambil semua hutang-hutang UNISEL supaya dia dijaga atau dimiliki oleh negeri supaya tanggungan-tanggungan bukan sahaja hutang tetapi tanggungan-tanggungan termasuk bayaran faedah dimasukkan dalam negeri. Itu yang dipanggil apa yang dipanggil 'asset-like' supaya apa yang berlaku di UNISEL ialah pendapatan yang digunakan yang didapati dari pelajar-pelajar akan dapat menampung bayaran-bayaran pentadbiran dan operasi UNISEL. Dan perkara ini saya rasa akan mula berlaku pada tahun akhir tahun 2013 dan permulaan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun budaya UNISEL perlu diubah, sudah diubah tapi saya tidak nampak satu syarikat yang akan beli UNISEL dalam keadaan ini. Tak ada satu syarikat yang ingin *joint venture* dengan UNISEL untuk mendapat kerugian. Dia tidak akan, bukan itu hanya impian kita. Tak ada satu syarikat yang dari segi komersial untuk pergi membelinya bebannya akan. Apa yang dia hendak supaya tanah UNISEL itu dibagi pada dia. Jadi kalau itu berlaku nampak lagi sekali Dewan ini kena tipu lagi. Itu sahaja. Jadi oleh sebab itu lah saya telah minta aturkan dulu, keluarkan aset, masukkan UNISEL ini menerima beban dua kali. Satu membina asrama. Sudah bayar semua asrama tu tapi tak boleh pakai, kena bina lagi sekali. Jadi kalau harga asrama tu RM 150 juta kita kena tambah lagi RM 100 juta. Asrama jadi RM 250 juta. Jadi beban UNISEL lagi RM 100 juta. Semua tu kita kena faham tapi Kerajaan Negeri tak boleh tinggalkan UNISEL. *We cannot write off UNISEL, that's all.* Kalau tidak, kalau dalam sektor swasta sudah hilang dari buku syarikat tersebut. Jadi kita tak boleh *write off*, kita kena betulkan dari masa ke semasa. Yang paling penting ialah menentukan pengurusan UNISEL penuh disiplin dan bertanggungjawab. Jadi *financial discipline* itu sangat penting. Dia tidak boleh menaikkan gaji-gaji dengan tidak memikirkan tanggungan itu boleh dibayar oleh UNISEL atau tidak. Dia tidak boleh memasukkan pelajar jika dia percaya kemasukan itu tidak akan mendapat bayaran untuk operasi. Dia kena menolong pelajar-pelajar untuk mendapat pinjaman dari PPRT dan seterusnya. Semuanya itu mesti dilakukan bukan mengharapkan dari Kerajaan Negeri sahaja sebab tidak guna kita menubuhkan sebuah universiti yang berdikari yang mempunyai kursus *management*, ramai Professor tapi tak tahu buat *business*, jadi ini satu perkara yang menakutkan sebab dia mengajar, semua dapat *Degree* tapi hasilnya tidak begitu. Jadi saya percaya, *I think* Dewan harap-harap bersabar supaya kita dapat betulkan perkara ini sebab UNISEL kita nak juga jadikan sebagai satu "*Education Armed of the University*" dan kita harap kita akan dapat juga Pentadbir dan Pensyarah yang cukup baik bukan sahaja reti dari segi teori tetapi boleh melaksanakannya. Itu sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan adalah satu Usul yang berbunyi 'Bahawa senya menurut 76 (5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS mengenai pendidikan industri YS Sdn. Bhd yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 23 Tahun 2013. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul nombor 26 tahun 2013; Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut; 'Bahawa senya menurut Peraturan 76 (5) Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ni menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS mengenai De Palma Management Services Sdn. Bhd yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat bil. 23 tahun 2013.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, aktiviti jabatan Agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2011, JP ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 27hb Ogos 2011 bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai pengurusan De Palma Management Services Sdn. Bhd. Penemuan Audit dan isu-isu penelitian Jawatankuasa dibahagikan kepada sebelas perkara.

Perkara yang pertama adalah tentang prestasi keuntungan tidak mencapai sasaran. Penemuan Jawatankuasa Audit adalah dari tahun 2009 hingga ke tahun 2011, De Palma Ampang dan De Palma Shah Alam. Masing-masing memberi sumbangan 75% dan 19% keuntungan. Bagi De Palma Sepang, telah ditutup kerana tidak mempunyai skala ekonomi dan disewa kepada syarikat swasta untuk membuat ekonomi pembelajaran agama. Saranan Jawatankuasa adalah sasaran pasaran haruslah ditumpukan pada dua-dua pelanggan Kerajaan dan korporat. Struktur hotel juga perlu diubahsuai dan dinaik taraf mengikut kehendak dan permintaan pelanggan.

Perkara ke dua, adalah sasaran kadar penginapan kumpulan tidak tercapai. Penemuan Jawatankuasa adalah *average occupancy rate* dengan izin bagi hotel di Selangor bagi tahun 2012 adalah 67.3%. Penggunaan tempahan secara *on-line* bagi De Palma telah meningkat sehingga 20%. *Standard* industri adalah boleh mencapai sehingga 30 – 35%. Saranan Jawatankuasa;

- (i) Laman web hotel mestilah sentiasa mengemaskini supaya dapat dilayari oleh para pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan hotel;
- (ii) Mengadakan program-program mengikut tema perayaan untuk menarik lebih ramai lagi pelanggan.
- (iii) Pengurusan aktiviti pengiklanan tidak memuaskan.

Penemuan Jawatankuasa; teknik utama pengiklanan ialah melalui percetakan *broshures* dan risalah. Yang kedua, promosi melalui papan iklan dan *banner* hanya tertumpu di De Palma Ampang sahaja.

Saranan Jawatankuasa adalah nombor satu; saluran media elektronik seperti *facebook* perlu digunakan secara optimum dan perlu mengemaskini informasi hotel dari semasa

ke semasa untuk memberikan maklumat yang terkini kepada para pelanggan. Selain daripada itu kempen yang lebih menyeluruh dengan agensi-agensi seperti MATTA *Fair* dan agensi luar negara harus diadakan.

Perkara yang ke empat tentang penyelenggaraan hotel. Penemuan Jawatankuasa adalah kesemua CCTV kini berfungsi dengan baik dan liputan yang lebih baik di kawasan-kawasan yang kritikal. Saranan Jawatankuasa adalah perlu meningkatkan program dan kawalan keselamatan.

Perkara yang ke lima, Perkhidmatan dan Kemudahan yang sediakan. Penemuan Jawatankuasa untuk menambah baik kemudahan di De Palma adalah di bawah tanggungjawab PKNS. De Palma masih di peringkat perbincangan dengan Lembaga Pengarah PKNS. PKNS memaklumkan bahawa telah meminta pihak De Palma Management untuk membuat keseluruhan anggaran keseluruhan juga telah diterima. Saranan Jawatankuasa adalah nombor satu; perkhidmatan kaunter perlu dipertingkatkan lagi dan yang kedua De Palma Management perlu berbincang dengan PKNS untuk mengkaji bagaimana untuk membiayai kos menaik taraf sama ada secara memberi pinjaman atau PKNS sebagai tuan bangunan memberi suntikan modal.

Perkara yang ke enam tentang kualiti dan keselamatan bilik penginapan. Jawatankuasa menyarankan Pengurus Bahagian Bilik perlu memastikan kakitangan menjalankan tugas dengan baik dan memastikan kelengkapan dalam bilik adalah sentiasa lengkap dan memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

Perkara yang ke tujuh; Lembaga Pengarah De Palma perlu. Saranan Jawatankuasa adalah pelantikan Lembaga Pengarah DPMD (*De Palma Management Services*) sewajarnya dilaksanakan selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat dan peraturan Kerajaan bagi menjaga kepentingan PKNS dan Kerajaan Negeri Selangor.

Perkara yang ke lapan; manfaat Ahli Lembaga Pengarah. Saranan Jawatankuasa adalah ganjaran dan manfaat Ahli Lembaga Pengarah perlu dikemukakan kepada Lembaga Pengarah PKNS untuk mendapatkan kelulusan termasuk membetulkan kelulusan tahun 2009, 2010 dan 2011.

Perkara yang ke sembilan; Pembayaran Dividen. Jawatankuasa menyarankan kadar dividen dinaikkan dari 3% ke 5%.

Perkara yang ke sepuluh; Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan dengan segera berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.

Yang akhir sekali, perkara sebelas, Jawatankuasa EXCO. Saranan Jawatankuasa adalah pencapaian prestasi perlu dilaporkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PKNS. Secara keseluruhannya saranan JPABAS adalah Jawatankuasa berpandangan bahawa satu kaedah yang lebih berkesan dalam pengurusan dan hospitaliti adalah diperlukan. Kerajaan negeri perlu mengkaji untuk menyatukan semua anak syarikat

kerajaan negeri dalam bidang hospitaliti di bawah satu pengurusan. Jawatankuasa juga berpandangan kerajaan negeri perlu menilai semula penglibatan kerajaan dalam bidang perniagaan yang tidak memberi manfaat yang besar dalam pengurusan dan pembangunan negeri, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Puan Speaker saya menyokong. Terima kasih Puan Speaker dan pembentang Y.B. Kinrara. Jadi saya kira apa yang dijelaskan itu cukup jelas dan terang jadi saya tidak mengambil masa yang panjang. Cuma ada satu perkara yang saya tertarik di sana di mana De Palma ini mengamalkan patuh syariah. Jadi saya kira dalam konteks patuh syariah ini dan sesuai pula dengan Negeri Selangor ini sebagai negeri yang meletak *Baidatul Toibatun Warabburgorfur*. Saya sekira ini sudah selari cumanya saya kira apa salahnya kalau kita mengambil contoh De Palma ini untuk peringkat Negeri Selangor yang mana di agensi lain kita tengok seperti Lembaga Urusan Tabung Haji boleh buat, kita tengok De Palma dia ada satu surau dan dia boleh adakan Jumaat. Saya kira ini adalah untuk kebajikan kakitangan, sebab Islam itu satu agama yang amat mudah bagi kita. Jadi untuk melaksanakan solat itu kita tidak perlu kepada pembinaan baru dan sebagainya, memadai kawasan itu hanya dibersihkan. Seperti mana yang dilakukan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji, saya kira ini menarik perhatian kerajaan supaya mengambil kira perkara ini untuk kita laksanakan dalam konteks patuh syariah ini untuk kita laksanakan di peringkat Negeri Selangor ini, di peringkat pentadbiran kerana Negeri Selangor ini untuk kebajikan. Saya kira sudah melebihi pekerja-pekerja Islam yang begitu ramai dan kita juga mengambil masih mengamalkan cuti, tidak mengamalkan cuti hari Jumaat saya kira untuk kebajikan-kebajikan pekerja-pekerja kita di sini, saya kira bolehlah kita ambil itu sebagai contoh kita laksanakan di peringkat SUK. Jadi saya rasa itu saja daripada Lembah Jaya dan saya menyokong apa yang dibawa oleh Kinrara. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya kemukakan Usul ini untuk dibahaskan. Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, saya rasa inilah yang menyebabkan beberapa pemikir-pemikir pendapat tidaklah sepatutnya negeri memiliki syarikat-syarikat yang mana syarikat-syarikat tersebut akan memberikan kesan bahawa negeri terpaksa menjaga syarikat yang hasilnya tidak ke mana. Tapi kalau kesan negatifnya akan melibatkan seluruh negeri. Itu sebabnya dicadangkan supaya tidak selalu syarikat-syarikat kalau negeri memiliki syarikat-syarikat ini. Bukan bererti mereka tidak faham tentang pengurusan tetapi dalam pengurusan ada juga yang betul dan ada juga yang tak betul dan mesti diselesaikan di peringkat pengurusan. Dan itu juga kita lihat bagaimana PKNS sebagai satu badan tidak mempunyai keupayaan untuk memantau syarikat-syarikat ini kerana syarikat-syarikat ini dibenarkan untuk beroperasi bebas dari syarikat induk. Jadi salah satu daripada perkara yang saya mula aturkan dalam pengurusan PKNS supaya perbadanan ini menjaga syarikat-syarikat, akaun syarikat-

syarikat ini yang dimasukkan atau di kongsilidik atau pun disatukan dalam akaun PKNS. Buat masa ini PKNS tidak kongsilidik akaun. Maknanya anak-anak syarikat itu tidak dimasukkan ke dalam akaun PKNS atas alasan sukar untuk melakukannya. Tapi apabila mereka bertemu dengan saya, saya kata itu tak sukar sebab saya pernah jaga lebih daripada 300 syarikat dan saya kongsilidik dalam masa 2 minggu selepas hujung tahun, jadi tak jadi masalah (dewan menepuk meja). Jadi itu semua, semua disiplin-disiplin ini sudah tentu bila kita buat disiplin ini, sudah tentu terjaga. Walau bagaimana pun, itu juga penting, itu juga penting kita lihat. Saya nak buktikan hanya untuk pengetahuan Dewan mengapa saya buat beberapa perubahan dalam umpamanya dalam Dewan ini mengubah PKNS. Salah satu daripada perkara yang kita lakukan ialah menerima bahawa gaji Pengurus Besar PKNS ialah RM20 ribu sebulan tapi rupanya RM20 ribu itu ialah gaji dia tapi tidak termasuk elaun dan pendapatan daripada syarikat dan anak-anak syarikat. Jadi bila kita campurkan semua, gaji dia dah lebih pula sampai RM50 ke RM60 ribu. Yang penting ialah tak ada ketelusan, tak ada ketelusan dan juga tumpuan, tumpuannya saya kalau jadi *General Manager* lebih baik saya pergi ke syarikat yang kaya sebab saya akan dapat bonus yang banyak. Itu sebab Pengurus Besar PKNS tak duduk di De Palma, sebab De Palma keuntungannya tak banyak. Jadi dia tidak jaga syarikat tersebut, sekarang apa saya buat saya sudah gantikan. Dia akan dapat hanya RM40 ribu sebulan lebih daripada Perdana Menteri tapi, tapi, tapi, tapi dia tidak lagi menerima elaun daripada itu semuanya dia masukkan ke dalam pemilikan PKNS. Jadi dia boleh bergerak dalam satu dan dia boleh memilih mana tempat dia nak tolong supaya keuntungan perbadanan itu semua berjaya, dia boleh buat kerja.

Jadi inilah perubahan reformasi yang kita nak buat di Dewan, di negeri dan juga di Perbadanan kita. Kalau kita boleh menerima tentang perkara ini maknanya kita akan membawa satu perubahan dari segi tatacara kerja, tatacara penilaian dan tatacara kita menentukan kejayaan kita masa depan. Jadi saya berterima kasih kepada Jawatankuasa Badan Berkanun dan saya ingin menyatakan hotel industri *is not a very lucrative industry*. Sebagai contoh kalau kita jadi tauke hotel pulangan untuk hotel ialah kurang daripada 3% kalau kita salah pula jual restoran kita rugi. Jadi, dan pulangan bergantung kepada *occupancies*, kalau *occupancies* kurang daripada 60%, hotel itu juga akan rugi. Jadi tapi, dia bagus pada industri *tourism* kerana lebih ramai orang dapat hotel, dapat datang lebih banyak *turn over* yang itu Kota Damansara *talk about multi player*. Lebih ramai orang pakai duit beli beg tangan banyak, dan dia lepas itu (dewan ketawa) lepas itu ada dia punya *turn over*. Maaf beg tangan nanti, saya balik kena marah pula (dewan ketawa) jadi tapi isteri saya tak beli beg tangan (dewan ketawa), nasib saya baik. Jadi itu sebabnya saya beritahu inilah kita terima dan sepatutnya usaha ini diteruskan, *must be accounitues, check and balance* supaya kita dapat memantapkan pengurusan perbadanan dan negeri, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun permasalahan di hadapan Dewan ialah suatu Usul yang berbunyi Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, JPABAS mengenai De Palma Management Services Sdn Bhd yang

telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2013. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 27 Tahun 2013. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya Menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP PADAT) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2013.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, JP PADAT telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali semenjak penubuhannya bulan Julai yang lepas. 3 kali mesyuarat ini diadakan pada 26 Ogos, 31 September dan 7 Oktober 2013. Dalam mesyuarat yang pertama bertarikh 26 Ogos ini kertas bantuan kerja untuk Jawatankuasa PADAT, Pejabat Daerah dan Tanah, Dewan Negeri Selangor sesi 2013 hingga tahun 2018 telah di bentang dan diterima oleh JP PADAT di mana kuasa penubuhan objektif, skop kerja, peranan, modus operandi dan hasil kerja untuk JP PADAT dalam masa 5 tahun akan datang telah digariskan. JP PADAT seterusnya telah menjalankan beberapa siri pendengaran tertutup dengan wakil daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor atau PTGS berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut.

Laporan Ketua Audit Negara (Negeri Selangor Tahun 2013) Pengurusan Tukar Syarat guna tanah bagi kilang haram, tanah perkuburan dan rumah Burung Walit. Pengurusan Sumber Manusia di Pejabat Daerah dan Tanah iaitu tentang pengurangan pegawai berpengalaman. Ketiga kelewatan dalam permohonan tukar syarat tanah dan pemberi milikan tanah. Pencerobahan ke atas tanah berstatus lesen kedudukan sementara (TOL), penangguhan ke atas *concern* yang dimohon serta polisi pemberian lesen terkini. Sistem pungutan hasil tanah atau SPHT dan sistem pendaftaran tanah berkomputer (SPTB). Status terkini pewartaan tanah rizab perkampungan orang asal di Negeri Selangor dan susulan ke atas laporan akhir kajian terhadap pengurusan dan pentadbiran tanah Negeri Selangor yang disediakan oleh *Task Force* Tanah Selangor pada tahun 2008.

Seterusnya JP PADAT juga mengadakan pendengaran tertutup dengan wakil-wakil daripada kesemua 9 buah Pejabat Tanah dan Daerah terhadap perkara-perkara berikut pertama inventori balai raya, gelanggang sukan dan kemudahan awam di bawah seliaan setiap Pejabat Daerah dan Tanah. Dan dasar ketelusan yang di amalkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dalam pemberian tender dan sebut harga. Dalam proses pemutihan kilang-kilang haram, JP PADAT telah mendapati hampir separuh daripada 2,118 lot tanah kilang haram yang masih belum diputihkan sepenuhnya. Dan ini dimaklumkan kepada JP PADAT telah menyebabkan kerugian sebanyak RM78 juta setahun dari segi pendapatan cukai tanah dan premium kepada kerajaan.

Saranan daripada JP PADAT ialah Pejabat Tanah Galian Selangor dan kesemua 9 buah PBT di Negeri Selangor perlu meningkatkan usaha untuk memutihkan kilang-kilang haram ini. Pihak penguatkuasaan juga perlu ditingkatkan untuk mengelakkan penambahan kilang haram ini pada yang akan datang. Tentang tanah perkuburan JP PADAT juga mengesyorkan agar kerajaan mempercepatkan kerja-kerja pewartaan berkenaan dengan tanah perkuburan wilayah bersepadu ini. Dalam hal penggunaan tanah untuk pengusahaan Burung Walit, JP PADAT puas hati dengan kerajaan kerana telah menetapkan satu garis panduan yang lengkap untuk mengawal selia industri ini. Dalam hal Pengurusan Sumber Manusia di Pejabat Tanah, JP PADAT menyarankan supaya kerajaan menubuhkan sebuah institut latihan pegawai-pegawai tanah untuk melatih pegawai-pegawai yang mahir dalam hal ehwal pengurusan tanah. Tanpa terlalu bergantung kepada pegawai-pegawai yang dilantik oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia atau pun BPSM.

JP PADAT juga menyarankan agar kerajaan segera mengisi semula, mengisi semua kekosongan jawatan di setiap Pejabat Tanah dan Daerah dan juga Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Jikalau kekosongan tersebut tidak dapat diisi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, maka Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor perlu mengisi kekosongan tersebut melalui pelantikan secara kontrak. Dalam hal tanah yang berstatus lesen pendudukan sementara atau TOL, JP PADAT telah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menurunkan bahagian kuasa pada Pejabat Daerah dan Tanah untuk meluluskan permohonan TOL untuk tujuan kediaman sahaja. Walau pun begitu pemantau dan semakan di peringkat daerah harus diadakan memandangkan kuasa untuk meneruskan permohonan Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan kediaman telah diturunkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah.

Berkenaan dengan pemberian *concern* atau kebenaran untuk melepaskan hartanah milik bumiputera kepada bukan bumiputera, JP PADAT mencadangkan supaya kerajaan harus melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor atau PKPS menjadikan tanah-tanah pertanian yang dipegang oleh kaum bumiputera digunakan sebaik-baiknya dalam sektor pertanian untuk menjana hasil daripada ianya dijadikan sebagai alat untuk mencari keuntungan cepat. Satu berita baik yang ingin dibangkitkan di sini ialah Pejabat Tanah dan Galian Selangor atas usaha sendiri telah cuba dan berjaya mengintegrasikan dua sistem pentadbiran tanah yang telah digunakan selama ini dengan bantuan Bahagian Teknologi Maklumat SUK Selangor. Dua sistem yang dimaksudkan ini ialah sistem pungutan hasil tanah (SPHT) dan sistem pendaftaran tanah berkomputer. Harus diingatkan kepada Dewan bahawa Ketua Audit Negara pernah memberi teguran kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor kerana didapati kedua-dua sistem ini tidak dapat diintegrasikan. Kini dengan bantuan daripada Bahagian Teknologi Maklumat masalah ini telah pun diatasi.

PTGS juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara atau pun JPN dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan nombor kad pengenalan dan alamat pemilik tanah. Pada masa yang sama

PTGS melalui BTM (Bahagian Teknologi Maklumat) sedang berusaha untuk membangunkan jaringan Selangor dan *Selangor Land Information Sistem* atau pun nama singkatannya SELIS. Jawatankuasa JP PADAT juga puas hati kerana PTGS akan melaksanakan sistem E-Strata Selangor mulai tahun 2014 dan ianya akan dijangka menjadi rujukan kepada negeri-negeri yang lain. Walau pun begitu JP PADAT mendapati penggunaan sistem-sistem ini adalah bersifat intranet sahaja di mana ianya hanya boleh digunakan secara dalaman, secara *internal* dan masih tak dibuka kepada orang ramai. Maka JP PADAT menyarankan supaya kerajaan menaik taraf sistem ini dan mempertingkatkan tahap keselamatannya supaya ianya boleh diguna dan dibuka kepada kegunaan orang ramai.

JP PADAT juga mendapati sehingga kini masih terdapat lebih kurang 2,000 hektar tanah yang belum lagi diwartakan, 2,000 hektar tanah orang asal yang belum diwartakan disebabkan pelan pra perlindungan belum lagi diselesaikan. Di mana ianya perlu dilaksanakan oleh seorang Juruukur berlesen yang dilantik oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau JUPEM. JP PADAT menyarankan agar kerajaan mempercepatkan proses pewartaan dengan menggunakan perkhidmatan Juruukur Tanah yang bertauliah bagi menyediakan pelan pra perlindungan secepat mungkin. Dalam isu penyelenggaraan dewan orang ramai dan balai raya yang dikawal selia oleh Pejabat Tanah dan Daerah, JP PADAT juga telah menjalankan sesi pendengaran tertutup dan menyarankan agar pewartaan di segerakan. Di mana satu peruntukan tetap tahunan disalurkan kepada setiap Pejabat Tanah dan Daerah untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan. Ini memandangkan ianya merupakan aset kerajaan negeri dan selama ini kerajaan negeri tidak memperuntukkan wang untuk menyelenggarakan aset-aset ini dengan baik.

JP PADAT juga menyarankan agar kerajaan Selangor menetapkan satu dasar terhadap kemudahan-kemudahan yang dibina oleh kerajaan negeri yang terdahulu di atas tanah persendirian dan tanah rizab jalan iaitu sama ada tanah tersebut di ambil alih atau pun cukai tanah atau cukai pintu yang dikenakan terhadap pemilik-pemilik tanah ini diselaraskan dengan sewajarnya. JP PADAT juga memantau proses pembelian tender dan sebut harga oleh Pejabat Tanah dan Daerah. Saranan daripada JP PADAT ialah tempoh sebut harga atau pun tender selama 7 hari minimum adalah singkat kerana mungkin terdapat kontraktor baru yang tidak dapat menyediakan dokumen sebut harga atau tender dengan lengkap. Sebagai penambahbaikan kepada proses yang sedia ada, JP PADAT menyarankan agar tempoh tersebut dipanjangkan dari 7 hari ke 14 hari. Walau pun Pekeliling daripada Perbendaharaan hanya mencadangkan 7 hari sahaja.

JP PADAT juga mencadangkan agar kerajaan menetapkan satu dasar ketelusan yang lebih menyeluruh dan melantik 3 orang anggota ke dalam setiap satu Jawatankuasa yang dimaksudkan dalam Pekeliling di mana individu-individu yang dilantik ini hendaklah dilantik oleh dan bertanggungjawab kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sahaja. Untuk mempertingkatkan tahap ketelusan JP PADAT juga mencadangkan agar kerajaan menjemput Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen setempat di daerah itu untuk dilantik oleh MMKN sebagai pemerhati untuk menyaksikan

keseluruhan proses pemilihan kontraktor atau pun pembekal untuk sesuatu sebut harga sehingga selesai sesuatu kerja pembekalan atau kerja pembangunan fizikal itu untuk dilantik sebagai pemerhati sahaja bukan Ahli Jawatankuasa.

JP PADAT juga mencadangkan pendengaran tertutup terhadap beberapa kes spesifik seperti yang berikut yang pertama rayuan untuk mendapatkan semula tujuh permohonan pembeli pemilikan tanah untuk tujuan pembangunan kediaman di Bukit Angkat Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor. Dan yang kedua aduan terhadap pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah Tahun 1960 pindaan 2000 ke atas Lot 92 GM 515 Bandar Selayang Daerah Gombak dan bayaran pampasan yang dimiliki oleh Tetuan Eng Kheng West Sdn Bhd.

Jawatankuasa PADAT mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan Gombak kerana telah menjalankan tugas dengan profesional dan cekap dalam kedua-dua aduan ini. Untuk aduan pertama PTD Hulu Langat telah memaklumkan bahawa empat daripada tujuh aduan tersebut telah pun diselesaikan manakala tiga yang lain tidak dapat diproses kerana bangunan kediaman masih belum dibina semasa permohonan hak milik dikemukakan. Untuk aduan kedua PTD Gombak telah memaklumkan bahawa kes ini telah pun diputuskan di Mahkamah tambahan lagi aduan ini adalah lebih menjurus kepada Majlis Perbandaran Selayang dan terletak di luar skop pemantauan JP PADAT. Maka JP PADAT tidak membuat apa-apa saranan kepada PDT Gombak.

JP PADAT ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang tampil memberikan keterangan. JP PADAT ingin juga memberi peringatan kepada semua pegawai kerajaan bahawa JP PADAT hanya merupakan sebuah jawatankuasa pilihan yang menjalankan tugas-tugas pemantauan oleh Dewan Negeri Selangor terhadap pihak eksekutif. Ini juga bermaksud JP PADAT tidak boleh mengambil peranan MMKN dan memberi arahan secara langsung kepada pegawai. Akhir sekali JP PADAT akan terus memantau isu-isu yang dibangkitkan dalam penyata ini dari semasa ke semasa pada masa depan. Dengan itu saya sebagai Ahli Dewan Negeri bagi kawasan Kg. Tunku memohon kepada Dewan untuk menyokong dan menerima usul ini sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, saya berterima kasih kepada Kg. Tunku dan rakan-rakan yang Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah yang telah meneliti, memerhati dan memberikan cadangan untuk kebaikan pentadbiran dan kecekapan Pejabat Tanah. Pejabat Tanah sudah mula berubah tetapi saya berharap Jawatankuasa Pilihan ini berharap akan menjalankan tugasnya dengan secara turun padang. Bererti pergi ke pejabat bersama-sama dengan beratur dengan

orang-orang untuk menyelesaikan perkara ini kerana kita nak tahu logik untuk penyelesaian. Jadi dan untuk tujuan boleh tak *first in first out* dilaksanakan. Bererti konsep orang datang yang awal diawalkan yang lambat dilambatkan bukan yang lambat diawalkan. Jadi ini semua hanyalah boleh kita hayati apabila kita bersama-sama mereka. Kedua kita mesti ambil gambaran bahawa tidak sepatutnya orang sepatutnya menunggu untuk membayar duit, sebab orang membayar duit maknanya dia *is our best customer because* dia nak bayar kita bukan orang yang bayar kita. Jadi *the treatment is he cannot wait because* kalau tidak dia tak bayar. Jadi *we have to changes the culture of servis. The marketing culture*, orang yang datang bawa duit nak bayar *will be given the first servis*. Kalau tidak entah mana pergi duit dia. Jadi *this is the concept* yang kita nak, siapa yang datang nak bayar hasil tanah, maknanya pengurus itu salam dengan dia maknanya *shake hand* kerana dengan cara itu barulah kita memperlihatkan servis. Ada satu atau dua komen yang saya nak selitkan iaitu penyelesaian masalah pengambilan balai raya. Apa yang jelas walau pun tanah kerajaan tetapi dia begitu lama dimiliki oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu. Jadi oleh sebab itu strategi kita, proses kita mesti betul, sebab apa yang berlaku di kawasan Ampang ialah oleh sebab kita memiliki tanah tersebut, kita rasa kita sangat berkuasa di atas harta tanah-tanah tersebut dan kita halau semua orang dan kunci. Tapi, dari segi keadilan dia tidak boleh dibuat begitu. Jadi, oleh sebab itu lah apabila kita nak lakukan, kita, oleh sebab kita sebagai negeri, kita mesti melalui proses memberitahu dan kuasa juga ada pada kita untuk mengenakan sewa jadi, kalau dia bagi sewa, walau bagaimanapun, jika kita rasa sewa itu tidak menguntungkan kita dan kita minta mereka meninggalkan bangunan-bangunan tersebut tapi prosesnya mesti teratur, kalau tidak kita akan di..bila dibawa ke mahkamah, mahkamah memihak kepada mereka yang dikatakan teraniaya walaupun kita rasa rakyat yang teraniaya tapi mahkamah masih memberi kepada mereka yang teraniaya. Jadi, Puan Speaker, banyak lagi perkara yang boleh kita perbincangkan tetapi saya menerima syor-syor ini untuk dibawa ke pengurusan sektor tanah untuk dibincangkan dan diperbaiki lagi pentadbirannya.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP Padat) yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2013. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, Usul No. 28 Tahun 2013, usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya dewan yang mulia ini mengambil ketetapan menggesa kerajaan negeri mempercepatkan semua perancangan pembinaan Rumah Mampu Milik di seluruh negeri Selangor termasuk juga di DUN Sekinchan demi memenuhi permintaan rakyat negeri Selangor yang semakin terdesak, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Puan

Speaker, Selangor di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Khalid Ibrahim semakin hari semakin pesat membangun. Setiap tahun berduyun-duyun anak muda dan rakyat daripada pelosok negeri, negara berhijrah ke negeri Selangor untuk mencari peluang pekerjaan dan nafkah hidup. Memandangkan negeri Selangor adalah peneraju ekonomi negara dan menyumbang sebanyak 25% keluaran dalam negara kasar (KDNK), iklim politik yang stabil dan dasar Pakatan Rakyat yang mengamalkan konsep ketelusan, kecekapan dan kebertanggungjawaban telah mendorong begitu ramai pelabur dalam dan luar negeri datang melabur di negeri Selangor. Menurut laporan MIDA, setiap tahun lebih daripada 10,000 peluang pekerjaan baru diwujudkan bagi menampung permintaan pekerjaan semasa oleh rakyat tempatan. Oleh sebab pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat telah menjurus kepada pembangunan hartanah dan perumahan yang begitu rancak dengan itu nilai harta tanah di negeri Selangor juga lebih mahal daripada negeri-negeri yang lain.

Puan Speaker, memang adalah menjadi impian dan tanggungjawab setiap rakyat memberi dan memiliki sebuah rumah demi kesejahteraan keluarga mereka. Namun dalam keadaan inflasi yang begitu tinggi, harga rumah yang mahal, serta komitmen yang begitu besar tidak dapat melepasi tangga gaji terutama pasangan golongan yang muda yang baru berkahwin. Situasi bertambah kritikal apabila kenaikan harga minyak yang diumumkan oleh kerajaan persekutuan yang cakap tak serupa bikin dan kos saraan hidup yang tinggi tambahan pula hari ini, malang tidak berbau kerajaan mengumumkan sekali lagi kenaikan tarif elektrik sebanyak 15% untuk mencengkam rakyat di bawahan ini. Ini lah, 15%, bayangkan, minyak naik, elektrik naik, semua naik. Ini kerajaan BN betul-betul barang naik. Situasi bertambah kritikal apabila kenaikan harga minyak yang diumumkan oleh kerajaan persekutuan telah menyebabkan kesan lantai kenaikan harga barangan semakin ketara. Oleh itu, bagaimana golongan berpendapatan rendah, golongan muda, anak muda belia berpendapatan rendah dapat membeli sebuah rumah? Puan Speaker, ramai di kalangan anak muda tidak mampu memiliki rumah dan terpaksa tumpang di rumah ibu dan ayah mereka. Menyewa rumah sahaja. Fenomena sedemikian berlaku di mana-mana tidak kira di kota atau di desa termasuk di DUN Sekinchan juga. Oleh yang demikian, kerajaan negeri Selangor yang prihatin dan mengambil kepedulian yang tinggi terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat telah mengorak langkah membina Rumah Mampu Milik dengan berbagai-bagai harga yang menarik iaitu daripada RM60,000 hingga RM250,000. Setakat ini menurut jawapan daripada EXCO Perumahan, Yang Berhormat Cempaka, kerajaan negeri bersama swasta telah siap membina 1682 unit Rumah Mampu Milik di tiga (3) tempat seperti berikut, Bandar Baru Bangi 124 unit, Bukit Botak Selayang 1422 unit dan Bandar Sg. Long Kajang 136 unit. Kerajaan negeri Selangor komited memenuhi keperluan rakyat, justeru itu pada pembentangan belanjawan 2014 ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membina Rumah Mampu Milik pada tahun hadapan.

Dana yang disalurkan melalui rizab kerajaan negeri Selangor yang berjumlah RM2.7 bilion. Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga membina Rumah Mampu Milik melalui anak syarikat berkanun seperti PKNS, PNSB, Worldwide Holding dan

sebagainya. Penglibatan sektor swasta juga sangat penting dan membantu mencapai matlamat kerajaan negeri menyediakan 80,000 unit Rumah Mampu Milik dalam tempoh 5 tahun akan datang. Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan matlamat tersebut, perlu usaha dan kerjasama yang padu dan jitu daripada pelbagai pihak khususnya Jabatan kerajaan dan PBT berkenaan untuk mempercepatkan sesuatu permohonan dan sekali gus mengurangkan kerenah birokrasi supaya masa dapat disingkatkan, masa dapat dipendekkan untuk mempercepatkan pembinaan rumah mampu milik yang mana permintaannya dewasa ini begitu terdesak. Puan Speaker, di dalam dewan yang mulia ini, saya amat berharap segala perancangan pembinaan Rumah Mampu Milik mesti dilakukan dengan teliti dan dana RM100 juta dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi membantu rakyat yang miskin dan golongan muda mencapai impian mereka memiliki rumah sendiri. Kita sedia maklum penglibatan sektor swasta dan peranan juga, peranan mereka juga amat penting dalam membantu mempercepatkan matlamat kerajaan mencapai sasaran seperti yang ditetapkan. Saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat mempertimbangkan pemberian tanah kerajaan tertentu dengan syarat kepada syarikat swasta agar dapat membina Rumah Mampu Milik kepada rakyat kita dengan harga yang ditetapkan dan berpatutan. Melalui kaedah kerjasama ini, sesungguhnya hasrat dan matlamat kerajaan dapat direalisasikan dengan kadar yang lebih segera di samping jumlah Rumah Mampu Milik yang lebih banyak dapat dibina dan sekali gus ia dapat ditawarkan kepada rakyat yang memerlukan khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

Satu lagi perkara yang ingin saya sampaikan dalam usul ini ialah tentang keperluan membina Rumah Mampu Milik di DUN Sekinchan. Kerana permintaan yang tinggi, Rumah Mampu Milik kebelakangan ini ramai yang datang berjumpa dengan saya sama ada Melayu, Cina dan India, golongan belia, anak muda, mereka datang. Mereka mengatakan duit yang mereka dapat pendapatan RM2,500 - RM3,000 sebulan *enggak bisa*, tidak mampu untuk memiliki rumah di DUN Sekinchan pun. Hatta sekali di Tanjung Karang pun *enggak bisa* maka dengan itu, saya merayu kepada kerajaan negeri agar dapat mengorak langkah mencari tempat dan saya telah memberitahu Lembaga Perumahan dan Hartanah negeri terhadap satu tanah yang dikenal pasti di Sekinchan untuk dikenal pasti, dibina Rumah Mampu Milik. Ini antara cadangan yang saya lontarkan supaya anak-anak muda dan golongan belia termasuk rakyat miskin di kampung, petani-petani, nelayan-nelayan mereka dapat memiliki rumah sendiri. Pada masa yang sama, saya juga menyeru Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat segera memberi penumpuan permintaan yang saya nyatakan iaitu di Sekinchan ini memang hartanya, harta tanah di Sekinchan kadarnya lebih kurang dengan Klang dan di Shah Alam. Kerana apa? Kerana di Sekinchan berlaku kekangan tanah di Sekinchan. Sekinchan, tanahnya, kerajaan habis. Tanah kerajaan dulu waktu zaman Barisan Nasional sudah diagih-agihkan lot-lotnya kepada konco-konco mereka. UMNOnya, MCAny, MIC, tanah kerajaan saya buka habis, dah tak ada. Tinggal satu dua sahaja yang ada. Ini kekangan tanah di Sekinchan. Tambahan pula bendang yang terbentang luas oleh sebab kita punya tanggungjawab untuk menjaga makanan keselamatan untuk negara jadi Sekinchan kita memelihara tanah-tanah kehijauan itu untuk bendang, *reserve* untuk bendang. Maka, tak ada tanah. Jadi, harta tanah di situ mahal daripada tempat yang lain. Oleh yang demikian, saya mintalah sesungguhnya

kerajaan negeri teruskan usaha dan bantu DUN Sekinchan ini walaupun kerajaan sekarang sudah mengadakan satu projek di mana di Ladang Air Manis di Sabak Bernam dekat BMO, tepi jalan 25 ekar, besar raksasa Rumah Mampu Milik ini. Sudah dipecah tanah oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar 400 unit Rumah Mampu Milik akan dibina pada tahun hadapan dijangkakan. Saya difahamkan, kelulusan merancang sudah diperolehi. Saya memantau sentiasa. Saya mahu juga projek itu segera dilaksanakan. Walau bagaimanapun oleh sebab tapak lokasi itu jauh daripada Sekinchan maka rakyat di Sekinchan, mereka meminta supaya Rumah Mampu Milik walau apa pun kena dirikan di DUN Sekinchan juga. Akhir kata, saya berharap sungguh lah Yang Amat Berhormat dapat meneliti sungguh-sungguh pembinaan Rumah Mampu Milik di DUN Sekinchan dan sebagai rumusan saya meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan RM100 juta yang kita bajetkan untuk membina Rumah Mampu Milik ini kita kena rancang sungguh-sungguh dan percepatkan jangan kerana hanya tetap dengan perancangannya, dana dengan dananya dan akhirnya, tahun depan projeknya tidak dijalankan. Saya tidak mahu perkara sedemikian berlaku. Oleh yang demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana begitu prihatin terhadap permasalahan rakyat dan telah menyediakan dana RM100 juta untuk pembinaan Rumah Mampu Milik. Sekian sahaja saya mohon mencadangkan, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada pencadang ke? Ha, Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah, usul ini telah disokong. Saya buka untuk perbahasan. Saya minta pihak kerajaan untuk memberi penjelasan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat, *Insyallah* kita sebenarnya, kalau boleh kita nak buat Rumah Mampu Bilik di setiap daerah, di setiap bandar jadi bermakna seperti mana yang pernah juga dibangkitkan oleh Sekinchan kepada saya *Insyallah* kita akan bincang dan kita akan lihat dan untuk mempercepatkan pembinaan Rumah Mampu Milik ini kalau dulu kita cuma ada syarikat swasta kemudian kita ada anak-anak syarikat seperti PKNS dan PNSB tetapi sekarang ini kita ada pihak yang ketiga iaitu satu badan khas, seperti mana yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Rakyat pada Pilihan raya Umum Ke-13 di mana badan khas ini pun telah diluluskan penubuhannya oleh EXCO pada 13 November yang lepas. Jadi, kita berharap bahawa dengan ketiga-tiga badan ini kita akan dapat mempercepatkan dan memperbanyakkan lagi pembinaan Rumah Mampu Milik. Mungkin satu perkara yang mungkin yang perlu kita perhatikan adalah bagaimana kita nak percepatkan kelulusan setiap, ataupun kebenaran merancang bangunan, kelulusan bangunan bagi setiap projek. Apa yang telah dilakukan sejak penggal lepas lagi adalah kita menubuhkan satu jawatankuasa khas seperti mana OSC di mana segala permohonan-permohonan Rumah Mampu Milik itu, kita panggil Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak yang terlibat di mana kita duduk di atas satu meja, bukan duduk di atas satu meja, berbincang semeja (ketawa) (Ahli dewan ketawa),

duduk atas meja tu dah lain cerita dah. Kita bincang semeja yang mana kita selesaikan di situ. Tidak perlulah mana-mana pemaju berlari ke jabatan ini, ke jabatan sana supaya kita selesaikan keseluruhannya sekali. Untuk mempercepatkan atau memberi insentif kepada pihak pemaju membina Rumah Mampu Milik, bagi Rumah Mampu Milik ataupun projek Rumah Mampu Milik atau kita panggil sebagai Rumah Selangorku ini, yang dibina oleh pemaju kita bagi apa yang dipanggil sebagai diskaun kepada sumbangan-sumbangan ataupun kepada caruman-caruman yang perlu dibayar oleh pemaju-pemaju. Ini merupakan satu diskaun atau satu insentif untuk mengurangkan kos pihak pemaju supaya ianya dapat membina rumah yang lebih murah lagi, *Inshaallah*, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi, bahawasanya dewan yang mulia ini mengambil ketetapan menggesa kerajaan negeri mempercepatkan semua perancangan pembinaan Rumah Mampu Milik di seluruh negeri Selangor termasuk juga di DUN Sekinchan demi memenuhi permintaan rakyat negeri Selangor yang semakin terdesak khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul untuk menangguhkan dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Persidangan kita telahpun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya dewan ini ditangguhkan sehingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Puan Speaker, saya sangat berterima kasih kepada Puan Speaker, Timbalan Speaker dan semua ahli dewan yang telah menyertai perbincangan yang saya anggap sangat bermakna bagi selepas, bagi tahun-tahun yang pernah saya ikuti. Jadi, untuk ini, saya juga ingin menunjukkan bagaimana perubahan-perubahan telah berlaku. Saya baru menerima, emel ataupun nota dari Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Kewangan Negeri katanya sekarang kita punya, sehingga 29 November 2013 jumlah pendapatan hasil negeri ialah RM1933,247,130 maknanya kita sudah melebihi *target* dan jumlah tersebut, dari jumlah tersebut hampir RM1000 juta ialah dari kutipan premium tanah. (ahli dewan bersorak). Ini merupakan satu pelonjakan yang berbeza sebelum tahun 2008 yang kutipannya hanyalah tidak melebihi RM300 juta jadi, ini satu lonjakan yang kita rasa menunjukkan keinginan kita untuk membawa pembaharuan dalam pentadbiran negeri dan jika kita ikuti perbincangan-perbincangan kita, termasuk dari Pakatan Rakyat dan juga rakan-rakan daripada Barisan Nasional, nampaknya perbincangan tersebut sudah menunjukkan keinginan untuk berbincang bersama demi pembangunan negeri Selangor. Saya berterima kasih pada Dengkil, Sg. Panjang dan Sg. Burong yang juga bersama-sama dalam perbincangan untuk mencari jalan bagaimana kemajuan negeri Selangor ini dapat diperbaiki. Walau bagaimanapun, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang berita-berita yang menunjukkan bahawa keputusan kita untuk menaikkan pendapatan ahli-ahli dewan agak diterima tapi ada juga orang yang tak menerima. Jadi, dan untuk pengetahuan, sekarang, buat masa

sekarang, gaji yang akan didapati oleh Menteri Besar adalah melebihi dari gaji yang didapati oleh Perdana Menteri, tapi, dan gaji yang didapati oleh Puan Speaker melebihi dari Timbalan Perdana Menteri. Tapi, ini bukan gaji yang terbanyak sebab gaji yang diterima oleh Ketua Menteri Sarawak lebih tinggi daripada gaji yang diterima oleh gaji yang diterima oleh Menteri Besar Selangor. Jadi, dan juga Perdana Menteri Malaysia, jadi itu untuk rekod supaya jangan ada orang mengatakan pula kita dan juga gaji yang diterima oleh Menteri Kanan Sarawak lebih tinggi daripada gaji Speaker negeri Selangor dan juga Timbalan Perdana Menteri.

Jadi, walau apa pun yang kita bincangkan, kita akan membawa satu perubahan. Perubahan yang paling penting ialah apabila kita tentukan tahap pampasan yang sesuai untuk ahli-ahli dewan, kita membawa dua (2) pandangan. Satu (1) ialah menerima hakikat bahawa tugas-tugas dewan ini bukanlah satu tugas yang boleh dipermainkan sebab kita rakyat sanggup membayarnya kerana kita diminta boleh menjalankan tugas-tugas ini. Kedua, dengan pendapatan ini, kita tak ada sebab lagi untuk mengatakan kita perlu untuk mencari punca-punca lain kerana kita rasa dengan ini, membolehkan kita menjalankan tugas kita dengan tidak memikirkan beban-beban yang kita tanggung. Dan jika konsep ini kita lakukan, dan perkara ini kita teruskan sudah tentulah Dewan Negeri Selangor akan merupakan dewan yang mana wakil-wakilnya menumpukan tugas, menjalankan tugas dengan penuh amanah ikhlas dan bertanggungjawab. Jadi, saya rasa, dan kedua sudah tentulah saya nak ingatkan bahawa dewan juga telah diberitahu, kita juga akan memberi bonus kepada penjawat awam tambahan setengah bulan untuk dibayar pada awal minggu pertama tahun 2014 sebab, dua(2) sebab, satu ialah mengelakkan pembayaran di akhir tahun supaya duit itu akan digunakan untuk tahun 2014. Kedua, ialah untuk menentukan peruntukan yang kita buat itu digunakan selepas kelulusan belanjawan, dan belanjawan ini diluluskan berkuatkuasa pada 1.1.14. Jadi, saudara-saudari sekalian, itu lah saja, saya berharap kita akan berjumpa kembali dan sudah tentu EXCO negeri mempunyai tanggungjawab untuk membentangkan tentang beberapa perkara untuk perhatian dewan termasuk Rumah Mampu Milik yang diharapkan oleh ahli-ahli dewan yang akan memberikan sumbangan kepada masalah kekurangan tempat kediaman yang mempunyai nilai yang munasabah, kedua, sudah tentulah kita nak tahu kan apakah yang kita akan lakukan untuk Program Pembangunan Desa yang mana kita bercadang untuk meningkatkan pendapatan dengan peruntukan RM50 juta. Dan saya juga berharap akan dapat melakarkan kepada para ahli dewan tentang pembinaan jambatan Klang yang gambarannya sudah sedia tapi kita akan mengadakan tender terbuka awal bulan Januari ini. Dan Program Memperdayakan Wanita akan juga kita teruskan dan saya berharap sumbangan rakan-rakan untuk memberi idea bagaimana kita memperdayakan dan *to accept the concept*, saya agak tidak, itu sebab saya tidak selalu bercakap tentang wanita, sebab, saya anggap *is already a given resource*, maknanya wanita itu *already a given economic resource*. Jadi tak payah diperbincangkan tapi oleh kerana tujuannya ialah untuk melipatgandakan hasil *resource* tersebut saya terima tapi walau bagaimanapun kita menerima hakikat, setiap ringgit yang kita gunakan itu mestilah akan mengakibatkan kenaikan produktiviti dan seterusnya.

Akhir sekali, kita juga mempunyai program untuk belia dan usahawan yang juga kita akan bentangkan pada dewan dalam masa perjumpaan di pertengahan bulan Mac *Inshaallah*, akan datang. Itu lah saja Puan Speaker, terima kasih dan kita harap kita sama-sama berdoa kepada Allah s.w.t. untuk memberikan kita rahmat dan hidayahnya supaya kita dapat bekerja dengan lebih kuat dan lebih azam demi kesejahteraan rakyat Selangor. Terima kasih. (Ahli dewan tepuk tangan)

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum menangguhkan persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah memberi kerjasama dan melibatkan diri secara aktif pada persidangan kali ini. Tak lupa juga saya mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Ketiga Bajet Persidangan Penggal Pertama kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urusetia, Pelapor-Pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak deraf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembedaan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Saya juga berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian akan terus bekerja keras dan aktif dalam Jawatankuasa terpilih yang telah ditubuhkan. Harapan saya Jawatankuasa terpilih ini akan melibatkan penglibatan aktif Yang Berhormat Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional sebagai pemantau yang efektif terhadap pentadbiran negeri.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa melalui usaha Jawatankuasa terpilih pengurusan Dewan dan dengan kelulusan pihak kerajaan negeri, negeri Selangor merupakan negeri yang kedua yang telah memberi pengiktirafan kepada Ketua Pembangkang tetapi kami merupakan negeri yang pertama memberi elaun yang tertinggi sebanyak RM3000 sebulan bersama fasiliti yang lain seperti yang dibentangkan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 6/2013. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pada Penggal Pertama Ke-13 ini kita telah bersidang selama 104 jam selain itu, sebanyak 256 soalan mulut telah dijawab oleh kerajaan termasuk yang telah dijawab bersekali daripada 316 soalan mulut yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini adalah satu peratusan yang baik iaitu 84% dan saya akan usahakan supaya peratusan ini terus meningkat. Jawapan kepada soalan bertulis mesti disampaikan kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam masa dua (2) minggu dari tarikh hari ini dan agensi kerajaan yang gagal memberikan jawapan akan dirujuk ke Jawatankuasa Selcat. Dengan ini, saya menangguhkan persidangan hari ini ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan jam 6.40 petang]